



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Shah Alam, 26 Mac 2012 ( Isnin )**

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

Y.B. Tuan Lee Kim Sin

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

Y.B. Tuan Lau Weng San

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Tuan Dr. Mohamed Khir bin Toyo, PJK.

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

## **TURUT HADIR**

### **(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana bt. Razali  
Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
Encik Redzuan bin Adam  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat hari ke enam 26 Mac 2012 bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

*Bismillahir Rahmani Rahim.* Ya Allah, Ya Tuhan kami, Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat dan memuliakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu juga, berbagai rancangan pembangunan telah di nikmati oleh rakyat, berbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah, kami mohon ke hadrat Mu agar mengurniakan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk membolehkan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah, kami berserah.

Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER:** Balakong, tidak hadir. Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

48. Kerajaan Negeri pernah mewar-warkan akan membina banyak rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah bilangan rumah, jenis unit yang dibina oleh kerajaan atau anak syarikat negeri sejak 2008 hingga kini?
- b) Adakah rumah yang siap dibina dari projek asal atau projek terbengkalai?
- c) Apakah peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memastikan hasrat Kerajaan Negeri tercapai?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Permatang, menjawab soalnya Kerajaan Negeri amat prihatin dan memandang serius terhadap golongan berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya dalam penyediaan kediaman mampu milik oleh untuk golongan tersebut. Namun begitu, Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru hanya dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 8 Jun 2011 iaitu di Bandar Baru Bangi, Seksyen 3. Oleh yang demikian, dari tahun 2008 Kerajaan Negeri masih menggunakan dua jenis program iaitu pertama adalah rumah mampu milik seperti mana yang telah dibina, sedang dibina di Bandar Baru Bangi tetapi kita juga mengguna pakai iaitu rumah-rumah mampu milik seperti Rumah Kos Rendah yang berharga RM35,000 hingga RM42,000 dan Rumah Kos Sederhana Rendah yang berharga RM72,000 dan Rumah Kos Sederhana iaitu RM100,000. Dalam tempoh tersebut, Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya sama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah diamanahkan untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana selain sebagai tanggung jawab sosial korporat atau pun yang dipanggil CSR.

Secara keseluruhannya, sebanyak 23,637 unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh PNSB dan PKNS bagi tempoh April 2008. Ini adalah yang Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah dan Rumah Kos Sederhana dan kalau kita melakukan pecahan kepada jumlah tersebut Kategori Rumah Kos Rendah iaitu RM35,000 hingga RM42,000 bilangan unit yang siap diduduki adalah 287, bilangan unit dalam pembinaan adalah 826 unit, bilangan unit yang belum bina tetapi telah mendapat kelulusan adalah 4,499 unit. Sementara kategori Rumah Kos Sederhana Rendah yang ini adalah di antara RM42,001 kepada RM72,000 yang ini bilangan dalam pembinaan adalah 16, bilangan unit yang belum dibina yang telah mendapat kelulusan adalah 2,516 sementara kategori Rumah Kos Sederhana iaitu di antara RM72,001 kepada RM100,000, bilangan yang unit dalam pembinaan adalah 5,510 dan bilangan unit yang belum dibina adalah atau pun telah belum dibina tetapi telah mendapat kelulusan adalah 9,983 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 23,637 unit-unit rumah yang dibangunkan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri hanya 1,422 unit rumah berkembar satu tingkat di Bukit Botak yang terlibat dengan pengambilan atau pun pemulihan projek terbengkalai oleh PKNS dari tahun 2010. Status kemajuan tersebut telah mencapai 72 peratus dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 2012.

Komitmen PKNS adalah untuk membina sebanyak 10,948 unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun mulai tahun 2011 hingga 2021. Bagi tahun 2012, jangkakan sebanyak 933 unit akan dibina dan baki 10,015 unit akan dibina pada 2013 hingga 2021 secara berperingkat-peringkat.

Saya ingin menjawab soalan tadi bersama dengan soalan No. 140 oleh Lembah Jaya, di mana bertanya tentang perbezaan di antara rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Kalau kita lihat bahawa rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor ianya harganya ialah maksimumnya adalah RM150,000.00

daripada RM69,000 yang sedang dibina oleh PKNS kepada RM150,000 yang maksimum atau yang had yang paling tinggi tetapi yang kalau di bina oleh pihak Kerajaan Persekutuan yang ini harganya adalah mencapai sehingga RM300,000 dan persoalan sama ada di manakah adakah kita akan melibatkan pemaju-pemaju swasta, memang benar pemaju-pemaju swasta telah dilibatkan di dalam pembinaan rumah mampu milik ini di mana kita telah membuka kepada pemaju-pemaju swasta yang merasakan bahawa di kawasan mereka hendak membina rumah kos rendah itu tidak terdapat permintaan untuk rumah kos rendah dan ianya telah kita masukkan ke dalam mesyuarat MMKN, mesyuarat EXCO untuk diluluskan dan sekarang ini ada beberapa yang telah diluluskan dan ada yang telah pun terbina seperti mana yang sedang dibina seperti mana di Sungai Long terdapat 136 unit yang sekarang ini di dalam pembinaan dan akan siap pada bulan September ini oleh pemaju swasta dan terdapat banyak lagi contohnya di Shah Alam, di mana ada 520 unit rumah mampu milik yang sedang yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang untuk dibina oleh pemaju-pemaju swasta, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO bagi jawapan tadi, saya cuma nak tanya lanjutannya mengenai rumah mampu milik dan juga rumah kos rendah, sama ada rumah-rumah kos rendah ini kawasan tumpuannya apakah melibatkan kawasan bandar seperti Shah Alam, Bandar Baru Bangi kawasan bandar atau hanya menumpukan nanti termasuklah yang diluluskan ini hanya di kawasan-kawasan luar bandar, apakah kedudukannya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kalau kita lihat bahawa Kerajaan Negeri mendapat permohonan daripada pemaju-pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik untuk menggantikan rumah kos rendah tapi kita kena kaji dulu sama ada di kawasan tersebut itu terdapat permintaan atau tidak untuk rumah kos rendah. Sudah tentu di kawasan-kawasan bandar ada permintaan sebab masalah kita dengan rumah kos rendah ini adalah seperti mana yang berlaku di kawasan Majlis Perbandaran Kajang dan juga Majlis Daerah Hulu Selangor di mana kita melihat bahawa rumah kos rendah itu dibina jauh dan tidak ada permintaan untuk membeli rumah kos rendah tersebut. Tetapi kalau di kawasan bandar, sekiranya ada permohonan nak tukar daripada kos rendah kepada mampu milik, saya rasa Kerajaan Negeri pun tidak berminat untuk meluluskan sebab di kawasan bandar masih terdapat banyak lagi permintaan untuk mereka membeli rumah-rumah kos rendah. Jadi untuk menjawab soalannya maknanya kita kalau di kawasan bandar dimana ada permintaan maka rumah kos rendah perlu diutamakan sebab ada permintaan untuk rumah kos rendah yang amat tinggi sekarang ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.



**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Pemilihan lokasi untuk rumah mampu milik ini, kadang-kadang hanya dilihat di mana ada kosong saja tanpa memikirkan masalah setempat misalnya di Bandar Baru Bangi dipilih di Seksyen 3 kerana di situ ada lebih tanah sedikit, ini menimbulkan masalah atau pun protes juga daripada penduduk setempat kerana perumahan di situ adalah perumahan *Link* dan juga *semi-D* jadi datangnya rumah mampu milik, rumah pangsa akan mendatangkan masalah kepada mereka. Mereka takut akan jadi kawasan selam dan masalah sosial, selain daripada itu dia juga menjadikan tidak harmoni di situ ertinya jenis rumah yang sama tiba-tiba datang satu rumah mampu milik di tengah-tengah kawasan katakan elit atau semi-elit dan sebagainya dia merosakkan dari segi bukan saja pandangan, lokasi dan juga masalah setempat sosial di situ, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sebenarnya Yang Berhormat, tanah atau pun tapak di mana di bina rumah mampu milik yang sedang dibina rumah mampu milik di Bangi itu asalnya adalah untuk rumah kos rendah tetapi kita melihat tentang kesesuaian tempat itu maka kita luluskan untuk dibina mampu milik. Sebenarnya kepadatannya patut dua kali, tiga kali ganda daripada yang dibina sekarang jadi bermakna bahawa dengan izin ya *the government is doing a favor to the resident* maknanya penduduk sekarang ini mendapat yang lebih baik daripada yang sepatutnya. Kalau dibina rumah kos rendah di situ maka sudah tentu akan lebih padat lagi tetapi sekarang ini kita bina rumah mampu milik yang lebih baik, tetapi saya berharaplah di dalam dewan ini saya nak menyeru supaya kita janganlah melihat, mengklasifikasikan masyarakat ada yang *low class* ada *high class* saya rasa bila kita fikir tentang mampu milik, kita memikirkan kos rendah kita ingat orang-orang ini jahat-jahat semuanya dekat situ, tak boleh apa ini Yang Berhormat kita kena ada sangka baik kepada rakyat sesama insan kita tuan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN AM/LUAR JANGKA**

49. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 46 – 50.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut berbaki RM8.10 juta yang tidak pernah digunakan sejak tahun 2003?

- b) Apakah status tiga projek di bawah peruntukan P29 yang prestasi perbelanjaannya adalah tidak memuaskan iaitu antara 20.7% hingga 40.2%?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap laporan bahawa peruntukan di bawah kod 60002 telah disalahgunakan bagi tujuan memperindah kawasan dan membina Medan Ikan Bakar serta Dataran Esplanade?

**Y.A.B TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Hulu Kelang menyoal tentang perbelanjaan am/luar jangka. Mengikut laporan Audit pada tahun 2010 terdapat penggunaan perbelanjaan am/luar jangka. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut berbaki RM8.10 juta yang tidak pernah digunakan sejak tahun 2003 dan Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang wang tersebut dan saya ingin nyatakan wang itu tidak disimpan beku tapi dilaburkan dalam kiraan pendapatan kecairan yang tinggi jadi oleh sebab itu tidak disimpan beku. Tapi Kerajaan Negeri mengambil maklum kenapa kita tidak gunakan, walau bagaimanapun dalam Akta Seksyen 11, 3 Akta Prosedur Kewangan Tahun 1957 Menteri boleh atau pun Menteri Besar jika ia berpuas hati bahawa tidak ada timbul satu keperluan segera dan tidak disangka-sangka perbelanjaan bagi maksud Persekutuan baginya tidak ada peruntukan lain dan untuk Kumpulan Wang tidak boleh diperuntukkan di bawah Seksyen 154 membuat pendahuluan daripada Kumpulan Wang disatukan untuk menampung keperluan itu. Sebab itulah kita kena sediakan wang tersebut, setelah penggunaan diperuntukkan tersebut dilaksanakan ianya perlu dibentangkan dalam Persidangan Dewan Negeri sebagai Enakmen Perbekalan Tambahan yang dimasukkan semula dalam akaun Wang Amanah Belanja Mengejut. Jadi kalau kita gunakan maknanya kita akan beritahu tentang penggunaan tersebut.

Apakah status tiga projek di bawah peruntukan P29 yang prestasi perbelanjaannya adalah tidak memuaskan iaitu antara 20.7% hingga 40.2%? Pada bulan November 2009 kelulusan bagi kelulusan membaiki pulih cerun runtuh di Desa Melur Serendah telah diberikan kepada Jabatan Kerja Raya dan tiga projek yang menggunakan peruntukan yang sama ialah menaik taraf Jalan Montfort B29 dari Persimpangan Politeknik ke jalan masuk TUDM Shah Alam kerja-kerja membaiki cerun tanah di kawasan Melur 10, Taman Desa Melur Serendah Selangor, kerja-kerja menaik taraf memelihara Masjid Diraja Sultan Sulaiman Klang, peruntukan yang sama juga digunakan memandangkan projek pembangunan yang lain tidak dapat ditampung oleh JKR pada tahun itu, projek-projek tersebut telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2010 menggunakan peruntukan tahun semasa jabatan jadi ketiga-tiganya sudah siap dan soalan yang akhir ialah Apakah tindakan kerajaan terhadap apa yang dikatakan peruntukan di bawah kod 6002 telah disalahgunakan bagi tujuan memperindah dan kawasan membina medan ikan bakar serta Dataran Esplanet, saya ingin menyatakan perkara ini, sebenarnya sepatutnya tidak berlaku tetapi kuasa untuk menggunakan ini boleh dilakukan antaranya arahan Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan

Negeri wang dalam akaun ini hendaklah dibelanjakan hanya bagi tujuan-tujuan yang berikut, membaiki kos penyelenggaraan semua jalan negeri, perbelanjaan seperti pembelian jentera, pembelian gaji serta lain-lain imbuhan kepada pekerja berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti jalan dan C yang kita gunakan kuasa C, apa-apa perbelanjaan lain yang diluluskan YB Pegawai Kewangan Negeri itu sebab dia gunakan walau bagaimanapun tujuan kita ialah sebab kita memperbaiki Medan Ikan Bakar ini ialah kerana *Tourism* Malaysia, telah membelanjakan lebih daripada RM5 juta untuk membaiki Esplanet itu ikan bakar yang dahulunya dikenal sebagai Tanjung Gila sekarang terkenal dengan Tanjung Harapan, jadi kita perbaiki supaya tempat masyarakat di Klang dapat kawasan apa yang dikatakan untuk bersantai pada hujung minggu, sebab jumlah penduduk di Klang mencecah 1juta oleh sebab itu kita buat tapi saya rasa di masa depan pelaksanaan yang kita lakukan tidak ada lagi wang MARRIS yang boleh digunakan selain daripada untuk pembetulan jalan-jalan dan parit-parit sebelah jalan, dan jika ada pun dia mestilah di bincangkan dahulu sebelum penggunaan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tambahan, terima kasih Tuan Speaker, terima Menteri Besar, isu-isu yang dibangkitkan di sini ialah isu yang telah diulas oleh Ketua Audit Negara, isu-isu yang dibangkitkan juga melibatkan soal-soal belanjawan yang telah diluluskan oleh Dewan, jadi soalan saya adakah tidak ada rancangan atau pun jadual berkala yang teratur bagi membolehkan Bahagian Audit Dalam SUK untuk memantau projek-projek ini agar tidak berlaku lagi aduan – aduan yang tidak memberangsangkan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.A.B DATO MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, YB dari Hulu Kelang, pengalaman saya sebagai pengurus saya dapati kita mesti memantau sentiasa jadi oleh sebab itu saya telah meminta Audit Dalaman dari masa ke semasa untuk melakukan audit operasi jadi dengan cara itu kita dapat memantau dan keputusan-keputusan yang dibuat kita mesti rekodkan sebab Audit Negara hanya mengaudit mengikut *circle* maknanya pada tahun ini dia tumpukan pada satu jabatan atau satu perkhidmatan 3 tahun kemudian boleh jadi dia lawat balik jadi kalau kita tahu pun ceritanya 3 / 4 tahun kemudian jadi oleh sebab itu lah sekarang kita telah mula membawa satu pembaharuan yang dipanggil *rolling* audit dia jadi lebih senang, tapi saya tumpukan kepada perkara-perkara yang penting dan memberikan kesan terutama dari segi pengurusan dana jadi kalau kita tahu pengurusan dana kita ke mana duit itu akan pergi, jadi kalau kita tahu pengurusan dana dan *every quarter*, kita boleh pantau tentang kegunaan-kegunaan dan kita boleh soal mengapa kegunaan ini berlaku, kedua kita juga ada yang dipanggil dalam pengurusan *random check*, bukan kalau semua nak siap rugi masa dan juga tak sepatut berlaku sebab kita dah ada yang dipanggil *SOP System Operating Procedure*, tapi kita adakan *random* untuk kita tengok dan kalau kalau *random* tu kita dapati ada juga yang berlaku baru lah kita *focus*, kepada jabatan-jabatan tertentu saya rasa kalau ini kita lakukan, jadi saya tidak nak mengatakan sepanjang yang saya tengok dalam pengurusan, syarikat dan juga negeri memang ada beberapa usaha untuk tidak mengikut *SOP System Operating Prosedure*, cepat

perbetulkan tapi kalau kita jaga tentang dana, maknanya yang penting penggunaan yang besar bukan penggunaan yang kecil walau begitu dengan itu mengawal tentang penggunaan-penggunaan, perbelanjaan-perbelanjaan, dan juga menentukan pengurusan harta dan sumber itu dibuat dengan lebih cekap dan baik.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, soalan No. 50.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

- (a) Apakah rancangan Kerajaan dalam meningkatkan pencapaian akademik di UNISEL dan KUIS

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH ALI:** Terima kasih kepada Kajang, terima kasih Tuan Speaker, Kajang mahu tahu tentang rancangan Kerajaan dalam meningkatkan pencapaian akademik di UNISEL dan KUIS, Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan dasar kecerdasan berjaya atau *successful intelligent* dengan izin untuk memastikan institusi pengajian tinggi di Selangor bertaraf antarabangsa dan kerajaan dalam usaha untuk merangka jaminan kualiti ahli akademik di antara langkah kritikal yang telah dikenal pasti kerajaan Selangor untuk mencapai mercu kejayaan tersebut ialah memastikan ahli akademik diberi kebebasan untuk menyatakan pandangan, teguran, kritikan serta saranan berdasarkan kepakaran, dan pengalaman masing-masing dan sentiasa berkongsi ilmu dan kemahiran dengan ahli akademik di IPT yang lain sebagai sebahagian proses memajukan ahli akademik, program pembangunan sistematik, ahli akademik juga disyorkan kepada pihak pengurusan tertinggi institusi pengajian tinggi Negeri Selangor, untuk memperdayakan ahli akademik Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan untuk memperkayakan program akademik sama ada yang melibatkan pakar dalam negara mahupun luar negara seperti seminar, wacana ilmu, bengkel, dan apa-apa jua program dan aktiviti yang membolehkan *appear review* dengan izin atau tinjauan rakan sebaya sentiasa berlaku Kerajaan Negeri juga sentiasa memudah carakan *networking* dengan izin, atau jaringan dan usaha-usaha akademik antarabangsa kepada ahli-ahli akademik khususnya di IPT Negeri Selangor, dengan menandatangani MOU dengan universiti berprestasi tinggi, seperti contoh Cambridge University, Oxford University, Manchester University dan Impairer University di UK, dan MoU yang baru ditandatangani dalam sebulan yang lepas dengan ITB Bandung, universiti di Iran dan Jordan dan Timur Tengah, inti pati semua MOU ini ialah perjanjian pertukaran pelajar jangka pendek termasuk perpindahan jam kredit atau *credit hours*, pensyarah dan juga kajian bersama atau *joint research* untuk manfaat bersama, untuk memperkasakan ahli akademik Jawatankuasa Tetap Tinggi Negeri Selangor akan membantu keinginan ahli akademik untuk mewujudkan Majlis

Permuafakatan Ahli Akademik Selangor kerana dikatakan mereka perlu bantuan untuk mengejutkan rakan-rakan sejawat mereka yang telah dibekukan oleh dasar ..... Selama ini, majlis ini juga, majlis permuafakatan Ahli Akademik Selangor ini juga bakal dilancarkan pada 19 Mei oleh YAB Dato' Menteri Besar , Insya Allah di UNISEL. Jadi semua Ahli-ahli Berhormat bersama. Dana *Endowment* telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor lebih kurang sebanyak 4 juta ringgit untuk tujuan kajian terfokus seperti *green* dan bio-teknologi , pasal halal *certification* , inovasi enjin motor efisien yang diujikaji dengan kemenangan UNISEL-GEMS *Racing Teams dan Cups Prix* dan sebagainya dan pengurusan masalah gejala sosial serta keberkesanan sistem pendidikan Islam di negeri Selangor. Kerajaan Selangor juga telah membantu penerbitan buku saintifik hasil kajian pensyarah-pensyarah di UNISEL yang telah mendapat ahli sains di dalam dan luar negara. Peningkatan, kualiti pelajar. Kerajaan Negeri Selangor meletakkan mahasiswa sebagai bakal modal insan yang tidak ternilai harganya. Siswa harapan bangsa, siswi tiang negara. Kerajaan Selangor mengiktiraf bahkan mahu membudayakan mahasiswa agar menjadi sumber bertenaga dan penjana tamadun masa depan dengan menyerlah potensi maksimum mereka dengan sokongan dan dukungan yang wajar dan tepat. Justeru , Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi telah pun mewujudkan satu platform untuk mencapai tujuan itu iaitu Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor (MPMS) yang telah berfungsi dengan cergas selama 3 tahun yang lepas. Siswa siswi di UNISEL dan KUIS dan siswa Selangor juga dicergaskan dan dicerdaskan dalam satu platform MPMS ini agar menjadi graduan yang dicorakkan menjadi modal insan *holism* dengan izin atau syumul yang berwawasan mempunyai misi hidup yang jelas. Persediaan asas siswa siswi ini adalah tapak kukuh yang diperlukan untuk membina tiang-tiang seri kehidupan siswa siswi yang penting dan utama bagi memastikan siswa siswi berjaya dunia dan akhirat *Insya-Allah* dengan memposisikan *heartset* dengan izin dan *mindset* di kalangan siswa siswi ke arah yang membolehkan mereka merancang langkah-langkah kritikal untuk menjayakan proses pembelajaran yang berkesan. Program membangun holistik mahasiswa ialah membawa siswa siswi ke pangkuan rakyat di kampung dan desa serta rakyat miskin bandar di pangsapuri kos rendah bersinergi dengan ketua kampung, ahli majlis, lembaga zakat Selangor, NGO, perpustakaan , PIBG , AJK masjid surau dan pimpinan masyarakat setempat. Bahagian B, berapakah tanggungan perbelanjaan kerajaan dalam pengurusan dan penyelenggaraan dua IPT tersebut. Untuk maklumat YB Kajang, Kerajaan Negeri secara khusus tidak menanggung kos pengurusan dan penyelenggaraan 2 IPT ini namun begitu bagi UNISEL terdapat masalah berupa hutang lapuk kos pembinaan kampus UNISEL yang telah menyebabkan Kerajaan Negeri bersetuju untuk membantu UNISEL untuk membayar balik pinjaman Ba'l Bithaman Ajil *Islamic Debt Securities* kepada Bank AFFIN sebanyak RM150 juta. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembinaan Pembangunan kampus UNISEL, maka PIYSB telah membiayai tanggungan hutang dengan membuat pinjaman jangka pendek *Bridging Loan* dari *AFFIN Investment Bank Berhad* berjumlah RM150.0 juta telah dilakukan oleh PIYSB bertujuan untuk membiayai pembayaran menyelesaikan kerja-kerja penyiapan bangunan dan pembelian peralatan pada Disember 2005, YB Disember 2005 akibat kegagalan Maxisegar Sdn Bhd memenuhi obligasi pembayaran penswastan pembangunan kampus tetap UNISEL. Jadi PIYSB perlu membayar RM61,500,854.20

untuk pembinaannya 88 juta 449, 2ribu lebih dan selain dari pembiayaan dari PYISB, Kerajaan Negeri juga telah menyuntik sejumlah amaun untuk bayaran pendahuluan kepada berapa kontraktor yang berjumlah RM81,867,500.00 dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun berdasarkan *flat rate* pada 15 Jun 2007. YB ini sebelum kita ya. Bagi pihak KUIS, tiada peruntukan khas diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan pengurusan. Kerana KUIS ini sebenarnya adalah di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bukan *direct* di bawah Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Ada makluman pihak kerajaan Saudi menawarkan untuk membina Universiti Madinah di Malaysia khususnya di Selangorlah dan dikatakan ada tapak yang luas di Cyberjaya dengan jumlah yang besar peruntukkan tetapi oleh sebab kebimbangan terhadap Wahabi, masuk ke sini melalui universiti kalau didirikan, maka berlaku, apa ni semacam penangguhan usaha untuk mendirikan universiti, cawangan Universiti Madinah di Malaysia. Yang kedua, Bangi ingin bertanya, Alumni Kolej Islam berusaha juga untuk mendirikan universiti sebagai lanjutan daripada Kolej Islam yang telah tidak ada yang diketuai oleh Ketua Alumni Tan Sri Dr. Yusof Noor, adakah usaha ini mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan kalau didirikan apakah peranan apa, Kerajaan Negeri kerana Kolej Islam ni asalnya di Negeri Selangor dalam mendirikan apa dia ni, universiti lanjutan daripada Kolej Islam khususnya tapaknya juga berada di Selangor iaitu di Cyberjaya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Bangi. Mengenai soalan bahawa kerajaan Saudi Arabia mahu mendirikan kampus tetap *Madinah International University*, sebenarnya tapak itu telah diberi kepada MAIS untuk didirikan Taman Islam dan *Madinah International University* merasakan tidak apa, tidak cukup dan banyak takungan air dan sebagainya, jadi tidak berapa, berapa, sesuai. Masalah Wahabi dan sebagainya memang benar pada awalnya memang ada dihentikan, atau ditangguhkan dulu kerana dikhuatiri ada fenomena pengaruh Wahabi tetapi itu bukan di bawah, di bawah sewenang Kerajaan Negeri bukan bawah sewenang Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah, mahu membantu sekiranya *Madinah International University* mahu *acquire* dengan izin *acquire the land* untuk kegunaan mereka membina kampus tetapi mereka belum lagi memberikan yang positif kerana tempat itu masih, masih mungkin apa, belum lagi dipersetujui dan saya nak maklumkan di sini, ini bukan kerajaan Saudi, bukan. *Madinah International University* ni bukan kerajaan Saudi tetapi ia di bawah wakaf, konsep wakaf, bukan kerajaan, bukan kerajaan Saudi. Keduanya tentang Alumni Kolej Islam yang mahu sekeping tanah dan sebagainya untuk menyuburkan balik, nostalgia Kolej Islam, saya tidak ada maklumat tentang ini, setakat ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH:**  
soalan 51.

Terima kasih Tuan Speaker,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR**

51. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga Disember 2011?
- b) Berapakah jumlah penerima bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sehingga Disember 2011)

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan daripada Pelabuhan Klang akan saya jawab bersama dengan jawapan, soalan daripada 78 Teluk Datuk dan 155 daripada YB Meru. Soalan yang ditanyakan kepada Kerajaan adalah berapa kah jumlah perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga Disember 2011. Ingin di sini saya nyatakan bahawa sehingga 2000, Disember 2011, sejumlah RM5,592,909,644.58 telah dibelanjakan bagi menjayakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan dari soalan keduanya berapakah jumlah penerima skim Mesra Usia Emas pula dari 170,785 yang telah mendapat di bawah skim Mesra Usia Emas, sehingga 31 Disember 2011 seramai 26,784 orang telah menerima bayaran untuk skim ini sebanyak 2,500 setiap seorang dan kalau kita lihat keseluruhannya jumlah, kematian yang daripada pendaftaran adalah sebanyak 15.68%. Soalan yang ditanyakan pula oleh YB Teluk Datuk iaitu sila nyatakan secara jumlah yang telah dibelanjakan dan berapakah pula, program masing-masing. Ingin saya nyatakan secara terperinci di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor, untuk air percuma 20 meter padu, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM477,099,701, Skim Usia Emas, RM62,847,000, skim anak-anak ladang, RM4,306,676, hadiah IPTA sebanyak RM23,733,028, TAWAS Tabung Warisan Anak Selangor sebanyak RM2,924,900, MIMBAR Mikro kredit bandar sebanyak RM3,422,000, skim mikro kredit luar bandar iaitu SKIMSEL berjumlah RM17,334,050, skim kesihatan wanita sebanyak RM1,242,290 yang mana keseluruhan penerima nya adalah dalam lingkungan 4juta rakyat Negeri Selangor. *Pendetailan* daripada program ini terlalu panjang, jadi saya akan bekalkan kepada YB Teluk Datuk tentang perincian-perincian setiap daripada satunya. Soalan seterusnya apakah perancangan, yang lain perancangan program-program merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang akan dilaksanakan. Ingin saya nyatakan di dewan, dalam dewan yang mulia ini, 2 perancangan yang telah diluluskan oleh kerajaan iaitu yang pertamanya, telah meluluskan sebanyak RM3 juta program bantuan taska sebanyak RM100 untuk anak-anak yang berumur 2 bulan sehingga 4 tahun 11 bulan yang mana ibu bapa mereka itu datang daripada keluarga yang berpendapatan RM1,500 ke bawah yang mana keluarga, suami dan isteri terpaksa

bekerja untuk menambah pendapatan hidup mereka. Ia juga tidak terlepas kepada ibu tunggal, ia iaitu pada keluarga yang ibu tunggal, ataupun bapa tunggal yang terpaksa bekerja yang perlu mendapat pendapatan. Jadi objektif pada program ini kita mahukan supaya di samping, apa ni keluarga tersebut keluar bekerja untuk menambah pendapatan hidup, mereka juga tidak mengabaikan anak-anak, jadi program ini kerajaan telah bersetuju untuk memberikan bantuan kepada anak-anak mereka yang berumur 2 bulan hingga 4 tahun ini sebanyak RM100 sebulan selama mereka perlu bekerja dan selagi pendapatan itu tidak melebihi RM1,500. Untuk program yang kedua yang telah diluluskan adalah mikro kredit wanita peladang, di mana Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk memperuntukkan RM5 juta untuk membantu wanita-wanita sama ada bekerja, masih di dalam ladang ataupun telah keluar daripada ladang yang mana mereka hidup di dalam bandar yang perlukan bantuan-bantuan, skil untuk menambahkan, menambahkan perbelanjaan mereka jadi program ini juga *Insyah-Allah* akan dilancarkan oleh YAB Dato Menteri Besar tidak lama lagi. Dan dari sudut Perancangan tambahan yang masih dalam perbincangan dan belum diluluskan adalah program elaun tadika yang diuruskan oleh YB Selat Klang dan juga program isi rumah yang *Insyah-Allah* tak lama juga akan kita lancarkan jadi untuk itu saya mengharapkan bahawa program yang kita katakan merakyatkan ekonomi negeri Selangor ini sebenarnya adalah program yang berterusan yang kita janji bahawa dari daripada kebajikan, program-program yang kita lihat ini akhirnya kita akan menterjemahkan mereka ini bukan saja menerima kebajikan tetapi akhirnya mereka boleh hidup dan menambah pendapatan yang baik dan akhirnya mereka keluar daripada memerlukan pertolongan terus daripada kerajaan. Untuk soalan daripada YB Meru, Tuan Speaker soalnya bagi merealisasikan program MES seluruh Negeri Selangor, apakah masalah yang dihadapi oleh yang berkenaan. Pasti setiap, setiap apa ni program itu menghadapi cabaran-cabarannya tetapi *alhamdulillah* saya boleh tunjukkan di mana kombinasi program merakyatkan negeri Selangor ini kita kombinasi dengan sistem pentadbiran yang telus, sistem pentadbiran yang mempunyai sistem maklumat yang tersusun, akhirnya *alhamdulillah* program ini dapat dilaksanakan dengan baik. Dan satu perkara yang menggembirakan adalah bila mana kerajaan Selangor telah pun komitmen ataupun telah pun memberi satu komitmen bila mana kita melancarkan program itu, kita telah pun memperuntukkan duit yang sedia ada, yang telah ada. Jadi cabaran itu tidak banyak, tinggal lagi yang kita hadapi adalah proses untuk pemberian itu adalah proses pentadbiran yang kadang-kadang ya ada sikit kurang kelancarannya di pusat-pusat khidmat dan sebagainya. Dan soalan kedua yang ditanyakan oleh Meru, bolehkah manfaat Jom *Shopping* ditingkatkan pada jumlah yang lebih baik daripada 100 setakat ini. Ingin saya imbau balik program Jom *Shopping* ini adalah salah satu dari program Kerajaan Negeri bila mana Kerajaan Negeri menyatakan bahawa kita ingin memberikan manfaat pada warga emas yang masih hidup sebanyak RM1,000. Program ini kita lakukan secara berperingkat, bila mana hasil bantuan tahun lepas telah pun Menteri Besar umumkan bahawa RM10 juta untuk diberikan pada warga emas maka peringkat pertama kita buat program jom *shopping* yang mana manfaat itu adalah RM100 pada warga emas yang mendaftar yang masih hidup untuk mereka dapat merasakan hasil daripada Kerajaan Negeri ini. Dan saya percaya selepas program ini habis, program ini sekarang ini telah pun menjangkau perbelanjaan sebanyak RM6 juta, dan ada RM4 juta lagi yang *Insyah-Allah* akan disempurnakan selesai, selesai sahaja



program ini, kerajaan akan mengumumkan program kedua untuk warga emas yang masih hidup ini. Itu saja jawapan daripada saya Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan No. 52

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI**

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Sila nyatakan bagaimanakah perkembangan terkini projek tersebut?
- b) Sila nyatakan sehingga kita berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan bagaimanakah komitmen serta disiplin yang ditunjukkan oleh para peserta?
- c) Sila nyatakan apakah pelan perancangan Kerajaan Negeri secara jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan para petani?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, menjawab soalan YB Sekinchan soalan 52 berkaitan perkembangan terkini perintis padi dan apakah sumbangan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis peningkatan hasil padi oleh program meningkatkan hasil padi Negeri Selangor di mana melalui program ini Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM3.013 juta pada tahun 2009, RM4.93 juta pada tahun 2010 dan RM3.050 juta pada 2011. Tahun 2012, RM3.42 juta. Jumlah yang telah diperuntukkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor 2009-2013 ialah RM10.993 juta. Projek ini bertujuan untuk:

- i) Projek perintis sebagai kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan semusim kepada 7.5 tan semusim menjelang tahun 2013.
- ii) Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah melebihi RM1,500 sebulan.

Melalui program peningkatan hasil padi bagi musim 2/2009, daripada 2,408 orang. 2,408 orang pesawah yang terlibat, didapati peratusan bilangan pesawah yang berpendapatan antara RM1,000 – RM1,500 ialah 55% iaitu 1,324 pesawah. Manakala bagi musim 1/2010, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkat pendapatan mereka di mana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara

RM1,000 - RM1,500 ialah 750 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1,500 adalah seramai 105 orang pesawah. Bagi musim 1/2011, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka di mana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000 – RM1,500 ialah 533 pesawah dan mendapat pendapatan melebihi RM1,500 ialah 146 orang pesawah.

Komitmen serta disiplin para petani adalah tinggi serta sentiasa mengikuti peredaran tren teknologi penanaman padi secara purata mereka telah mengikut keseluruhan *Rice Check* iaitu sebanyak 94.88%. Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani melalui perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Perancangan jangka pendek, satu, mewujudkan semula kerja-kerja menyisir dan merata di peringkat akhir penyediaan tanah pesawah. Yang kedua, menambahkan bahan organik di setiap lot sawah padi anggaran 2-3 tan per hektar. Yang ketiga, mengadakan usaha bersepadu dalam kerja-kerja pembersihan kawasan semak di tepi-tepi parit dan batas bagi tujuan menghapuskan sarang-sarang tikus. Perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Selangor telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan bahan agro makanan yang berkualiti dan selamat dimakan menerusi penerapan ekologi penerapan *Natural Farming*. Sehingga musim 1/2012, sebanyak 512 lot sawah padi berkeluasan 620 hektar yang melibatkan seramai 512 petani telah menanam padi menggunakan kaedah ini. Di samping mengurangkan kos pengeluaran padi, kaedah *Natural Farming* ini dapat memelihara dan memulihara struktur tanah dan juga persekitaran sawah padi.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIMM:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi bantuan selain daripada projek perintis ini, selain bantuan selain daripada bahan-bahan import kerana barang-barang import sekarang ini telah sentiasa naik harga selain daripada baja dan baja rumpai dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAKOB BIN SAPARI:** Untuk makluman Sekinchan, untuk jangka panjang, sasaran kita ialah memperkenalkan *Natural Farming*, di mana petani-petani akan menggunakan sumber-sumber *natural* yang ada di persekitaran mereka. Jadi, ini telah pun berjaya di negara-negara lain. Saya telah melawat di India, umpamanya, yang sangat berjaya, dan juga di Indonesia. Yang Berhormat Sekinchan boleh melawat Parit 9, Sungai Leman, di mana petani-petani membuat baja sendiri dan mereka tidak lagi membeli bahan-bahan racun serangga dan ini sangat menjimatkan. Ini adalah rancangan jangka panjang kita.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, soalan yang ke 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : HASIL DARI HUTANG TALAM**

53. Semasa Ucapan Pembentangan Bajet Tahun 2009, YAB Dato' Menteri Besar memberitahu Dewan bahawa Kerajaan Negeri akan memperolehi RM392 juta sebelum pertengahan tahun 2009 hasil dari hutang TALAM.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah terkumpul dari pengiktirafan hutang TALAM yang berjaya dikutip dan telah diakaunkan di dalam akaun MBI sehingga 31 Januari 2012?
- b) Apakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa sehingga 31 Januari 2012, jumlah RM392 juta itu belum berjaya dikutip oleh MBI? Jika benar dakwaan itu, bolehkah YAB Dato' Menteri Besar menjelaskan kenapa RM392 juta itu belum dapat dikutip sepenuhnya, apakah masalah-masalah yang berlaku di sebalik pengiktirafan hutang TALAM tersebut?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Gombak Setia menanyakan tentang hasil dari hutang TALAM dan, untuk diterangkan kepada Dewan. Pertama, pada 30, pada 31hb Disember, jumlah yang diiktiraf oleh MBI dalam akaunnya, ialah RM392 juta. Maknanya, kalau kita membaca akaun MBI iaitu semasa Dewan ini, pada dua tahun yang dulu telah meluluskan, dan akaun MBI telah mengiktiraf hutang TALAM sebanyak RM392 juta dan hutang-hutang ini sudah diselesaikan berperingkat, kita ambil tanah TALAM dan kita susun semula dan hasilnya kita telah mendapat RM300 juta dalam bentuk pembayaran dan tanah yang sedang dirunding di mana hasilnya RM94.4 juta akan kita harap, dapat kita selesaikan dalam masa yang singkat sebab kita sudah mendapat pembeli-pembelinya tapi tinggal lagi untuk memilih pembeli-pembeli yang mesti membayar kepada apa yang dipanggil *Solicitor's account*, itu yang. Jadi pada saya RM392 juta ini sudah dikutip dan untuk menerangkan kepada masyarakat dan juga ada permintaan dari Dewan mengenai penyelesaian hutang TALAM, prosesnya, saya telah meminta supaya kes tadi ini dibuat dan kita boleh bentangkan kepada Dewan dan juga dibaca oleh mereka-mereka yang berminat mengenai penyelesaian TALAM. Maknanya, dari akaun dari mana kita dapat, apa yang dikatakan jumlah hutang tersebut kepada bagaimana kita memasukkan hutang tersebut ke dalam akaun yang disatukan negeri dan membagi balik kepada MBI dan bagaimana MBI menyusun semula hutang-hutang tersebut dan apa jadi pada hutang-hutang tersebut dan itu semua kita bukukan sebagai contoh bagaimana kalau kita ada isu mengenai pengiktirafan hutang, isu pengiktirafan hutang ini sangat penting jadi ada setengah, walaupun dalam buku dia kata berhutang tetapi kalau tidak diiktiraf maknanya *claim* itu tidak.. apa yang dipanggil kukuh. Maknanya, jadi itu kita telah buat dan juga melihat aset-aset. Bagaimana kita melihat aset-aset di dalam syarikat yang kita lihat tersebut. Maknanya, *the asset*, kalau tidak, kalau dia hutang, dia berhutang

dengan kita, dia tiada aset maknanya kita, walaupun kita minta pada dia, dia tidak bayar. Jadi, oleh sebab itu kita tunjukkan aset-aset yang mana, yang telah kita ambil alih dan mana yang kita susun semula dan akhirnya telah selesai. Saya juga menyatakan dari tanah-tanah yang diambil dari TALAM itu kita tidak, bukan sahaja kita dapat nilainya melebihi daripada RM300 juta, tapi kita buat semula perancangan, yang mana sekarang dilakukan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad. Saya, ingin nyatakan hasilnya melebihi RM700 juta jadi bukan sahaja hutang yang dibayar, jadi harta, harta pula, jadi, juga kita luaskan sebab konsep kita ialah yang dipanggil *Gross Development Value*, bukan lagi konsep hanya jual tanah.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Soalan tambahan. Pertama sekali, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ijok, dua hari yang lepas telah membuat kenyataan mengenai tuduhan yang dibuat oleh Bukit Antarabangsa, dan telah pun diterangkan kedudukan yang sebenarnya. terima kasih. Tapi yang soalan yang saya nak bangkitkan, sedikit sahaja sebenarnya. Semasa pembentangan bajet 2012 yang lalu, Yang Amat Berhormat Ijok telah pun mengisytiharkan geran Selangorku berjumlah RM300 juta yang merupakan perbelanjaan di luar bajet, *off budget*, 2012. Dan, pada ketika itu, saya difahamkan wang yang sedemikian peruntukan itu tidak ada dalam akaun MBI, jadi, dengan peruntukan yang digambarkan sedemikian kalau misalnya wang sebanyak itu tidak ada di dalam akaun bagaimana kita sebenarnya merancang program-program di bawah Selangorku itu dan di bawah Merakyatkan Negeri Selangor itu dapat dijalankan, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak-banyak. Tuan Speaker, rakan kita daripada Gombak sudah agak terlewat sebab kita dah terangkan pada, ada masa, kita ada perjumpaan ahli-ahli EXCO, *retreat*, di Melaka pada bulan Februari. Kita telah terangkan sebelum, saya, berpandangan seperti juga Gombak Setia yang khuatir kalau tak ada wang bagaimana kita untuk melaksanakan, sebab.. jadi, saya telah tunjukkan kepada rakan-rakan EXCO yang melihatnya sendiri dan diberi penerangan, bukan oleh saya, pegawai-pegawai, bagaimana jumlah wang sudah sedia lebih sedikit pada RM400 juta jadi bukan, bukan RM300 juta tapi saya sebut RM300 juta sebab lagi banyak wang lagi banyak permintaan jadi itu sebab saya tak berani, jadi lebih banyak, jadi saya juga.. kita tidak boleh, tidak ada jalan untuk menerangkan pada rakyat tapi saya telah terangkan pada EXCO tentang jumlah wang. Itu pun, jumlah wang yang kita ada itu, yang saya nak beritahu Dewan, tidak termasuk wang TALAM. Kalau kita masuk wang TALAM, itu yang melebihi sampai RM700 juta, kita tak masuk. Jadi, kita ada beberapa skim yang kita buat untuk mendapat *cash* sebab kita nak dana, kalau tidak macam mana lah kita nak membetulkan jalan dan membersihkan program kalau tak ada *cash*, jadi saya harap satu masa kalau tak ada, ada kelapangan saya akan juga .. kerana kita menjalankan proses ketelusan, saya boleh jemput ahli-ahli Dewan untuk mendengar taklimat tentang program Selangorku, sebab saya, sebelum terlupa, Kuala Kubu mempersoalkan tentang perbandingan bagaimana program yang dibuat oleh Negeri Selangor selepas 2008 dan sebelum 2008 tentang rekod-rekod pelaksanaan seperti Program Warga Emas. Untuk pengetahuan Kuala Kubu Baharu, tak ada, 2006-

2007 tak ada rekod, tak ada rekod usia warga emas, tak ada. Tak ada rekod, maknanya...jadi saudara boleh soal, tak ada rekod. Pada 2008, ada rekod tapi rekodnya, saya nak tunjukkan kepada..ha ini pegawai kita tulis. Secara perbandingan, Skim Mesra Usia Emas sebelum wujudnya Skim Mesra Usia Emas, Kerajaan Negeri menyalurkan pemberian RM2,000 melalui Tabung Jasamu dan secara perbandingan Skim Mesra Usia Emas mempunyai bank data serta sistem maklumat yang lebih efektif dan efisien yang di selenggarakan oleh Rantainya Mesra Sdn Bhd berbanding dengan Tabung Jasamu dibuat secara manual. Itu yang saya nak tunjukkan supaya kalau saya dia dikatakan bila saya katakan tahu tentang siapa mana siapa yang datang apa semua itu sebab saya berani bercakap datang masa tengah hari saya boleh tunjukkan siapa yang dapat siapa yang tak dapat dalam program kita.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : MASALAH SAMPAH**

54. Pada bulan Januari – Februari 2012 kecoh hampir seluruh Selangor mengenai sampah tidak dipungut.

- a) Apakah punca kekecohan terbesar berlaku?
- b) Adakah unsur-unsur sabotaj dilakukan oleh pihak tertentu?
- c) Sejauh manakah masalah ini dapat diatasi?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, soalan Bangi adalah mengenai masalah sampah yang berlaku dari Bulan Januari hingga bulan Februari tahun ini. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung masalah mengenai sampah yang tidak dipungut pada bulan Januari hingga Februari berkenaan. Masalah utama berpunca daripada berlakunya ketidaksefahaman pihak kontraktor di Pihak Berkuasa Tempatan terhadap tempoh interim yang dilanjutkan Kerajaan Negeri sehingga bulan Februari. Ini berlaku kerana pada bulan Januari hingga bulan Februari kontraktor yang sama yang dilantik pada zaman Barisan Nasional dilanjutkan tak ada kontraktor yang baru. Punca-punca lain adalah seperti berikut :

**i. Kontraktor Boikot**

Memang ada tindakan beberapa kumpulan kontraktor kutipan sampah memboikot kerja mengakibatkan kemarahan ramai penduduk. Kawasan yang terjejas adalah Shah Alam dan Kajang dan juga Klang.

ii. **Back-up Lambat Bertindak**

iii. **Pembayaran Lewat**

Ada aduan telah diterima daripada kontraktor katakan kelewatan PBT membayar tuntutan kerja-kerja kutipan sampah.

Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh PBT bahawa terdapat unsur-unsur sabotaj. Wujud pihak yang tidak bertanggungjawab merancang untuk menggagalkan kerja-kerja kutipan sampah di Selangor dengan menghalang lori serta mengancam pekerja. Beberapa laporan polis telah dibuat . Selain daripada itu, tindakan melonggokkan sampah sejurus selepas kutipan rutin dilakukan oleh pihak kontraktor untuk tatapan media.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui semua PBT akan sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam. Talian Bebas Tol Aduan Sampah (1-800-88-2824) yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor membuktikan komitmen penuh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan segala aduan dengan kadar segera. Tindakan daripada beberapa pihak NGO seperti Yayasan Amal juga harus dipuji kerana terus membantu PBT dalam memantau kawasan setempat daripada sebarang aktiviti berunsur sabotaj. Selain daripada itu, pengambilan penuh PBT bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam sepenuhnya pada bulan Mac 2012 diharap dapat memberi nafas baru dalam menambah baik perkhidmatan tersebut di Negeri Selangor iaitu mulai 1hb Mac kontraktor yang dilantik, bukan dilantik dipilih melalui tender terbuka dan sebagainya telah menjalankan tugas dan dari situlah PBT menjadi tauke kutipan sampah dengan secara rasminya dan saya akan memberi jawapan mengenai apa yang berlaku pada bulan Mac kepada Dewan yang mulia ini dalam gulungan saya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adakah di zaman Barisan Nasional bahawa dalam pendaftaran kontraktor tajuk dia ada cop UMNO kalau tidak jangan buat sangkaan jahat bahawa semua kontraktor pada zaman Barisan Nasional adalah daripada UMNO. Saya difahamkan dari PAS pun dapat kontrak pembersihan sampah di Hulu Selangor. Itu satu tuduhan yang tak baik. Yang kedua, mengapa ada sabotaj selalu di war-warkan, sekarang anda adalah kerajaan takkanlah lantikan kontraktor merujuk pada UMNO, kontraktor yang dilantik adalah daripada ahli UMNO. Mengapa isu sabotaj sudah 4 tahun? Awak kerajaan, kontraktor adalah awak yang lantik. Apa isu sabotaj? Itu yang saya hendak Pandamaran untuk buat penjelasan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, dalam jawapan saya tadi saya langsung tak sebut UMNO.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Tadi *you* cakap *contractor* daripada UMNO.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Saya langsung tak cakap UMNO.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Mana *you* tahu kontraktor UMNO. Adakah di R.O.C itu ada *bracket* UMNO, kalau tak ada jangan sebut UMNO.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Kontraktor semualah bukan kontraktor yang UMNO, kontraktor dari MCA juga.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat, dalam jawapan saya tadi saya langsung tidak sebut UMNO.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Hei, balik *hansard* la, tadi *you* cakap *contractor* dilantik oleh UMNO.

**TUAN SPEAKER:** Tak Yang Berhormat, yang saya cakap...

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Zaman dahulu...

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Esok baca *handsard*, esok baca *hansard*.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Janganlah.... tak apa. Tuan Speaker sebenarnya kerajaan sejak mengambil alih dalam tahun 2008 kita tidak pentingkan, kita tidak pentingkan latar belakang kontraktor yang itu. Selagi dia boleh berkhidmat dia diteruskan. Sebenarnya memang telah diteruskan dan pada hari ini sejak 1hb Mac banyak lagi ada kontraktor yang berlatarbelakangkan UMNO. Ini satu kenyataan tetapi itu bukan perkara yang penting, selagi kontraktor itu dia dapat kontrak melalui tender yang terbuka dan dia boleh terus berkhidmat dengan baik dia akan diteruskan walaupun dia orang UMNO, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. Apakah prestasi kontraktor-kontraktor yang baru dilantik kita mendapat maklumat ada kelemahan-kelemahan antaranya kekurangan pengalaman dia pergi angkat sampah sebahagian di satu tempat tidak di angkat di tempat itu juga, tempat-tempat yang tidak diketahui atau difahami. Antara kelemahan juga mereka tidak ada modal, tidak kenderaan lori dan sebagainya menyebabkan ertinya pengangkutan tergendala. Adakah kerajaan ingin membantu kontraktor-kontraktor yang baru dilantik ini dengan jaminan peminjaman modal dan sebagainya supaya perjalanan pengangkutan sampah ini dapat berjalan dengan baik? Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Speaker, Bangi. Sebenarnya dalam mana-mana *business* pun ada kontraktor yang cekap ada kontraktor yang kurang cekap apatah lagi di Negeri Selangor sebenarnya hanya ada 5, 6 pemilik *compactors* dan pemilik *compactors* ini pada masa yang sama mereka jugalah adalah *contractors* pembersihan awam ataupun kutipan sampah dan apabila tauke *compactors* yang tidak dapat kontrak dalam proses tender mereka ada setengah mereka menarik harga. Caranya macam ini, ada *contractor* yang tak ada *compactors*, mereka pinjam, sewa *compactors* daripada tauke-tauke *compactors* tetapi dengan harga kalau tak silap saya dia ada satu *range* iaitu 8,000 ataupun 10,000 satu bulan tetapi selepas Mac apabila *compactors* tauke ini tak dapat *contract* mereka naikkan harga sewa kepada *contractor* yang lain dengan kadar RM1,000 ada RM16,000 pun ada. Ini menyebabkan *contractor* yang baru yang tak ada *compactors* menghadapi kerumitan tetapi perkara ini telah diselesaikan dalam masa lebih kurang 2 minggu. Mengikut aduan-aduan yang kita terima kita berani katakan hari ini masalah isu kutipan sampah yang nampak kecoh pada satu dua minggu itu sekarang sudah reda dan telah diselesaikan dan kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu termasuk membeli *compactors* yang baru supaya dia digantikan dengan untuk menggantikan *compactors* yang usang yang selalu katakan rosak ini satu langkah. Dan langkah kedua kita ada memberi kebebasan kepada semua PBT supaya mereka boleh mengadakan *in-house* pekerja. Pekerja-pekerja *in-house* supaya apabila berlaku kekurangan ataupun kelemahan kutipan sampah, *in-house team* ini boleh dihantar dengan segera. Ini telah dilakukan dan sebenarnya kita dalam masa yang sama kita telah menambah kali untuk kutipan sampah di semua tempat khususnya di kawasan perumahan pangsapuri kos rendah yang dulu hanya *alternate days*, kalau *Monday* lepas itu Rabu lepas itu Jumaat sekarang dari Isnin sampai hari Sabtu pun kita kutip cuma *Sunday* saja kita tak kutip kalau tidak sekarang sedang mengkaji kalau boleh *Sunday* pun kita kutip. Itu cara kita dan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita akan teruskan berusaha supaya kita dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan pembersihan awam dan kutip sumpah sebab sekarang PBT menjadi tauke tak ada *excuse* untuk PBT lagi seperti masa dulu apabila di bawah Alam Flora. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan membeli 50 *compactors* yang mana dijangka akan tiba pada bulan April. Saya ingin bertanya pihak Kerajaan Negeri apakah mekanisme yang akan digunakan untuk pengedaran ke setiap PBT sebab misalnya di Rawang memang saya difahamkan kontraktor kutipan sampah bukan begitu mengikut *consistent* mengikut jadual disebabkan *compactors* memang tak ada dan ada juga dimaklumkan *compactors* sudah pun diisi separuh sampah bila disewa maksudnya mereka ambil lebih masa lagi untuk pergi ke taman untuk kutip. Jadi saya ingin tanya apakah mekanisme memastikan setiap PBT dengan adanya pasukan *in-house* dan dengan *compactors* yang cukup boleh mengatasi masalah sampah ini.



**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya Rawang sebenarnya kerajaan memang rela dan sudi apabila *compactor* yang baru sampai kepada kita dan kita memang akan mengagihkan kepada PBT-PBT yang memerlukan mengadakan pasukan *in-house* supaya mereka pun boleh menyewa *compactor* yang baru ini daripada syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Itu satu cara dan kalau jika ada keperluan Kerajaan Negeri akan membeli lebih banyak lagi untuk menggantikan *compactor-compactor* yang dikatakan selalu rosak itu. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pandamaran tentang kontraktor-kontraktor yang tidak berkemampuan yang dipilih baru-baru ini yang tidak berkemampuan apakah tindakan drastik kerajaan sama ada hendak batalkan kontrak mereka atau tidak, itu satu. Yang kedua apakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat perubahan supaya kerja-kerja kutipan sampah ini boleh dilakukan waktu subuh pagi iaitu pukul 12.00 malam hingga pukul 6.00 pagi seperti yang berlaku di Pulau Pinang supaya pencemaran tidak ada dan kacau ganggu kepada rutin harian tidak ada. Semuanya pada sebelah subuh. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Sekinchan. *Compactor okay*, isu *compactor* sekali lagi. Tadi masa kutipan itu oleh kerana di Negeri Selangor kita hanya ada beberapa tempat pelupusan yang dikatakan jauh sangatlah daripada PBT masing-masing. Bukan semua ada PBT dia ada tanah atau tapak yang sesuai untuk pelupusan sampah jadi kena hantar ke tempat yang jauh. Jadi sebab itu jadual untuk Negeri Selangor adalah satu cabaran yang lebih jika berbanding dengan negeri yang lebih kecil yang dimaksudkan di sini ialah negeri Pulau Pinang sebab tempatnya jauh jadi jadualnya kita terpaksa berikan peluang kepada pekerja-pekerja supaya dia dapat hantar ke tempat yang jauh dan pada masa yang sama kerana ini berlaku kita telah memberi arahan kepada tempat pelupusan supaya mereka masa untuk buka perkhidmatan dipanjangkan dalam masa yang perlu. Itu satu dan apa lagi, soalan tadi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tentang kontraktor-kontraktor yang agak tidak *perform*?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Oh ya, itu amalan. Dalam..... apabila proses tender itu, sebelum perjanjian ditandatangani memang ada klausa di mana kalau mana-mana kontraktor menerima amaran 3 kali, 3 kali, macam *football* lah. Dia ada *yellow card*, dia ada *red card*. Untuk PBT, mereka ada peluang 3 kali. Kalau mereka tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik 3 kali, sehingga ada amaran, mereka akan dipecat dan digantikan dengan kontraktor yang baru. Itu cara kita dan kita telah sebenarnya dalam bulan Mac memang sudah ada kontraktor yang sendiri mengaku mereka tidak dapat teruskan kerja dan telah berikan balik kerja kepada PBT masing-masing. Ini berlaku di Selangor, ini juga berlaku di Kajang dan juga di MBPJ. *Okay*, itu cara kita. Satu lagi langkah yang kita ambil ialah kita akan mengedarkan senarai semua

kontraktor di semua PBT kepada setiap rumah. Ini akan dijalankan dan telah bermula di MBSA dan semua PBT diberi arahan supaya memaparkan senarai kontraktor yang lengkap di laman web masing-masing. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan *compactor* dan juga mesin berkaitan yang dibeli oleh Kerajaan Negeri.

1. Dari manakah bajet ini? Adakah ia daripada jabatan atau pun anak syarikat dan di manakah mesin-mesin ini diletakkan? Termasuk yang tidak disebut, mesin jet sekiranya perlu.
2. Berkaitan dengan perkhidmatan *in-house*. Bagaimanakah kerajaan memantau memastikan perkhidmatan kutipan sampah *in-house* ini dijalankan oleh PBT berkaitan. Adakah kemungkinan PBT menswastakan lagi kutipan ini kepada kontraktor dengan *direct negotiation*?

Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Kajang, setakat ini Kerajaan Negeri hanya membenarkan setiap PBT cuba mengadakan pasukan *in-house* paling banyak sebanyak 15% dan kadar ini hanya melibatkan pekerja sendiri. Tidak boleh dibenarkan diswastakan lagi. Kalau diswastakan lagi, itu bukan sistem *in-house*. *In-house* maksudnya *compactor* sendiri, alat sendiri, pekerja sendiri di bawah kawalan sepenuhnya. Jadi Yang Berhormat dari Kajang jangan risau. Kita akan terus pemantauan dan semua PBT, semua YDP dan Dato' Bandar memahami isu ini. Alat-alat ini, *compactor* ini sekarang ini, kita difahamkanlah yang paling sesuai atau pun praktikal adalah dari negeri China kerana ada *compactor* di lain negeri tetapi nampaknya harga terlalu tinggi. Apa yang kita membeli daripada negeri China dikatakan adalah mencukupi dan dana ini akan datang dari syarikat GLC yang di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan No. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : VIRUS POKOK PISANG**

55. Serangan virus penyakit “moko” telah menyebabkan kematian pokok tanaman pisang secara besar-besaran dan merugikan petani khususnya di kawasan DUN Sungai Air Tawar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar :-

- a) Nyatakan keluasan tanaman yang terjejas dan jumlah petani tanaman pisang yang terbabit di Selangor khususnya kawasan DUN Sungai Air Tawar?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi atau meringankan beban para petani?
- c) Apakah Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan tanaman alternatif untuk membantu petani?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih, Sungai Air Tawar. Bagi menjawab soalan Sungai Air Tawar yang ingin tahu keluasan kawasan yang terjejas dengan serangan penyakit pisang. Keseluruhan tanaman pisang di Negeri Selangor yang telah diserang oleh penyakit *moko* iaitu *moko disease* dianggarkan seluas 1,251 hektar. Bagi DUN Sungai Air Tawar, kawasan yang diserang mengikut bancian Jabatan Pertanian dianggarkan seluas 791.30 hektar yang melibatkan seramai 467 orang petani. Saya telah turun menemui petani-petani dan saya mencadangkan supaya mereka mengamalkan *crop protection*. Satu kaedah untuk membasmi, mengawal penyakit ini. Jadi, dalam masa yang sama, Jabatan telah membuat satu *Standard Operating Procedure* untuk memusnahkan pokok pisang dan mengumpulkan data kawasan tanaman yang diserang dan membantu mereka.

Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa tanaman yang sesuai dengan keadaan tanah di kawasan berkenaan dan menggalakkan tanaman seperti koko. Ha, ini dulu Sabak Bernam memang kawasan koko dan harga koko sekarang sangat baik sekali. Kemudian, tanaman integrasi seperti nanas, jagung, tebu dan labu manis. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa Jabatan Pertanian akan mengenal pasti tanaman-tanaman lain yang sesuai untuk tanaman alternatif.

Peruntukan RM1 juta disediakan di bawah program ABCD untuk kawasan-kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO’ HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Terima kasihlah kepada Y.B. kerana Kerajaan Negeri dah menyiapkan bantuan RM1 juta. Agak-agaknya bila nak sampaikan bantuan tu? Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Dana telah pun disediakan. Saya nak beritahu kepada Sungai Air Tawar. Beza pemberian bantuan Kementerian dengan Jabatan Pertanian Selangor. Kementerian memberi bantuan tunai, terima kasih.

Kerajaan Negeri menyediakan program. Dana telah bersedia dan pada bila-bila masa Sungai Air Tawar bersama para petani untuk membuat program-program tersebut dan dana telah pun bersedia untuk kita laksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang?

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan No. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PENRIZABAN BANJARAN KUARTZA KLANG**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status terkini tentang penrizaban banjaran kuartza Klang?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Rawang ingin tahu status terkini tentang penrizaban Permatang Kuartza Genting Klang atau dengan singkatnya PKGK. Di sana memang terdapat pelbagai warta di Banjaran atau pun di Permatang tersebut seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangorewartakan Permatang Kuartza seluas 121 hektar. Nombor Warta Kerajaan Negeri Selangor, No. 401 bertarikh 18 Februari 2010 dan juga No. Pelan Warta adalah PW 1532. Tambahan juga terdapat pelbagai jenis warta daripada Lembaga Urus Air Selangor dan juga Jabatan PERHILITAN. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang ke 37/2011 yang diadakan pada 7 Disember 2011 pada masa itu telah memutuskan atau pun meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kerja Peringkat Negeri bagi mengkaji Permatang Kuartza Genting Klang PKGK sebagai Tapak Warisan Negara dan juga Tapak Warisan Dunia.

Lanjutan daripada keputusan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kajian Permatang Kuartza Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 15 Disember 2011 dan Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Mineral dan Galian, Sains Mineral dan Galian, JUPEM, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan PERHILITAN, PBT-PBT yang berkenaan iaitu Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Lembaga Urus Air Selangor, UPEN, Pejabat Tanah Gombak, PTG dan juga dengan nasihat daripada Jabatan Warisan Negara. Mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya usaha pencalonan Permatang Kuartza Genting Klang sebagai Tapak Warisan Dunia perlu dimulakan dengan kajian saintifik bagi mengenal pasti fakta-fakta saintifik atau *Out-Standing Universal Value*, dengan izin OUV di kawasan Permatang Kuartza Genting Klang. Atas faktor kepakaran yang diperlukan, mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk pihak Institut Kajian Bencana Asia Tenggara UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia menjalankan kajian awalan, dengan izin *preliminary study*

berkaitan fakta-fakta saintifik Permatang Kuartza. Ini merupakan fasa yang pertama yang akan bermula, yang telah bermula Januari 2012 sehingga September 2012.

- i. Fasa pertama kajian adalah selama 9 bulan yang mana fokus utama adalah kepada aspek saintifik Permatang Kuartza Genting Klang.
- ii. Terdapat juga fasa kedua di mana terdapat kajian perbandingan saintifik dan nilai warisan peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa akan dibuat. Ini akan bermula pada Oktober 2012 dan berakhir pada Januari 2013.
- iii. Fasa ketiga, pembangunan Permatang Kuartza Genting Klang sebagai Tapak Warisan Kebangsaan dan pendekatan pemuliharaan akan bermula Januari 2013 dan berakhir pada Disember 2013.
- iv. Fasa terakhir, fasa keempat adalah pembangunan Permatang Kuartza Genting Klang sebagai Tapak Warisan Dunia dan juga masa itu kita sebagai Kerajaan Negeri bersama dengan sokongan dari Kerajaan Pusat akan memohon penyenaraianya sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Jumlah peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan kajian fasa pertama adalah RM195,000 yang telah diluluskan baru-baru ini.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, soalan No. 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK :** *LOOK OUT POINT, HULU LANGAT*

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kenapa *Look Out Point* ditutup?
- b) Berapakah sewa yang dikenakan atas pengusaha *Look Out Point* setiap bulan atau setiap tahun?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, Teratai ingin bertanya kepada kerajaan, kenapa *Look Out Point* ditutup dan isu mengenai pengurusan.

Tuan Speaker, penutupan ALOP iaitu *Look Out Point* adalah kerana masalah hakisan yang serius pada cerun bukit di bahagian-bahagian yang dikenal pasti sekitar kompleks tersebut, khususnya di Aras 2 yang bersempadan cerun tebing tinggi TLK dengan

Dewan Makan Utama dan Aras 3 iaitu tambahan struktur lantai konkrit bertetulang mengunjur dari laman restoran sedia ada bertiang dan berbumbung terbuka dan juga Aras 4 iaitu sekitar restoran Menara Tinjau. MPKj melaksanakan tanggungjawab dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan seperti termaktub di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (A 133), Akta Perancangan dan Desa 1976 (A 172), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (A 171) serta Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri MPKj 2007.

Tuan Speaker, kompleks *Look Out Point* di Hulu Langat adalah di bawah seliaan atau pun kawalan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor dan pengurusan kompleks tersebut adalah di bawah *Tourism Selangor Sdn. Bhd.* Jadi, Majlis Perbandaran Kajang tidak berkaitan dengan pengurusan kompleks tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Ya Tuan Speaker, Teratai ingin bertanya bilakah *Look Out Point* akan dibuka semula lagi dan selepas ia dibuka adakah ia selamat dikunjungi oleh orang ramai? Sekian.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, oleh kerana hakisan yang serius dan perkara ini masih di bawah tindakan. Jadi tiada rancangan untuk membuka balik *Look Out Point* pada masa ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Tuan Speaker, soalan No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KEMUDAHAN AWAM**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Masih terdapat banyak kemudahan awam rosak dan belum dibaiki, apakah langkah Kerajaan Negeri membendung masalah ini?
- b) Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan pada tahun 2011 dalam memperbaiki infrastruktur awam?

**Y.A.B. TAN SRI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Tuan Speaker, Y.B. Meru membangkitkan tentang kemudahan awam. Masih terdapat banyak kemudahan awam rosak dan belum dibaiki. Apakah langkah kerajaan membendung masalah ini?

Salah satu daripada program yang akan kita lakukan supaya kurangnya birokrasi dalam pembaikan jalan dan juga longkang-longkang ialah melihat semula cara yang dilakukan sebelum usaha penswastaan dan juga tender menender dilakukan. Ini bererti kita lihat PBT sendiri sebenarnya saya telah kaji terdapat pasukan yang dipanggil *Road Gang* yang telah ditubuhkan sejak berpuluh tahun dahulu, tetapi oleh kerana ada konsep penswastaan dan juga tender menender jadi oleh sebab itu *Road Gang* itu tidak ada lagi. Maknanya kalau adapun pegawai-pegawai itu bukan lagi *Road Gang* tetapi orang yang melihat sahaja kerja. Jadi, saya rasa saya telah lihat untuk mendapat invoice ataupun kontrak membetulkan jalan tidak sampai RM40,000. Prosesnya, proses untuk dapat itu ialah hampir 2 bulan. Proses untuk dapat. Lepas itu, tidak sampai dua hari jalan itu siap boleh dibuat. Jadi bererti bukan membuat jalan, proses itu dan biasanya walaupun tender itu didapati oleh seorang tapi tender itu tidak dibuat oleh orang yang dapat tender. Ada pula usaha sub-tender dan saya mula-mula tidak percaya sebab saya ingat mereka-mereka yang dipilih itu adalah mereka-mereka yang memang kontraktor yang berkeupayaan. Kemudian saya dibawa, ditunjukkan bahawa untuk membetulkan jalan hanya 3 syarikat saja yang membuat kerja yang lain itu, dialah syarikat sub-tender, dia dapat saja dia buat. Maknanya orang-orang yang dapat tender ataupun lobi mendapat tender. Tugasnya adalah mendapat tender untuk diberikan ataupun dijual kepada orang yang sub tersebut dan bila sudah siap kerja, itu sebab apabila dia dapat saja *indent* tu, tidak sampai seminggu dia sudah siap kerja. Sebab kerjanya tidak sampai 2 hari dan proses untuk melobi dan mendapat tender itu hampir 2 bulan. Jadi kita, saya rasa patutlah lewat pembetulan jalan-jalan kita, jadi saya mula meminta PBT menubuhkan semula *Road Gang* yang mana kita akan mula buat saya nak *test* balik, barulah kita tahu sudah lebih daripada 10 tahun pegawai-pegawai kita tak merasa panas untuk melihat jalan. Sebab yang sebenarnya mereka duduk di pejabat saja supaya kontraktor itu datang berjumpa dengan dia untuk mendapat kelulusan. Jadi, saya mula mengubah usaha ini dan saya rasa saya dalam masa sekarang sudah dalam program dalam masa 2 bulan kita akan tengok kan bagaimana persaingan di antara *Road Gang* dan kontraktor tengok tentang kecekapan dia. Jadi, kita juga mesti kurangkan konsep *rank tier class* orang yang dapat kontrak tak buat kerja. Jadi, kita akan usahakan supaya apa yang dipanggil konsep *owner operator*. Jadi orang yang dapat kontraktor yang melaksanakan projek tersebut *is a call an owner operator* program. Jadi kalau kita nak tau *owner operator* bukan nama pakai, kalaulah nama sayalah AKI Sdn. Bhd. dan tak tahu siapa punya, siapa apa. Sekarang kalau kita tahu nama AKI Sdn. Bhd. siapa yang punya, apa yang dibuat, apa yang dia lakukan, adakah dia sub-kontrak atau tidak. Kalau itu berlaku maknanya kita akan membangunkan masyarakat yang bekerja bukan masyarakat yang menjadi orang yang makan sewa *that mean they is call the rank tier class*. Jadi kita mula nak kurangkan tersebut sebab mengikut laporan dari JKR lebih daripada 5,000 apa yang dipanggil Kelas F berada di Negeri Selangor. Kalau mereka semua bekerja maknanya tak ada masalah dari segi guna tenaga. Rupanya daripada kajian kita ada setengah syarikat itu ataupun pemilik itu bukan mempunyai 1 lesen tetapi 10 lesen. Jadi, jawapannya bila dia tender dia boleh hantar 10 dan bila dapat sebenarnya pun dia tak buat kerja dan saya semak juga saya minta UPEN semak 10 tapi pejabat dia pun tidak ada, tidak ada maknanya pejabat dia pun, pejabat menumpang saja. Jadi, inilah beberapa contoh

yang saya rasa akan dibuat dan saya telah minta PBT memantau usaha tersebut. Dari Meru bertanyakan tentang apakah peruntukan yang dibuat pada tahun 2011 untuk setiap ADUN sejumlah 27 juta kita telah peruntukkan dan dilaksanakan yang kurang ialah Petaling 1.8 juta, Klang 3.9 juta, Gombak 3.6 juta, Hulu Langat 2.9 juta, Sepang 2.9 juta, Kuala Langat 4 juta, Kuala Selangor 2.3 juta, Hulu Selangor 2.6 juta, Sabak Bernam 2.7 juta.

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat. Aturan urusan mesyuarat seterusnya.

## **USUL**

### **Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung. Ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Speaker, Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Di Kota Anggerik reformasi diteruskan, moga mendapat keredhaan Yang Maha Esa. Empat tahun sudah PR menjadi kerajaan, rakyat selesa PR akan terus berkuasa. Terima kasih atas semua pandangan-pandangan daripada Sungai Pelek, Batang Kali, Seri Serdang, Sekinchan, Sri Muda, Kota Alam Shah dan lain-lainnya berkaitan dengan portfolio saya. Terima kasih kepada Kuala Kubu kerana mengiktiraf kerajaan Pakatan Rakyat berbanding Seri Serdang yang masih dalam sindrom *denial* mengatakan bahawa kerajaan pembangkang bahawa yang kerajaan ialah Pakatan Rakyat yang pembangkang adalah Barisan Nasional. Tuan Speaker, bila kita melangkah ke dalam dewan yang mulia, tekad kita ialah untuk membuat perubahan atau istilah lain reformasi. Agenda reformasi pada hari ini bukan sekadar retorik, tetapi mampu dilaksanakan dan kini rakyat mampu berbangga dengan pencapaian ini. Terima kasih kepada rakyat Selangor, terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang telah menyokong dasar-dasar kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor.

Kerajaan Negeri bertekad untuk mereformasi pengurusan sumber alam, terutamanya pasir yang mana Batang Kali, Seri Serdang dan juga Kota Alam Shah menyebutkan ini kerana pengurusan sistem terdahulu sangat tidak teratur. Sebagai contoh, untuk melombong sungai lantikan terus dibuat melalui MMKN. Ketika saya dilantik menjadi EXCO, saya cuba tanya jabatan-jabatan berkaitan. Mereka mengatakan bahawa tiada sebarang SOP yang dibuat. Oleh itu, kita tubuhkan Kumpulan Semesta bagi memastikan bahawa pengurusan sumber batuan ini sama ada pasir ataupun kuari



ataupun tanah merah agar lebih teratur. Saya nak jawab dakwaan daripada Batang Kali, soal keluasan kawasan. Sebelum 2008, pasir lombong yang ada ialah 810 ekar. Kini ialah 1093 ekar. Peningkatan tak lebih 20%. Bagi kawasan pasir sungai, zaman Barisan Nasional ialah 73.3km. Kini hanya 45km. Batang Kali mana panjang, 73 atau 45?. Sebab dia mengatakan bahawa zaman dahulu keluasannya adalah sedikit, dengan peningkatan kawasan 20%, peningkatan royalti pasir Negeri Selangor meningkat 40% daripada 4.8 juta 2008 hingga 16.3 juta 2011. Di samping keuntungan anak syarikat ialah 26 juta. Kita berjanji hasil negeri untuk rakyat. 10 juta keuntungan Kumpulan Semesta dipulangkan balik kepada rakyat dalam program *Jom Shopping*, tak mengira siapa sama ada mereka orang-orang daripada Pakatan Rakyat ataupun UMNO mereka boleh untuk menyertai program *Jom Shopping* ini. Kemudian, ada dakwaan mengatakan bahawa Yang Berhormat menulis surat, saya jelaskan dalam dewan yang mulia ini saya baca surat tersebut yang dipohon ialah kelodak SYABAS bukannya kawasan pasir dan tidak ada syarikat tersebut mendapat kontrak pengorekan pasir di Negeri Selangor dan saya rasa Yang Berhormat Barisan Nasional juga tahu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan EXCO boleh menjadi *Board Directors* pada mana-mana syarikat. Bagi tahu juga Yang Berhormat – Yang Berhormat Barisan Nasional juga menjadi *Board Directors* pada mana-mana syarikat.

Berkaitan dengan satu perkara, Seri Serdang tugas agama bukan tugas EXCO agama semata-mata. Tugas agama adalah tugas semua, kita berbeza pandangan dengan Barisan Nasional, agama hanya di masjid dan di surau. Bila di luar masjid dan surau tidak ada agama. Sebab itu ada orang bila di Makkah pakai tudung, keluar daripada Kota Makkah tak pakai tudung lagi. Bagi saya, tugas agama juga dalam pertanian, tugas agama juga dalam keusahawanan, tugas agama juga dalam menguruskan sumber-sumber alam. Apa jadi bila fahaman agama itu hanya di surau dan masjid.

Ada dapat dana untuk membantu penternak-penternak lembu RM250 juta mereka akan salah gunakan. Bila menteri mencabar saya apakah ada pimpinan dari Keadilan sanggup menguruskan dana ini? Saya berbincang dengan penternak Negeri Selangor mereka mengatakan bahawa seandainya RM250 juta ini diberi kepada penternak-penternak lembu Negeri Selangor kita akan uruskan dengan lebih berjaya lagi. Ini terbukti dengan program kita untuk memindahkan penternak-penternak lembu yang *operate* di bawah kawasan PBT dan kita pindahkan mereka ke Sungai Nilam Hulu Selangor dengan kos tak sampai RM 500,000.

Tuan Speaker, berbalik kepada Kumpulan Semesta tadi, sekarang Kumpulan Semesta mengikut sepenuhnya peraturan-peraturan Jabatan Teknikal bagi mendapat kelulusan untuk melombong sama ada tanah-tanah persendirian, tanah-tanah kerajaan mahu pun sungai. Antara jabatan yang mesti dirujuk Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah. Ini berbeza sebelum 2008, Seri Serdang mengatakan bahawa kita melombong secara sewenang-wenangnya. Memang sebelum 2008 perlombongan pasir ini dibuat secara sewenang-wenangnya, setelah merujuk jabatan-jabatan berkenaan bahawa pemberian permit ini tidak perlu merujuk jabatan-jabatan

berkaitan. Ini telah pun dijelaskan oleh Sri Muda bagaimana dahulu proses perlombongan pasir sungai hanya diberi kepada sebuah syarikat sahaja dan tiada sebarang teknikal repot diberikan.

Soal DEB yang disebut oleh, soal DEB, Dasar Ekonomi Baru yang disebut oleh Seri Serdang. Ingin saya jelaskan bahawa saya akui DEB yang dilancarkan pada tahun 70 berkesan untuk membantu sebahagian meningkatkan daya saing dan ekonomi bumiputera. Tetapi setelah 40 tahun DEB perlu disemak. Kalau Seri Serdang nak pertahankan lagi saya rasa Seri Serdang agak ketinggalan. Bahkan kita rasa kecewa DEB telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin parti-parti politik Barisan Nasional sebagai alat untuk mengambil pelbagai projek kerajaan atas alasan untuk membantu bumiputera. Saya kira dasar sekarang memberi kepada mereka yang benar-benar yang mampu untuk melaksanakan tugas yang disebut oleh Tan Sri Menteri Besar *owner operator*. Tiada lagi konsep *rank tier class* iaitu kalau apa-apa program Kerajaan Negeri baik gerai, atau pun projek dipastikan bahawa projek ini diberi kepada mereka yang benar-benar melaksanakan program-program ini.

Tuan Speaker, Sri Muda ada menyentuh soal Geran Selangorku untuk luar bandar. Program ini kita buat di bawah Program A,B,C,.D sebab itu Yang Berhormat sekalian boleh mencadangkan mana-mana program yang sesuai untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan kampung-kampung tradisi untuk program-program ini. Dana telah pun disediakan. Berkaitan dengan dakwaan Bukit Antarabangsa, kehadiran Penghulu-penghulu dalam program Konvensyen Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan. Ini adalah konvensyen Penghulu-penghulu seluruh Malaysia yang tahun sebelum itu telah diadakan di Shah Alam. Seramai 17 Penghulu telah menghadiri program tersebut dan ini ialah Konvensyen Penghulu tetapi tidak dihadiri oleh Pegawai JASA seperti yang telah didakwa oleh Bukit Antarabangsa.

Sekinchan merujuk fasal PKPS. Ingin saya jelaskan di sini bahawa semenjak PKPS diuruskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, keuntungan buat kali pertama dalam sejarah PKPS mendapat untung operasi. Sebelum itu hanya untuk jual tanah yang mana Seri Serdang juga terlibat dalam perkara ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekinchan masuk....

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Sebagai contoh Tuan Speaker, saya telah melawat semua ladang-ladang PKPS, saya melihat projek-projek PKPS, saya melihat sebelum 2008, ladang-ladang tidak diurus dengan baik, ada ladang-ladang laksana belukar, tapi di hari ini ladang-ladang sawit telah pun diurus dengan baik sama ada di negeri Selangor, ladang di Kelantan atau pun yang terdapat di Sabah. Memang hanya ladang kita yang ada di Sarawak telah dijual oleh kerajaan terdahulu, yang ini PKPS mendapat rugi, keuntungan dijangka RM20 juta tetapi telah dijual tanah tersebut. Contohnya Yang Berhormat Sekinchan, pada 2007 jualan sawit ialah RM17.6 juta, tetapi 2011 jualan sawit telah meningkat kepada RM30.72 juta. Peningkatan keuntungan kepada ladang sawit daripada 2011 ialah 2007 ialah RM 11.57 juta kini 2011 RM19.7 juta. Keuntungan operasi 2007 rugi RM1.5 juta, 2008 rugi

RM11.42 juta kerana kita gunakan dana yang ada untuk menguruskan ladang, untuk membaik pulih ladang-ladang. Pada tahun 2010 untung RM1.89 juta inilah untung operasi pertama PKPS, 2011 RM8.10 juta. Yang menarik lagi ialah kini PKPS telah menanam seluas 1,275 hektar kawasan baru untuk tanaman sawit. Ini merupakan kawasan-kawasan terbiar dahulu ketika di zaman Kerajaan Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh saya minta sedikit penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat Kota Anggerik, saya nak tahu, penjelasan tentang jawapan Yang Berhormat sebentar tadi mengenai dengan kerajaan yang lalu menjual tanah, tetapi di dalam Dewan ini, dalam Persidangan ini juga kita dituduh kita jual tanah, Pakatan Rakyat jual tanah. Sekarang Yang Berhormat kata mereka jual tanah. Jadi Yang Berhormat, saya minta penjelasan lebih *detail* lagi apa, bagaimana, kerugian Yang Berhormat sebut tentang estet di Sarawak atau pun di Kalimantan yang menyebabkan kerugian berjuta ringgit, boleh Yang Berhormat memperincikan sedikit.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat Sekinchan pernah saya jelaskan dalam Dewan yang mulia berkaitan bahawa pada hujung 2007, tanah ladang PKPS 12,000 ekar di Miri telah dijual oleh lembaga pengarah ketika itu yang dipengerusikan oleh Menteri Besar ketika itu, iaitu Yang Berhormat Sungai Panjang. Tanah ini dijual dengan harga RM97 juta. Bila ambil alih kerajaan kita merasakan bahawa penjualan itu tidak wajar kerana mereka tidak tahu menguruskan estet kaedahnya ialah dijual estet tersebut. Ternyata bila kita ambil alih kerajaan kita baik pulih estet-estet yang ada dan ternyata ia menguntungkan. Kerajaan Negeri telah berusaha, pihak pengurusan PKPS telah membawa kes ini ke mahkamah untuk menghalang penjualan tanah-tanah tersebut. Malangnya di mahkamah, pihak mahkamah bersetuju dengan perjanjian jual beli yang ditandatangani oleh kerajaan terdahulu, maka kita kalah dalam mahkamah dan tanah tersebut telah berpindah milik. Saya difahamkan bahawa tanah ini telah pun dijual kepada syarikat lain, ladang berhampiran. Ha, ini kerja-kerja pemimpin UMNO, tanah kerajaan dijual kepada kawan-kawan mereka, kroni mereka kemudian dijual kepada orang lain dia buat untung sedikit dan kita jangkakan keuntungan dana tersebut ialah RM20 juta setahun dan saya kira ini satu kerugian besar, satu keputusan yang tidak bijak yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu dengan menjual ladang seluas 12,000 ekar di Miri.

Sungai Pelek membangkitkan soal pusat pengumpulan di Sungai Pelek. Kita ambil inisiatif untuk mewujudkan pusat-pusat pengumpulan ini ialah membantu IKS-IKS setempat untuk tempat-tempat pemasaran. Ada 4 tempat yang kita bina satu, di Sungai Pelek dengan membaik pulih hospital, klinik terbiar. Kedua, sebesar, sejumlah

RM80,000 kita bina di Gombak dan sejumlah RM60,000 kita bina di Sabak Bernam dan RM350,000 sedang kita bina di kawasan Kuala Langat. Tidak benar hanya untuk *operate* tiga minggu. Kontraktor tersebut telah gagal untuk *operate* ia di antara pengusaha IKS yang berjaya di kawasan Sepang yang minta disediakan tempat untuk jualan atau *show room*. Kini Pejabat Daerah sedang tender semula untuk *operate* untuk kita *operate* pusat pengumpulan ini dan kalau Sungai Pelek ada cadangan saya sedia menerima untuk kita majukan bersama tempat ini. Berkaitan dengan dakwaan daripada, seterusnya ...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek, silakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Kota Anggerik. Kalau jawapan yang dikatakan tadi tidak benar memang saya tidak setujulah. Saya bangkitkan perkara ini di dalam sidang Dewan niat dan tujuan saya adalah baik supaya duit atau wang daripada Kerajaan Negeri, rakyat negeri diguna pakai dengan sepenuhnya, sewajarnya dan tidak sewenang-wenangnya. I kata 3 minggu sahaja beroperasi itu memang satu perkara yang benar dan *realiti*nya sehingga hari ini sekurang-kurangnya 7 hingga 9 bulan tutup kedai. Kalau tidak percaya bolehlah Yang Berhormat EXCO pergi tengok dan jika saya tidak membangkitkan perkara ini di sini ada tak cadangan-cadangan yang dijawab oleh EXCO tadi bahawa akan tender semula. Saya tidak mempertikai bahawa Kerajaan Negeri ingin membantu pengusaha-pengusaha IKS di kawasan Sepang. Saya tidak mempertikaikan. Cuma sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan ada tak Kerajaan Negeri mengambil inisiatif atau menghitung semula segala perbelanjaannya dan dia boleh tak membawa keuntungan kepada kita di samping memanfaatkan kepada pengusaha IKS. Bagi saya, memang saya tidak nampak perkara ini wujud di dalam pusat pengumpulan kawasan Sepang ini.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih, Sungai Pelek. Sama ada Sungai Pelek bangkitkan atau tidak usaha-usaha telah dibuat untuk menender semula dan kita telah pun iklankan dan proses pemilihan sedang dilaksanakan. Saya kira dalam masa yang terdekat kontraktor baru akan menguruskan kawasan tersebut. Berkaitan dengan Tanaman Kekal Pulang Makanan yang telah kita dapati menarik perhatian. TKPM ini telah dapat membantu meningkatkan pengeluaran bahan agro-makanan. Bagi mencapai matlamat ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah *constructive* seperti memberi sokongan infrastruktur, kemudahan serta perkhidmatan yang lengkap, penggunaan teknologi moden dan pengeluaran mengikut amalan pertanian yang baik atau pun *good agriculture practice (GAP)*. Langkah ini dapat meningkatkan produktiviti serta pengeluaran produk agro-makanan yang berkualiti dan selamat dimakan.

Seterusnya pemasaran hasil ladang dapat diperbaiki dan mendapat usahawan yang menyertai projek ini dapat ditingkatkan dan pendapatan mereka dapat dipertingkatkan. Sehingga tahun 2011, Kerajaan Negeri telah berjaya menubuhkan sebanyak 12 buah TKPM dan keluasan seluas 1,395 hektar yang melibatkan seramai 360 usahawan dan

syarikat swasta. TKPM di negeri Selangor telah mengeluarkan hasil sebanyak 28,914 metrik tan merangkumi sayur-sayuran, buah-buahan dengan nilai RM32 juta pada tahun 2011 dan pengeluaran ini merupakan 55% kepada hasil pengeluaran bagi TKPM seluruh Malaysia. Maknanya TKPM Selangor mampu mengeluarkan 55% bahkan TKPM terbaik adalah TKPM di negeri Selangor. Secara keseluruhan bagi tahun 2012 sebanyak 56,052 metrik tan sayur-sayuran dengan nilai 60.33 juta telah dikeluarkan di mana ia telah menyumbangkan sebanyak 20.27% berbanding keperluan penggunaan sayur-sayuran di negeri Selangor iaitu sebanyak 276,500 metrik tan setahun dengan mengambil kira penggunaan sayur-sayuran per-kapita ialah 55.3 kilo setahun.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Puan Timbalan Speaker, minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada EXCO. Berhubungan dengan TKPM baru-baru ini dilaporkan TKPM di Bestari Jaya memang ada 25 pengusaha dan di mana tanahnya dirampas. Jadi bagaimana dengan penjelasan daripada EXCO dan juga Kajang juga mendapati melalui temu bual daripada Jabatan Pertanian berkaitan dengan penyewa-penyewa TKPM di mana tanah yang diluluskan untuk pajakan pada seseorang itu disewakan, disewakan kepada orang lain dan mereka tidak mahu mengusahakan tanah tetapi mengutip sewa. Dan ini telah kita bawa ke Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam dan telah memang ada bukti-bukti dan apakah tindakan selanjutnya daripada pihak EXCO, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih, Kajang. Berkaitan dengan TKPM di Bestari Jaya, pada 2007 tanah tersebut telah pun diberi milik kepada KDEB, anak syarikat Kerajaan Negeri bukan kita merampas, tolong betulkan istilah Kajang. Kita tidak merampas tanah tersebut tetapi tanah tersebut pada 2007, telah pun diberi kepada KDEB. Ini adalah dasar ketika itu supaya tanah-tanah kerajaan hendaklah dijaga oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. TKPM di kawasan Hulu Yam diberi milik kepada PNSB. Kerajaan Negeri membenarkan kepada petani-petani, pengusaha-pengusaha TKPM ini agar menyewa terus kepada KDEB dan saya akan bantu mereka untuk memastikan bahawa projek-projek ini hendaklah diteruskan cuma mereka ingin tahu bahawa tanah itu bukan tanah Kerajaan Negeri, bukan tanah mereka. Mereka hanya menduduki tanah tersebut milik anak syarikat Kerajaan Negeri.

Berkaitan dengan pengusaha-pengusaha TKPM yang menyewakan, saya memandang serius, arahan saya pada 2008 lagi. Mana-mana pengusaha-pengusaha TKPM yang menyewakan kepada orang lain hendaklah dirampas, kebenarannya dan pemilihan semula harus dibuat atau beri terus kepada penyewanya, kalau ia orang tempatan. Kalau disewakan kepada orang bukan tempatan hendaklah dirampas tanah tersebut dan diberikan kepada orang lain.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta laluan. Adakah kes-kes rampasan berlaku dan berapa kes yang sudah direkodkan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Ketika saya melawat TKPM di kawasan Sungai Blakan dan juga di Sepang, di Kuala Langat dan Sepang, memang ketika itu saya dapati ada tanah-tanah TKPM yang semak samun. Arahan saya ialah hendaklah diambil dan serah kepada lain. Saya tidak ada data-data pada hari ini tetapi ini telah pun diambil tindakan. Mana-mana TKPM yang tidak diusahakan hendaklah diambil dan diserahkan kepada pengusaha-pengusaha lain yang lebih berjaya. Bagi buah-buahan

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Puan Timbalan Speaker, soalan susulan. Berhubungan dengan TKPM di Sungai Batangsi di Semenyih, Hulu Semenyih, Kajang memang mendapati dan juga mendapat aduan daripada penyewa-penyewa yang berusahakan, mengusahakan tanah itu dan mereka telah menyuarakan aduan mereka dan meminta pihak kerajaan meneliti kes-kes penyewaan dan memberi hak untuk mereka usahakan tanah itu. Dan selain daripada itu, tapak yang sama telah didapati tanah TKPM dijadikan *resort*, jadi kita minta penjelasan daripada pihak EXCO, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Kawasan TKPM di Hulu Langat yang menuju ke Dusun Tua, tanah tersebut asalnya TKPM kemudian diserahkan kepada PKPS. PKPS telah buat *joint venture* kepada sebuah syarikat untuk bina *resort* di situ. Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya mengambil alih tanah tersebut daripada PKPS supaya perjanjian itu dapat dibatalkan. Di kawasan Semenyih ada satu kawasan yang masih kosong dan proses pemilihan peserta baru telah pun dibuat.

Manakala bagi buah-buahan, jumlah pengeluaran adalah 85,275 metrik tan yang bernilai RM120 juta. Ia menyumbang sebanyak 18% keperluan buah-buahan di negeri Selangor. Puan Timbalan Speaker, dalam usaha untuk meningkatkan lagi pendapatan petani, Kerajaan Negeri menggalakkan golongan petani untuk terlibat dalam Industri Asas Tani (IAT) bagi meningkatkan nilai tambah mereka. Pada tahun 2011, seramai 508 pengusaha IAT di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mencatat anggaran pengeluaran sebanyak 12,857 metrik tan dan nilai jualan berjumlah RM140,737,000 dengan purata anggaran kasar bulanan bagi seorang pengusaha ialah berjumlah RM23,000 setahun. Seramai 4 orang pengusaha IAT telah mencapai tahap 6 iaitu nilai jualan melebihi RM10 juta. 6 orang berada tahap 5 iaitu dengan nilai jualan tahunan antara RM1 juta hingga RM10 juta. 26 orang berada pada tahap 4 iaitu nilai jualan bernilai RM250,000 hingga RM1 juta. 34 orang berada pada tahap 3 iaitu dengan nilai jualan tahunan RM100,000 hingga RM250,000. 121 orang pada tahap 2 iaitu dengan nilai jualan tahunan antara RM50,000 hingga RM100,000 dan selebihnya berjumlah 317 berada pada tahap 1 dengan nilai jualan tahunan kurang daripada RM50,000. Dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan Industri Asas Tani, pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM1,830,000 di bawah Jabatan Pertanian Negeri Selangor bagi program-program pemprosesan makanan, pembuatan kuih tradisional, pembangunan kraf tani, pembangunan produk baru, pembangunan produk pertanian bukan makanan, kemudahan promosi dan pembangunan modal insan. Sebanyak 42 buah kursus dan seminar telah diadakan sepanjang tahun 2011 dengan bilangan pengusaha IAT seramai 1,660 orang.

Selain daripada usaha untuk meningkatkan pendapatan, pengusaha IAT juga ditekankan mengenai kepentingan mengamalkan kebersihan demi menjamin keselamatan makanan dan mengamalkan amalan pengilangan baik GMP dan mendapat sijil halal. Pada tahun 2011, seramai 7 pengusaha telah berjaya dianugerahkan Sijil GMP dan 68 orang pengusaha telah mendapat status persijilan halal. Jabatan Pertanian Negeri Selangor sentiasa membantu dan membimbing pengusaha-pengusaha IAT bagi memastikan premis mereka mengamalkan amalan pengilang yang baik dan menjaga kebersihan premis dan menjamin keselamatan makanan yang diproses.

Puan Timbalan Speaker, Negeri Selangor juga memastikan sumber protein cukup. Untuk pengeluaran daging lembu, keperluan ialah 30,000 tan metrik kita hanya mampu keluarkan 5.84%. Daging kambing 2.79%, daging ayam 32.75%, telur ayam 53%, susu 1.23%, daging babi 87.67%. Kerajaan Negeri cuba sedaya upaya untuk memodenkan sektor pertanian dan memastikan bahawa program-program pertanian ini adalah yang terbaik, moden dan ini telah ditunjukkan oleh beberapa syarikat besar yang melabur di negeri Selangor. Berkaitan dengan pengeluaran luar bandar, sejumlah RM8 juta yang di peruntukan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar akan dibelanjakan dalam masa yang segera di samping RM30 juta di bawah Selangorku. Puan Timbalan Speaker, saya harapkan dengan penjelasan ini, mampu untuk menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kinrara.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker. Ekonomi Malaysia akan terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang lebih mencabar akibat ketidak ketentuan ekonomi global yang masih menguasai pasaran di negara-negara maju dan juga kuasa-kuasa besar Asia. Ekonomi Selangor terus merekodkan pertumbuhan positif tahun 2011 walaupun dengan persekitaran luar yang sangat mencabar. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Selangor masih berjaya dicatat pada 5.9% dibantu peningkatan dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta merangsang eksport *output* dan komoditi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dijangka akan terus berkembang dengan beberapa inisiatif utama seperti insentif cukai dan langkah liberalisasi untuk menarik pelaburan terutama sektor perkhidmatan ekonomi negeri Selangor tahun 2012. Di unjur merekodkan prestasi yang sederhana dengan KDNK sekitar 5.3% sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang sederhana.

Sektor perkhidmatan dijangka akan menjadi pemacu ekonomi Selangor dengan kecergasan sektor perkhidmatan kerajaan, kerancangan aktiviti berkaitan perdagangan serta pengukuhan kemasukan pelaburan. Teknologi dan tenaga profesional meningkatkan sumbangan kepada KDNK negeri. Sebagai negeri penyumbang terbesar kepada KDNK negara dengan anggaran 22%, Selangor perlu memainkan peranan yang lebih agresif dalam meningkatkan pelaburan domestik dan asing masuk ke dalam negeri.

Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker, bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak 263 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di negeri Selangor dengan nilai pelaburan bernilai RM8.741 bilion. Daripada jumlah keseluruhan modal pelaburan yang diluluskan di Malaysia, iaitu RM56.806 bilion sebanyak RM8.741 bilion iaitu 15.3% daripada jumlah modal pelaburan yang diluluskan oleh MIDA di Malaysia adalah di Selangor. Selangor mencatatkan jumlah pelaburan di tempat ke dua (2) tertinggi selepas Pulau Pinang yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak RM9.106 bilion daripada 100 dan 9 projek perkilangan yang diluluskan. Daripada jumlah modal pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM4.5 bilion adalah daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM4.236 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 20,750 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Dari segi status, sebanyak 171 projek perkilangan yang diluluskan di negeri Selangor adalah merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.383bilion iaitu sebanyak 50.1%. Sebanyak 92 projek merupakan projek penambahan pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.357bilion iaitu 49.8%. Ini menunjukkan pelabur sedia ada memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pelaburan di Negeri Selangor.

Selain itu, ianya menunjukkan bahawa pelabur yang sedia ada masih berkeyakinan dengan senario pelaburan semasa dan dasar pelaburan yang berkonsepkan Mesra Pelabur yang diamalkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor. Yang Berhormat

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jelas sikit. Terima kasih Y.B. EXCO. Dasar Mesra Pelabur yang menyebabkan pertambahan dan peningkatan pelaburan di Selangor, boleh dapat penerangan apa maksud Dasar Mesra Pelabur?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan terangkan dalam ucapan penggulungan saya nanti. Bagi saya 5 minit lagi.

Y.B. Timbalan Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang prestasi pelaburan mengikut industri pada tahun 2011. Industri pembuatan barangan kelengkapan kenderaan mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.027 bilion daripada 52 projek. Ini diikuti industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik berjumlah RM1.422 bilion dengan 27 projek dan industri pembuatan produk makanan sebanyak RM1.328 bilion dengan 17 projek yang diluluskan.

Dari segi peluang pekerjaan yang diwujudkan, industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik mencatatkan potensi peluang pekerjaan yang tertinggi dengan 4,370 peluang pekerjaan diikuti industri pembuatan barangan kelengkapan kenderaan sebanyak 4,069 peluang pekerjaan dan industri pembuatan barangan getah sebanyak 2,313 potensi peluang pekerjaan.

Pelabur Jepun masih kekal sebagai pelabur utama dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.245 bilion dengan 26 projek. Diikuti pelabur daripada Singapura dengan nilai pelaburan berjumlah RM938 juta daripada 13 projek dan pelabur dari Korea sebanyak RM652 juta dengan 3 projek. Pelaburan dari negara China menunjukkan pertumbuhan positif di mana pelabur dari negara China merupakan antara 10 pelabur utama yang



melabur di negeri Selangor pada tahun 2011. Jumlah nilai pelaburan semakin meningkat sebanyak RM24 juta yang dicatatkan pada tahun 2009, tapi sekarang telah meningkat kepada RM66 juta pada tahun 2011.

Berdasarkan lawatan ke negara China yang diadakan sebelum ini, minat yang ditunjukkan oleh pelabur dari negara China adalah lebih daripada dalam bidang hartanah, infrastruktur dan juga pertanian. Y.B. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, daerah Klang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM3.189 bilion daripada 80 projek yang diluluskan. Ini diikuti dengan daerah Petaling iaitu RM1.944 bilion daripada 76 projek dan diikuti daerah Hulu Langat sebanyak RM1.289 bilion daripada 34 projek.

Usaha bagi meningkatkan pertumbuhan sektor pelaburan akan diteruskan bagi tahun 2012 dengan penekanan kepada usaha-usaha untuk menggalakkan penambahan pelaburan sedia ada di samping menarik pelabur-pelabur baru. Tiga matlamat utama telah digariskan untuk dicapai iaitu :

- 1) meningkatkan nilai pelaburan negeri Selangor di samping menjadikan Selangor sebagai pusat pelaburan, pusat perindustrian dan pusat perdagangan yang kondusif dan strategik;
- 2) Menggalakkan pertumbuhan industri baru dan berteknologi tinggi seperti *Green Technology Industry* iaitu solar dan *renewable energy aviation* dan sebagainya; dan
- 3) Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti *Regional Establishment of Operational Head Quarters, International Procurement Centre, Regional Distribution Centre, Regional* ataupun *Representative Officers Global Operations Hub*.

Dari segi *support services*, kita juga menekankan dengan tenaga yang boleh diperbaharui *integrated logistic services, international integrated logistic services, research and development, integrated market support services*. Yang lain termasuk juga *MSC status companies real estate housing, financial services hotel dan tourism*, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan perubatan dan sebagainya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2011 sebanyak 215 syarikat telah mendapat kelulusan MSC Status dan sebanyak 108 syarikat adalah di negeri Selangor. Sebanyak RM1.24 bilion telah diluluskan di mana sebanyak RM0.56 bilion melibatkan penyertaan pelabur asing. Sebanyak 5,175 potensi peluang pekerjaan telah diluluskan. Projek yang diluluskan melibatkan penyertaan pelabur dari negara asing adalah seperti berikut; Australia – 1, Belgium – 1, Perancis – 1, Hong Kong – 1, India – 3, Iran – 1, Malaysia – 95, Singapura – 3, United States – 2. Produk dan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut iaitu *Creative Multimedia, Info Tech Global Sourcing* dan sebagainya.

Secara dasarnya Negeri Selangor mempunyai kekuatan dalam sektor perkhidmatan. Ini terbukti kerana sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 56.4% daripada KDNK negeri Selangor. Kedudukan Negeri Selangor yang strategik menjadi tumpuan aktiviti perniagaan, kemudahan infrastruktur dan prasarana yang lengkap serta persekitaran kehidupan yang serba moden, selesa dan bertaraf antarabangsa menjadi faktor kekuatan negeri Selangor.

Dalam usaha menggalakkan penambahan pelaburan oleh pelabur sedia ada, pihak Kerajaan Negeri akan terus mengadakan program pertemuan lawatan dan kunjungan hormat ke kilang-kilang yang beroperasi di negeri Selangor serta ke kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada di negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas serta meninjau permasalahan yang dihadapi sekiranya ada.

Untuk jawab Y.B. Hulu Kelang, kita Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan IPMC *Industrial Park Management Community* dan fungsi unit pelaburan di semua PBT dan akan terus yang fungsi mereka akan terus dipertingkatkan dengan matlamat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelabur. Melalui langkah ini, kita dapat memberi peluang kepada pihak industri untuk menyampaikan secara terus permasalahan yang dihadapi dan secara langsung ianya dapat memberikan keyakinan kepada pihak industri untuk terus membuat penambahan pelaburan di negeri Selangor. Usaha untuk menaik taraf infrastruktur kawasan perindustrian yang sedia ada akan dipergiatkan di samping mempercepatkan proses kelulusan projek pelaburan dan proses penyelesaian masalah para pelabur.

Kerajaan Negeri melalui pusat pelaburan negeri akan sentiasa memantau dengan lebih kerap ke atas projek-projek pelaburan yang diluluskan atau sedang dilaksanakan di Selangor. Konsep *build and lease* dan *contract lease* akan diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri ke atas pemilikan hartanah industri yang melibatkan milikan anak syarikat Kerajaan Negeri supaya kita boleh membantu pelabur untuk mengurangkan kos awalan pelaburan mereka dan secara langsung dapat mengatasi isu kos awal pelaburan yang tinggi yang dihadapi oleh para pelabur disebabkan faktor kenaikan nilai hartanah yang tinggi di kawasan Lembah Kelang dan Selangor. Namun begitu, konsep ini agak kurang diminati oleh pelabur asing. Selain itu, melalui langkah ini kita akan menggalakkan aktiviti pembangunan yang pesat di kawasan perindustrian yang sedia ada di Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pelaburan pada tahun 2012, sektor pelaburan dijangka akan terus berkembang bagi tahun ini. Pertumbuhan ini berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut iaitu ekonomi negeri Selangor tahun ini dianggarkan merekodkan prestasi yang sederhana dengan KDNK sekitar 5.3% sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang sederhana. Sektor perkhidmatan dijangka akan menjadi pemacu ekonomi Selangor dengan kecergasan sektor perkhidmatan kerajaan, kerancangan aktiviti berkaitan perdagangan serta pengukuhan kemasukan pelaburan teknologi dan tenaga profesional meningkatkan sumbangan kepada KDNK. Kedudukan negeri yang semakin baik di tangga ke-18 dari segi *East of the Wing Business* berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *World Bank* untuk tahun 2012 dan juga

kedudukan negara Malaysia di tempat ke-21 dari segi *improvement across the board* berdasarkan laporan *Global Competitiveness* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* di Geneva.

Bagi tahun Januari hingga Mac tahun ini, pusat pelaburan negeri telah menerima sebanyak 21 lawatan pelabur bagi meninjau kawasan perindustrian yang berpotensi untuk cadangan projek pelaburan mereka. Bagi tempoh Januari hingga 16 Mac tahun ini, sebanyak 21 permohonan penempatan projek perkilangan di negeri Selangor telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dengan nilai pelaburan sebanyak RM635 juta. Daripada jumlah ini, RM410 juta adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM225 juta adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,952 potensi peluang pekerjaan telah pun diluluskan.

Di sini secara kesimpulan, para Ahli-ahli Berhormat mungkin berminat untuk tahu sejak Pakatan Rakyat menjadi kerajaan di Negeri Selangor apakah jumlah pelaburan perindustrian di Negeri Selangor. Mengikut rekod yang kami ada dan yang dibekalkan oleh MAIDA, sejak tahun 2008 hingga tahun 2011 jumlah bilangan projek pelaburan perindustrian adalah 1,014 projek iaitu tertinggi di seluruh Malaysia. Peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh Selangor ialah 100,348 peluang pekerjaan iaitu tertinggi di seluruh Malaysia. Pelaburan tempatan yang kami perolehi di Negeri Selangor ialah RM15.618 juta iaitu merupakan angka yang tertinggi di Malaysia. Dari segi pelaburan asing, kami mendapat RM22.394 juta. Angka ini adalah kami, *rank* kita adalah yang ketiga berbanding dengan negeri lain di Malaysia.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Juta atau ribu juta?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Juta. Minta maaf. I ingat ini adalah bilion, bilion ringgit. Minta maaf yang pelaburan tempatan RM15.618 bilion, pelaburan asing adalah RM20.394 bilion. Jadi, jumlah pelaburan kita dari tahun 2008 hingga 2011 ialah RM38 bilion yang mana adalah tertinggi di seluruh Malaysia. Jadi, bagi pihak pembangkang yang selalu kata selepas Pakatan Rakyat menjadi kerajaan di Selangor, kelihatan pelaburan telah pun jatuh, ini adalah tidak benar. Kami negeri Selangor masih nombor satu dari segi jumlah pelaburan, bilangan projek, peluang pekerjaan seluruh negeri Selangor.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Templer.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih. Minta penjelasan. Saya amat kagumlah dengan penjelasan Y.B. EXCO daripada Kinrara. Tapi, bukankah EXCO sendiri tahu bahawa segala usaha peningkatan pelaburan ini ada kaitan dengan

kerajaan pusat juga. Seperti mana kita sedia tahu, iklim pelaburan di Selangor ini adalah yang terbaik. Contohnya kerana kita mempunyai lapangan terbang dan ini adalah pusat yang cukup penting dan semua pelabur-pelabur pun menumpu di sini daripada dulu kerana itu Selangor dikatakan dengan izin *is gold mind* dan saya rasa macam ayat yang selalu digunakan oleh Sekinchanlah lembu punya susu sapi dapat nama apa usaha yang diteruskan, *alhamdulillah* tetapi adakah YB setuju bahawasanya ini adalah kerana lokasi Selangor dan juga bantuan yang diberikan oleh MIDA dan juga Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** YB Taman Templer.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Taman Templer, selalu menganggap MIDA adalah Cawangan UMNO. Tiap-tiap kali bila YB tanya soalan, adalah sama ada

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya tak sebut, UMNO, saya tanya adakah YB setuju bahawa ini Kerajaan Pusat pun memainkan peranan kerana lokasi kita, lokasi kita, jadi bukannya semata-mata kerana usaha Kerajaan Negeri tetapi juga ada kaitan dengan lokasi dan iklim pelaburan yang tertumpu di pusat. Terima kasih.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** YB memang yang Selangor adalah salah satu negeri di Malaysia dan memang yang iklim pelaburan di negeri Selangor ini adalah amat berkaitan dengan iklim ekonomi Malaysia dan rantau Asia dan seluruh dunia. Jadi memang ini berkaitan. Kami tidak pernah nafikan dan selalunya bila rombongan menggalakkan pelaburan anjuran SSIC ini bila kita pergi melawat ke syarikat dan kilang negara asing dan jemput mereka untuk melabur di Selangor, selalu juga kami berbincang dengan pihak MIDA dan mendapat cadangan daripada pihak MIDA semasa kami membuat lawatan. Ini tidak dapat dinafikan tetapi YB Taman Templer juga jangan lupa yang sumbangan cukai ya oleh penduduk di negeri Selangor ini adalah yang paling tinggi di seluruh Malaysia. Jadi itu sebabnya yang Perdana Menteri dan Presiden UMNO kata wah yang pihak BN nak rampas balik Selangor *at all costs* apa cara pun ini kerana memang sumbangan ekonomi daripada negeri Selangor ini adalah tidak dapat dinafikan tetapi perbezaan di antara Kerajaan Pakatan Rakyat dan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Selangor ini kami jaga wang rakyat dengan lebih berkesan dan kami lebih memang mengamalkan konsep jimat cermat dan gunakan wang dalam bidang yang diperlukan. Ini adalah perbezaan di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan. Sebenarnya Puan Timbalan Speaker, saya setuju tetapi juga saya rasa sebenarnya YB EXCO dah menyimpang jauh bukankah sebenarnya jumlah sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat RM2.71 billion ke negeri Selangor, jadi ini adalah satu sumbangan yang besar berbanding dengan negeri-negeri lain dan maka tidaklah kerajaan menidakkan kepentingan sumbangan rakyat negeri Selangor. Jadi saya rasa ini menyimpanglah kerana RM2.71 billion dengan izin *is a lot money given to the state*. Jadi saya rasa ini tidak ada kena mengena langsung dengan cukai dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Yang sebenarnya YB Timbalan Puan Speaker, kita dah lama tak jumpa YB Taman Templer tau. Dia tak berucap pun dalam perbahasan. Jadi sekarang hanya datang nak tunjuk kehadiran YB.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** YB minta izin, macam mana lama tak jumpa, saya datang apa, cuba tengok rekod kehadiran, tiap-tiap hari ada macam mana kata saya tak ada.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Tak bahas.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tak bahas pasal tak cukup masa, semua dok bangun, Speaker pula kata, hari ini kena gulung, kalau hari ini diberi peluang bahas, pastinya saya bahas. Ucapan pun dah ada tapi tak diberi peluang. Jadi tak kenalah kalau kata saya tak hadir, tiap-tiap hari ada kalau tak percaya YB *check* kehadiran. Tiap-tiap hari ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker. Pertanyaan satu, boleh tak dalam gulungan itu ADUN bangun dan mencelah atau minta penjelasan. Boleh tak?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Apa yang Sungai Pelek buat sekarang?

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tidak, tidak, maksud saya apabila EXCO dia sudah buat penjelasan gulung. Boleh tak ADUN-ADUN ini berdiri dan bertanya

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Boleh bertanya, dibenarkan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Boleh, ya tanya, Taman Templer ini EXCO pula jawab lain.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Memang nak jawab lain saya hanya nak tunjukkan YB Taman Templer ini selalu tak ada di Dewan lah dan tidak menyertai perbahasan itu sahaja.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, itu tuduhan yang tidak betul, tidak berasas, saya mencabar YB buktikan kerana saya tiap-tiap hari hadir di Dewan macam mana boleh kata saya tidak ada di Dewan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta pihak kerajaan terus kepada penggulungan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya minta *point of order*, 36 sangkaan jahat ya, 36(6) saya minta YB EXCO tarik balik sangkaan mengatakan saya tidak ada dalam Dewan. Walhal tiap-tiap hari saya ada di Dewan. Minta tolong ya tarik balik.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Saya tadi kata, YB tidak menyertai perbahasan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tidak, itu YB tadi kata, saya tidak hadir bukan soal tak melibatkan dalam perbahasan, itu lain. Tapi Puan Timbalan Speaker, susah nak sebut minta maaf, saya nak beritahu YB Kinrara kadang YB selalu ke Parlimen, saya faham tapi YB tau tak saya salah seorang yang cukup aktif dalam perbahasan walaupun saya tak bahas tetapi setiap kali ada isu-isu yang dibangkitkan saya memainkan peranan untuk bertanyakan soalan. Jadi saya rasa ini satu tuduhan yang tak berasas kerana ini tuduhan personal mengatakan bahawa saya tidak ada dalam Dewan. Ini saya minta tolonglah kalau boleh tunjukkan profesionalisme sikit dan tarik balik, saya minta tolong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Kinrara teruskan.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Ya, terima kasih.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Speaker, minta maaf, kena tarik baliklah mana boleh, ini 36(6) ni sangkaan jahat, sekurang-kurangnya tarik balik pasal ini tuduhan, tuduhan ni.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Tidak menyertai perbahasan yang mana ini juga di akui oleh YB. Taman Templer. Tidak menyertai perbahasan. Ini memang betul, ini fakta. Jadi YB

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, saya ingin bertanya kepada YB EXCO adakah YB EXCO setuju dengan saya pada masa yang sama Barisan Nasional memang Selangor kita akui bahawa ada sumbangan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Barisan Nasional pada zaman dahulu tetapi bukannya pernah bahawa pelaburan yang ditarik masuk oleh Kerajaan Barisan Nasional bandingkan dengan apa yang kita capai sekarang iaitu semenjak tahun 2008 hingga tahun yang lalu kita telah menarik RM35 bilion. Amaun dia lebih besar daripada amaun yang dicapai oleh kerajaan Barisan Nasional dalam mana-mana satu tahun bukannya ini benar?

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** YB Timbalan Speaker,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mana boleh macam ini, saya bertanya kepada YB EXCO, YB EXCO belum jawab lagi.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, saya masih tak berpuas hati kerana YB telah buat tuduhan, saya minta tarik baliklah kerana mengatakan saya awalnya kalau baca *hansard* memang mengatakan saya tidak hadir di Dewan, jadi saya memohonlah kalau boleh, Puan Speaker pun tidak mahu gunakan kuasa yang ada untuk mohon tarik balik berlaku adil sikitlah kerana saya pernah pun tarik balik, saya pernah tarik balik kalau saya salah cakap. Jadi saya mohon itu satu tuduhan. Itu sahaja saya mohon.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Kinrara *refresh* apa yang disebut semula.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih YB Timbalan Speaker, Tadi saya memang ada jawab *aaa intervention* daripada YB Taman Templer tapi apa yang saya katakan YB tidak menyertai perbahasan dan walaupun YB hadir di Dewan tiap-tiap hari tetapi kebanyakan masa tidak duduk dekat Dewan itu sebabnya dia tidak dapat peluang untuk menyertai, itu sahaja.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, ini tuduhan yang bertambah dan bertambah jadi kalau boleh saya nak mohonlah saya tak tahu betul atau tak betul Sekinchan, betul ke tuduhan itu, kata saya tak ada kat Dewan ataupun tak mengambil bahagian aktif dalam Dewan ini. Saya mohon Sekinchan, tolonglah

**Y.B. TUAN NG SWEE LIM:** YB Minta maaf kerana saya bukan EXCO dan saya tak terlibat menjawab soalan ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik, Templer. Taman Templer saya apa yang disebutkan oleh YB EXCO tadi, bahawa Taman Templer hanya tidak terlibat dalam perbahasan, ya dia tidak mengatakan yang selain daripada itu. Jadi saya berharap kita dapat teruskan penggulungan dari pihak kerajaan.

**Y.B. CIK TERESA KOK SUH SIM:** Jadi terima kasih. Saya ingin gulung yang akhirnya ialah Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan usaha untuk menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif di negeri Selangor serta mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dengan mengadakan aktiviti pelaburan dengan fokus kepada pelabur yang sedia ada sama ada dalam sektor pembuatan mahupun perkhidmatan. Walau berbagai cabaran Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor tetap komited untuk melaksanakan usaha untuk menarik pelaburan ke negeri Selangor bagi merealisasikan visi dan misi negeri Selangor sebagai sebuah negeri idaman, maju sejahtera dan berkeadilan. Segala usaha ini akan tercapai dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, seterusnya penggulungan daripada pihak kerajaan. Pandamaran.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, sebelum saya memberi jawapan gulungan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua YB yang membangkitkan isu yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan ataupun *Local Council*. Sebelum saya memberi jawapan saya ingin memberi satu laporan yang ringkas sahaja kerana saya rasa semua YB dalam Dewan Yang Mulia ini ingin tahu jugalah. Jadi baru-baru ini dalam *System Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor telah mendahului negeri-negeri lain di Malaysia dengan mendapat lapan (8) Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang berjaya meraih kutipan empat (4) bintang. Manakala empat Majlis Daerah yang berjaya mendapat tiga (3) bintang. Ini adalah kerana pada keseluruhannya hanya ada 21 buah PBT dapat empat (4) bintang.

Tetapi Negeri Selangor ada lapan (8). Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah memberi kerjasama kepada PBT dan ini adalah satu pendekatan drastik yang sangat memberangsangkan di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Terima kasih. Isu-isu yang dibangkitkan oleh YB

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan. Puan Timbalan Speaker. Boleh saya mencelah. Pasal bintang. Ketawa... Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan..

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Hotel bertaraf bintang. Saya nak bertanya kepada YB EXCO, sebenarnya bintang ni bagi pasal kenaikan gaji dan elaun Ahli Majlis dan ataupun kerana efisien PBT dalam hal-hal mengurus kerja-kerja di peringkat akar umbi, itu saya nak tanya. Bintang ni macam mana kriterianya adakah pasal kerja yang contohnya kutip sampah, bersih longkang, potong rumput ataupun bintang ni pasal naik gaji.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Taman Templer. Sebenarnya *System Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu KPKT yang telah mencadangkan sistem ini di setiap negeri bermula pada tahun 2008. Penggredan bagi ini tersebut dibuat melalui 352 *indicator* penilaian yang dibangunkan berdasar empat (4) bidang utama seperti pengurusan, perkhidmatan, pengurusan pelanggan dan juga penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Jadi ini langsung tidak ada kaitan dengan naik gaji dan sebagainya. Dan penggredan ini juga dilaksanakan secara penggunaan borang soal selidik daripada responden daripada golongan penduduk iaitu 70%, peniaga 20% dan NGO 10%. Jadi proses ini adalah oleh KPKT kita rasa ini adalah satu pertandingan ataupun penilaian yang adil dan sebab itu saya memberitahu Dewan Yang Mulia ini. Ini adalah satu pencapaian dan saya ambil kesempatan hari ini untuk ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan bantuan kepada PBT.

Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, isu-isu yang saya rasa saya perlu jawab kali ini adalah mengenai sampah, mengenai Hotel Bajet dan juga cukai pintu. Saya pergi kepada Hotel Bajet dulu. Rupa-rupanya ada YB menganggap Hotel Bajet sebagai punca maksiat. Puan Timbalan Speaker, aktiviti maksiat telah berpunca dari kelemahan manusia dan aktiviti maksiat boleh berlaku di pelbagai tempat. Ia dikatakan telah berlaku di hotel lima bintang, di kondo di apartmen, pangsapuri, kelab kadang-kadang di rumah kediaman biasa dan sebagainya. Jadi janganlah salahkan hotel bajet sahaja. Ada hotel bajet yang sihat dan bersih juga. Hotel bajet main peranan yang penting dalam pelancongan dan di juga dialu-alukan juga oleh golongan berpendapatan rendah. Jadi Seri Serdang yang membangkitkan isu ini, saya rasa ia tidak adil kepada pengusaha hotel bajet yang bersih dan sihat. Sebenarnya ini adalah isu penguatkuasaan iaitu sama seperti yang berlaku dengan pusat hiburan, siber kafe dan pusat refleksologi. Jadi kalau lah ada aktiviti maksiat di mana-mana sahaja tangkaplah. Pihak PBT boleh bertindak, polis pun boleh buat tangkapan, tariklah lesen dengan segera bawalah mereka yang bersalah ke mahkamah. Seri Serdang tak kan kerana



ada orang mati dalam yang melibatkan motor dan kereta lepas itu kita larangkan motor dan kereta sama sekali. Itu tak masuk logiklah.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker minta laluan untuk minta celah daripada Kajang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada EXCO. Baik, Kajang ingin bertanya hotel bajet ini memang kita tidak pertikai sangat kegunaan dia atau aktiviti yang ada dalamnya. Tapi masalahnya hotel bajet ini macam tumbuh dengan seperti cendawan. Dia di bina dan di ubah suai seperti hotel di merata tempat tanpa lesen. Lesen yang dikeluarkan misalnya di MPKJ Kajang hanya lapan (8) hotel bajet yang diluluskan yang berlesen, yang lainnya berpuluh beratus merata tanpa lesen. Bagaimana dengan pemantauan dan penguatkuasaannya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Ya Kajang. Yang dikatakan hotel bajet bertumbuh sebagai cendawan ini memang bukan sahaja berlaku di negeri Selangor, ia berlaku di Melaka, ia berlaku di Perak, ia berlaku di Pulau Pinang dan Johor dan sebagainya. Ini adalah keperluan pelancongan dan juga ada golongan yang berpendapatan bukan tinggi seperti *salesman* dan sebagainya tak kan mereka boleh menginap di hotel lima (5) bintang apabila mereka *berbusiness*. Tetapi memang penting, memang benar Kajang, kalau lah ada hotel bajet yang tidak berlesen kita tidak ada alasan untuk memberikan mereka terus berniaga. Jadi tindakan daripada semua pihak bukan sahaja PBT harus di ambil sebab kita pun tak mahu, tak mahu mana-mana *business* bukan sahaja hotel boleh di jalankan tanpa lesen. Jadi inilah satu, satu amalan yang tidak baik kalau kita teruskan bagi hotel yang tidak ada lesen itu. Saya pergi kepada isu sampah.

Saya ingin memberi tahu semua bahawa Alam Flora melepaskan tangan pada bulan Oktober 2011, *unilaterally*. Maksud saya Kerajaan Negeri tidak memaksa Alam Flora mengundur diri. Kita hanya ingin mengambil alih kerja pembersihan awam seperti cuci longkang, potong rumput dan sapu jalan dan sebagainya. Sebenarnya permit atau pun perjanjian di antara PBT dengan Alam Flora tamat pada tahun 2009 kita negeri Selangor kita ambil tindakan dengan serta merta untuk menamatkan, kita bagi lanjutan tahun demi tahun, kita bagi peluang kepada Alam Flora untuk membuktikan mereka boleh penambahbaikan perkhidmatan mereka, tetapi malangnya lepas dua tiga tahun kita tak nampak ada *improvement* dengan izin makalah kita ambil keputusan kita tarik balik perkhidmatan pembersihan awam tak termasuk kutipan sampah. Tetapi dengan alasan yang hanya Alam Flora boleh faham, boleh tahu mereka tarik semua sekali. Tetapi Kerajaan Negeri mengambil ini sebagai satu cabaran walau pun PBT sudah tidak ada pengalaman untuk menjadi tauke kutipan sampah selama tiga belas tahun. Jadi kita minta peluang, kita minta masa untuk PBT menjalankan tugas mereka dan kita juga minta semua termasuk penduduk sendiri bagi peluang dan juga masa kepada kontraktor yang baru yang belum ada pengalaman yang baik itu untuk cuba mereka menjalankan tugas masing-masing. Kerja pembersihan awam dan kutipan sampah

bukan satu kerja yang senang. Bukan satu kerja yang, yang mudah. Semua orang tahu yang sampah ini bukan suatu benda yang kita suka sentuh. Tetapi ada orang sudi dan rela buat kerja ini kita harus beri kerjasama dan juga galakan kepada mereka dan bukan menghina mereka. Sebab itu saya tidak puas hati, saya dengar cerita ada Ahli Parlimen yang bukan di Selangor dia buat tuduhan demi tuduhan di Parlimen beberapa hari yang lalu. Ini satu sikap yang tidak betul. Perkara itu telah menghinakan semua, sudah menjatuhkan semangat semua pekerja kontraktor. Ini tidak boleh di lakukan sekali lagi. Dan saya minta Puan Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Maaf.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, silakan Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Yang Berhormat Pandamaran. Kalau tak silap saya, semasa Alam Flora kontraktor juga dilantik bagi syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan kutipan sampah. Jadi Sg. Pelek tidak tahu mengapa kontraktor-kontraktor ini yang dahulunya merupakan kontraktor Alam Flora dan sekarang ada tak mereka tender untuk mengutip sampah. Satu. No.2, sama ada orang ini rekodnya di dalam PBT itu bagus ke tidak, no. dua, no. tiga jika mereka *performance* nya tak bagus, macam mana sekian lamanya rasa Sungai Pelek isu sampah tidak begini teruk sehingga hari ini. Saya ingin dapat penjelasan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Sungai Pelek saya dah banyak kali memberi penjelasan di dewan yang mulia ini iaitu dasar kerajaan adalah adil, jadi kita bagi peluang kepada semua kontraktor lama ke, baru ke menyertai satu proses yang telus iaitu open tender dan penilaian di buat sebelum tender proses dijalankan. Jadi semua apa yang disentuh oleh Sungai Pelek telah dimasukkan sebagai *consideration* dengan izin, tetapi malangnya ada sabotaj ada memang pada zaman Alam Flora itu banyak, banyak kontraktor yang, yang usang yang sepatutnya diganti telah lama lah tetapi tidak dibuat kerana kelemahannya berterusan dan sebagai. Ini bukan satu alasan ataupun *excuse* dengan izin, ini memang berlaku. Jadi sekarang PBT menjadi tauke mereka memanglah mengambil semua langkah yang boleh dibuat untuk mempertingkatkan perkhidmatan masing-masing. Dan, dan kerajaan ambil serius dalam isu ini dan malangnya ada pihak tertentu, media yang di bawah pihak tertentu mereka rupanya ingin mengatakan, memberikan satu gambaran di mana PBT tidak mampu menjalankan tugas seperti angkat sampah. Jadi janganlah Kerajaan Pakatan boleh, boleh di beri kuasa di Putrajaya. Itu gambaran mereka yang negatif yang ingin memberikan. Saya katakan demikian kerana mengikut aduan-aduan yang diterima, kita menerima aduan yang banyak pada minggu pertama, minggu pertama iaitu 1 Mac hingga 7 Mac iaitu jumlah aduan seluruh PBT 204 dan lepas itu minggu kedua telah turun kepada 168 dan minggu ketiga sudah jadi 73 sekarang masuk minggu ke empat lagi menurun. Jadi dia ada masalah sebab ada kurang kemahiran ada, tempat itu tidak sesuai, atau pun dia tidak, tidak fasih lagi ataupun *compactor* selalu rosak dan sebagainya. Tetapi pada keseluruhannya dia bawah kawalan, dia normal, jadi tetapi tak tahulah mungkin kerana pihak sebelah situ dia tidak ada isu yang lain sebab dia ada isu negatif seperti lembu seperti banyaklah, cincin dan sebagainya, dia banyak isu dan

skandal jadi dia guna, gunakan isu yang tak penting sangat sebagai satu senjata kepada Pakatan Rakyat.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ini satu sangkaan yang jahat. Sebelah sini, apa maksud Pandamaran sebelah sini. Kalau mengenai isu sampah adalah rayuan daripada rakyat, kalau sebelah sini sahaja rasa saya sebelah sana pun banyak cakap termasuk Ng Suee Lim, *sorry* Sekinchan *sorry* Sekinchan *sorry*, termasuk Sekinchan, Kg. Tunku, Kajang,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kg. Tunku tidak ada bangkit masalah sampah. Saya baru semak. Tapi saya minta

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tak pa, tak pa, jangan tuduh sebelah sini sahaja. Itu aduan daripada rakyat tanggung jawab ADUN untuk membangkitkan di dalam dewan. Kenapa sebut sahaja sini.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, bila saya sebut tadi saya gunakan apa yang berlaku di Parlimen. Saya tidak ini tidak termasuk Sungai Pelek ya. Saya ingin menjawab dakwaan Sungai Pelek. *Okay*. Pada hari itu Sungai Pelek katakan dakwaan ada kononnya pelantikan kontraktor-kontraktor kutipan sampah di Sungai Pelek tidak mengambil kira kemampuan dan kekuatan kontraktor. Sekarang saya mahu jawab *okay*. Puan Timbalan Speaker, pihak Majlis telah melantik Syarikat MZ Enterprise ya pada 1 Mac untuk pakej SA 11 merangkumi kawasan Salak, Pekan Sepang dan Sungai Pelek. Pemilihan Syarikat MZ berasaskan kelayakan dan harga yang munasabah. Kegagalan peringkat awal adalah disebabkan nombor satu, masalah kerosakan kepada *compactor*, kedua mengenal pasti kawasan. Perkara ini telah dapat di atasi sepenuhnya pada 15 Mac dan kutipan sampah telah mengikut jadual. Yang Berhormat, dan tindakan bahagian penguatkuasaan Majlis Perbandaran Sepang yang mengeluarkan kompaun ke atas tiga peniaga tanpa lesen yang berniaga di pasar awam Pekan Salak pada November dibuat bukan atas arahan Ahli Majlis kawasan tersebut. Ianya dibuat semasa rutin pemeriksaan biasa anggota penguatkuasa. Kesalahan peniaga-peniaga tersebut adalah berniaga tanpa lesen di bawah undang-undang kecil. Tindakan tersebut di buat bukanlah atas alasan kononnya setelah seorang daripada mereka mengadu tentang isu sampah yang tidak dikutip di pasar tersebut. Jadi pihak Majlis sentiasa mengalu-alukan aduan dan maklumat daripada peniaga dan orang ramai mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Majlis demi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Ya. Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Pandamaran. Dalam ucapan atau perbahasan saya, saya mengatakan kriteria pihak PBT untuk melantik kontraktor-kontraktor sampah ini perlu ada. Jawapan yang dijawab oleh Yang Berhormat Pandamaran tadi sebelum 15 hari bulan memang ujudnya perkara ini. Apa yang saya dalam perbahasan yang saya sampaikan itu sebelum 15 hari bulan dan Yang Berhormat Pandamaran setuju dengan saya bahawa *compactor* yang ada pada masa itu memang rosak dan tak datang. Termasuk juga apa yang berlaku di kawasan yang tadi Yang Berhormat Pandamaran sebut memang 7 hingga 9 hari itu berlaku. Jadi saya tak tahu macam mana kriteria dia untuk melantik kontraktor pengurusan sampah ini.

Dalam saya dalam perbincangan saya, saya tanya pengalaman, latar belakang syarikat, jentera lori atau *compactor* itu, berapa pekerjaanya selain daripada harga tender itu. Macam mana boleh di jawab oleh Yang Berhormat Pandamaran bahawa kontraktor itu tak tahu kawasan, tak fasih dengan kawasan pun boleh dapat kerja, itu yang saya tak dapat terima tu. So ada tak mengikut semua selain daripada harga itu yang disebut oleh Pandamaran. Dan yang nombor dua memang, memang kalau disebut saman yang dikeluarkan kepada peniaga di pasar awam Salak itu sudah tiga empat bulan dia berniaga, tak pernah ada *checking* buat dekat pasar. Tiba-tiba isu kerana isu sampah dia mengadu, dua hari sahaja selepas dia mengadu kena saman. Itu hakikat. Dan memanglah pihak PBT tidak akan mengaku, Ahli Majlis yang pergi buat *report* pun tidak akan mengaku, inilah perangai. Bukan nak jaga peniaga, tetapi nak menyusahkan peniaga. Sedangkan dia hanya ganti kepada peniaga yang asal saja. Yang Berhormat Pandamaran. Jadi apa yang saya bertanya tadi saya minta penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik, Yang Berhormat Pandamaran. Saya minta Yang Berhormat sambung selepas ini. Jadi jam di dewan telah menunjukkan pukul 1.02 minit dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan jam 1.02 tengah hari)**

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Penggulangan dari pihak Kerajaan disambung semula.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Yang Berhormat yang saya muliakan, isu PBT memang ada banyak aspek dan pagi tadi kita telah cuba menjawab isu mengenai sampah, dan isu sampah ini kita seperti yang saya jelaskan tadi kita akan teruskan usaha kita untuk mempertingkatkan proses dan juga perkhidmatannya dan ada orang yang pertikai bahawa adakah? penilaian kontraktor-kontraktor yang kita buat itu tidak betul ataupun tidak profesional akhirnya menyebabkan masih ada masalah dihadapi di PBT masing-masing. Sebenarnya dalam sistem kita dalam sistem industri kutipan sampah memang biasa bukan semua kontraktor ada *com* ini satu hakikatlah satu kenyataan dan walau bagaimanapun apabila ada kontraktor dalam penilaiannya dia kata dia ada *compact* katakan 3 buah akhirnya dia tak ada itu, kita ambil tindakan, jadi kita tidak katakan ia sahaja, *sorry*..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** *Sorry, ya..okay..*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sedikit, ia tentang *compact* yang masuk tender tentang syarikat yang masuk tender menyatakan mereka punya 6 atau 5 atau 3 *compact* kemudian hakikatnya selepas tender dilantik beliau mendapat tender tersebut dan mereka didapati tidak mempunyai *compact*, kontraktor yang sedemikian apakah tindakan pihak PBT sama ada menyenaraikan hitamkan mereka atau tidak kerana mereka telah menipu pihak PBT.

**YB. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Memang, dua PBT satu di Selayang dan satu di MBPJ ada kontraktor yang didapati dia kata ada ini, dia tunjuk semua itu kod pun ada gambar pun ada akhirnya dia tidak ada *compact* kerana tauke *compact* tekan dia jadi dia tidak dapat sewa *compact* yang mencukupi, untuk kontraktor demikian, mula-mula kita bagi peluang dia untuk menepati janji mereka, tetapi akhirnya apabila dia tidak dapat kita terpaksa hantar *back-up*, kita ada banyak *back-up* kerana di mana-mana PBT pun walau kita keluarkan katakan Kajang kita keluarkan 40 lebih bagi kontraktor, tetapi orang yang cuba dapat kontrak itu lebih kurang *almost* sampai RM1,000 jadi banyaklah kontraktor di luar itu tidak dapat kontrak tak berjaya dalam tender itu, jadi kita gunakan mereka sebagai *back-up*. Jadi, memang benar kalau ada kontraktor yang didapati memang tidak boleh buat kita akan senarai hitamkan mereka, dasar sekarang ialah 3 tahun, jadi maksudnya dalam masa 3 tahun ini, kontraktor ataupun tauke kontraktor ini dia tidak boleh lagi masuk tender di Negeri Selangor. Ya, KKB.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Pandamaran. So, ini adalah satu sistem kelemahan daripada Kerajaan sekarang ini, kalau pemborong isikan borang *compactor* itu, *compactor* itu ada pendaftaran, *no. compactor* itu apa? A,B,C ke? 4 ekor ke 3 ekor, saya rasa sebelum pemberian kontrak ini, boleh *check* [semak] sama ada pendaftaran itu milik siapa, milik YB Wong ke, YB. Yap ke, dia ada nama sana dekat pendaftaran, itu tak boleh kita nak pusing-pusing la, ha itu saya nak tanya kalau kontraktor tidak ada *compactor* tak penuhi syarat mengapa? dilantik sebagai kontraktor mengutip sampah. Satu, yang ke dua, kalau nak bagi kontrak kutipan sampah kepada kontraktor mengapa? Majlis nak menyediakan *compactor* untuk membantu mereka, ini satu pembaziran wang rakyat, lebih baik majlis urus sendiri mengapa nak bagi kontraktor, ha itu soalan saya.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, saya rasa Kuala Kubu Bharu dia kurang faham, saya sudah kata adalah..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Kurang faham, tanya, jawablah,,

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Dalam industri kutipan sampah memang ada kontraktor yang tidak ada *compactor*, tetapi ini bukan isu yang penting sangat, selagi dia boleh menyewa *compactor*, jadi tak boleh kata kalau dia seorang kontraktor dia masuk kontrak, kalau dia tak ada *compactor* sendiri dia langsung tak layak, itu bukan caranya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Kita kena pilih pemborong yang berpengalaman yang kukuh kewangan dan dalam syarat tender ada sebut, kontraktor mesti memiliki *compactor* kalau dia tak ada tak apa, dia boleh ada perjanjian dengan sewa *compactor* dari mana-mana syarikat, adakah? Perjanjian itu, itu jadi satu rujukan untuk kita menawarkan kontrak.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat you pun tahu, saya pun tahu, semua orang pun tahu, dalam dunia ini bukan semua kontraktor dalam *business* kutipan sampah adalah semua mempunyai kewangan yang kukuh, sampai apabila ditekan oleh *compactor* tauke sewa satu bulan mula-mulanya RM8,000 jadi RM16,000 pun masih boleh tahan, kalau macam itu, semua orang kaya sahajalah boleh jadi kontraktor la, itu pun bukan dasar kerajaan, saya rasa dasar kita, kita mahu beri bantuan kepada kontraktor yang baru kalau dia ada keinginan dia mahu buat, dia ada pengalaman dia buat kita perlukan tolong dia, kita tak boleh masukkan syarat hanya orang yang *compactor* sahaja boleh jadi kontraktor, kalau polisi itu tak adil juga, Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya nak minta penjelasan, ini terpulang kepada YB. EXCO kalau membenarkan

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Biar Puan Speaker yang membenarkan Kuala Kubu ke Kampung Tunku.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sorang-sorang lah.. Kuala Kubu tak habis lagi tanya, baik ringkaskan pertanyaan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Mengapa kontraktor membuat sabotaj, kerana kontraktor yang ada *compact* tidak dapat tawaran, dia kena sabotajlah, itu *commencing*, mengapa berikan kontraktor yang bukan dalam bidang ini untuk uruskan kutipan sampah.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Maaf Puan Timbalan Speaker, pagi tadi saya sudah telah memberi ulasan, di Selangor ini hanya ada 5 hingga 6 tauke *compact* sahaja, mereka memang telah menguasai market ataupun pasaran ini sudah lama fahamkan, jadi kalaulah apabila mereka tidak dapat kontraktor sepatutnya kontraktor yang baru dia kena diteruskan, jadi apa salahnya tauke *compact* itu menyewakan *compact* yang mereka ada *extra* itu kepada kontraktor yang baru mengapa nak tekan mereka, mengapa mahu sabotaj adakah? Ini ada orang di belakang mereka, itu kita tidak faham tetapi kita sudah memberi penjelasan sebab itu dalam keadaan ini, apa yang kita boleh buat kita cari penyelesaian, kita jangan salahkan siapa-siapa lagi lah...boleh saya teruskan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Kampung Tunku, tak payah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Ha, saya tanya sekarang, jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, bukannya? benar, bahawa baru-baru ini saya pun ada berjumpa dengan beberapa orang kontraktor yang baru dan yang lama yang tidak ada pengalaman dengan yang ada pengalaman, bukannya benar bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor ini, walau pun pada mulanya memberi sedikit masalah kepada kita semua, tapi pada akhirnya dan kebelakangan ini bahawa kontraktor-kontraktor baru mereka sudah membiasakan diri dengan kerja-kerja ini dan sebenarnya apa yang berlaku sekarang di kawasan saya termasuk di kawasan-kawasan yang lain aduan yang diterima sudah semakin mengurangkan dan kontraktor-kontraktor baru mereka sudah semakin biasa dengan keadaan-keadaan yang ataupun kerja dan skop kerja mereka, jadi bagi saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, kalau kerajaan memberi dasar untuk memberi peluang pekerjaan kepada kontraktor baru, bukannya? ini satu perkara yang harus diraikan oleh seluruh Selangor dan kalau kontraktor baru ini mempunyai kapasiti kalau mereka mempunyai kapasiti, bukannya? mereka diberi peluang dan kalau kontraktor yang baru kalau dilantik tidak ada pengalaman dan tidak mampu berfungsi, tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik, bukannya? kerajaan ada klausa untuk menghentikan prestasi menghentikan kontraktor ini dengan serta-merta, dan bukannya? pernah juga dalam situasi yang ada sekarang, walaupun kontraktor itu *collapse* tidak berfungsi langsung, kita ada *back-up* kontraktor yang dilantik daripada mereka yang tidak mahu sabotaj hanya mahu bekerja dengan profesional kepada kerajaan tempatan, kita ada kontraktor macam itu bukan, Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO supaya boleh terangkan sebenar-benarnya kepada Yang Berhormat yang Berhormat lain yang belum pandai mentafsir jawapan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Kampung Tunku. Ha. selepas mendengar ucapan Kampung Tunku, ini menunjukkan Kampung Tunku memang memahami isu itu dengan baik, dan saya tak perlu jawab lagilah. Memang berlaku apa yang dikatakan itu memang semua benar, memang kita harus sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kita jangan tolong orang yang sudah kaya sahaja, kontraktor baru dia sudah tentu sekali tidak kukuh seperti orang yang ada pengalaman 13 tahun ada *compactor* semua sudah ada dan sebagainya, jadi kita beri peluang, tetapi ada klausa, memang kalau dia memang tak boleh buat, kita berhentikan dia kita cari *back-up* yang lain itu tidak jadi masalah dan memang kita sudah turun tadi saya kena ulang sekali lagi *you* tengok *figure* ini *you* sudah tahu minggu satu 204 jumlah aduan, minggu kedua 168 aduan, minggu ketiga hanya 73 sekarang dah jauh rendah daripada 73, ini sudah tunjukkan keadaan telah terkawal, jadi Kuala Kubu Bharu apalagi, tadi saya sudah minta bagi peluang dan masa kepada pekerja dan kontraktor yang baru supaya mereka boleh mempertingkatkan perkhidmatan mereka itu lebih penting daripada menghina atau menyindir ataupun langsung tidak mahu beri peluang kepada orang ini. Terima kasih. Ya, ada lagi.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ya Puan Speaker, So kalau persepsi Pandamaran itu, betul, saya ucapkan tahniah, tahniahlah dan teruskan kerana suara rakyat tak dengan lagi la, tapi tadi apa yang Bukit Tunku kata dia ada bercanggah dengan jawapan MB.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku,

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ha, Kampung Tunku, ha ada bercanggah dengan jawapan Yang Amat Berhormat pagi tadi dengan jawapan dia, dia kata kita kena bagi kerja kepada orang yang betul-betul buat kerja, ha.. sekarang ini yang dibagi ini dia orang baru dia tak betul buat kerja dapat kontrak tapi orang betul buat kerja tu tak dapat, jadi dah bercanggah dengan jawapan pagi tadi jawapan tadi,

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ini penggulungan daripada pihak kerajaan ya..bukan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, saya pun susah lah, tadi kita sudah kata, kita ada satu proses tender, dalam proses tender itu peluangnya adalah sama bagi semua, itulah satu dasar yang baikkan, sebab kita beri peluang kepada semua orang kita tak tengok tak kira latar belakang politik pun kita tak kira, sepatutnya pihak sebelah situ kena puji sama kita kerana kita tidak macam mereka dulu kita bagi peluang kepada semua itu penting, lagipun proses tender itu akan diaudit oleh Jabatan Audit di negeri dan juga Jabatan Audit Negara mereka akan membuatkan audit dan sebagainya jadi dalam proses itu, saya percaya tidak ada PBT tidak ada Datuk Bandar atau YDP yang berani yang membuat satu proses tender tidak mengikut peraturan, jadi semua mengikut peraturan tetapi manusia ini dia kadang-kadang ada kelemahan jadi kita beri peluang kalau kesilapan atau kesalahan itu tidak besar sangat jadi kita minta semua Yang Berhormat beri peluang kepada semua ini supaya bersama-sama kita menjadi Negeri Selangor ini lebih bersih, lebih indah, ya.. Kajang.



**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih. Puan Timbalan Speaker dan juga YB. EXCO, Kajang menyambut baik tender yang terbuka ini dan pelantikan yang baru kerana memang di PBT di Kajang selama ini memang menghadapi masalah yang besar dengan banyak kontraktor-kontraktor memang di bawah payung tokoh-tokoh UMNO di Hulu Langat dan juga di Serdang dan tokoh-tokoh ini ada yang menjadi Wakil Rakyat. Dan ini memang satu kenyataan. Ya, semua orang di Kajang, di Hulu Langat memang tahu kenyataan ini dan proses ini memang baik dan Kajang ingin tahu selepas pelantikan termasuk yang dulu lah ya, masalah-masalah kutipan sampah tidak berkala, tak ikut jadual berlaku kerana ada kelemahan dalam pemantauan. Pemantauan kutipan sampah mengikut jadual. Jadi bagaimana sistem kita boleh memperkasakan lagi ataupun diperbaiki untuk memperbaiki keadaan supaya masalah kutipan sampah yang ada kontraktor-kontraktor tak kutip ikut jadual dia tidak berlaku nanti. Adakah sistem pemantauan seperti yang dicadangkan dulu dan pernah dipraktikkan di MPKj, di mana persatuan penduduk dilantik sebagai pemantau untuk mengisi borang kepuasan dan dipulangkan kepada MPKj di situ untuk mengesahkan bahawa kontraktor itu ada buat kerja. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Kajang. MPKj seperti PBT yang lain dia memang semua ada zon berlainan. Maksudnya, di seluruh kawasan Kajang dia ada di pecah kepada beberapa kawasan jadi setiap kawasan dia ada kontraktor yang berlainan dan tambah lagi setiap zon itu dia ada penyelia, pegawai MPKj yang menjadi penyelia. Kerja dia adalah membuat pemantauan dalam zon masing-masing. Jadi, cara ni kita anggap berkesan dan kerana dengan sistem itu, mekanisme itu kita dapat mengawal situasi. Kajang memang benar. Pada minggu pertama dan kedua memang ada kecoh sini dan sana kerana tidak fasih, tidak buat ataupun *compactor* memang usang selalu rosak dan sebagainya tetapi selepas *backup* dihantar keadaan sudah jadi normal. Itulah Kajang, Kajang.

Puan Timbalan Speaker, saya ingin pergi kepada Seri Serdang yang katakan Jawatankuasa Hal Ehwal Agama selain Islam itu tidak berfungsi dengan baik. Sebenarnya, bukan dia katakan kita tak ada jawatankuasa itu, sebenarnya bukan sahaja kita ada jawatankuasa itu sejak 2008, dia sebenarnya telah memberi banyak bantuan dan memberikan tanah kepada rumah ibadat. Setakat ini sebanyak lebih daripada 200 bidang tanah yang bernilai tinggi jika melihat harga pasaran telah diberi kepada rumah ibadat masing-masing. Ini satu pencapaian yang besar. Sebab saya difahamkan dalam sejarah Barisan Nasional selama 50 tahun pun tidak sampai 200 tanah tetapi kita dalam masa tak sampai 4 tahun kita sudah dapat memberi. Sudah beri tanah dan tak kira, tak kira nilai pasaran tanah itu dan Puan Timbalan Speaker cukai pintu yang katakan tidak diturunkan, memanglah mana-mana Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan hanya bergantung kepada cukai pintu dan pelesenan tetapi kalaulah, kalaulah kita, kita turunkan tanpa membuat kira-kira apa susah bagi PBT untuk menjalankan tugas sebab dengan wang itu, dengan dana itu PBT ada banyak kerja untuk buat jadi kita tak boleh senang-senang turunkan cukai pintu tetapi kita masih buat demikian apabila kita boleh seperti di MBPJ kita tahun 2009, kita telah turunkan kadar cukai pintu untuk bangunan tinggi. Pangsapuri yang bertingkat tinggi tu, kita sudah turunkan supaya dia lebih sama dengan *landed*

*properties*, dengan izin dan di Selayang dan sebagainya kalau ada Persatuan ataupun institusi pendidikan mereka boleh membuat permohonan untuk diminta diskaun dan selalunya kita bagi diskaun. Di MBPJ pun sama kita bagi diskaun kepada persatuan dan sebagainya. Sebuah Kerajaan yang prihatin, jadi ini satu dan saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini sejak kita ambil alih 2008 kita langsung tidak menaikkan kadar cukai pintu walau demikian pendapatan semua PBT telah bertambah, telah bertambah. Saya ucapkan tahniahlah kepada semua PBT.

Satu lagi isu, ialah jejantas yang diminta oleh Subang Jaya. Memang ada tempat yang perlukan jejantas kerana untuk keselamatan budak sekolah dan sebagainya jadi sekarang kita ada satu dana yang dinamakan dana Selangorku, saya rasa, saya mencadangkan mana-mana ADUN ada keperluan buatlah permohonan melalui dana Selangorku. Kategori infra supaya kita boleh membina jejantas di tempat yang perlu dan untuk melebihi kaunter di PBT, ini satu cadangan yang baik. Memang kita mahu mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang awam sebab itu kita boleh terima cadangan itu jadi satu surat akan ditulis kepada semua PBT meminta semua PBT mengambil kira, kalau boleh tambahkan kaunter perkhidmatan pada masa yang sama kita telah memberi galakan kepada semua PBT supaya mereka ada *online service* supaya banyak perkara, banyak *business* yang berkenaan dengan PBT boleh dijalankan tanpa pergi ke PBT sendiri. Itu satu. Jadi nampaknya isu berkenaan dengan PBT telah kurang kalau berbanding dengan tahun-tahun penggal yang lepas jadi ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang memberi kerjasama dan juga membangkitkan isu PBT di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Speaker, sikit, OSC.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan. Sudah. Penggulungan sudah tamat.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya ingin membangkitkan isu yang saya bangkitkan semasa OSC.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Sijangkang untuk meneruskan penggulungan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Puan Timbalan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Cakap Bahasa Cina.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, yang telah memberi amanah kepada saya untuk memegang portfolio Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan dan saya ucapkan terima kasih di atas sokongan

semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya melihat bahawa portfolio ini mungkin ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menyentuh pun di dalam sidang Dewan kali ini. Saya melihat bahawa portfolio ini adalah satu portfolio yang saya kira agak berat kerana kalau kita lihat, portfolio itu belia itu sendiri yang kita tahu bahawa 40 peratus daripada rakyat Negeri Selangor adalah terdiri daripada kalangan belia, sudah tentulah lebih daripada 2 juta rakyat Negeri Selangor ini adalah rakyat yang perlu di bawah tanggungan saya untuk dibangunkan begitulah juga kalau di bawah portfolio Adat Resam Melayu yang kita juga tahu lebih daripada 50 peratus daripada penduduk Negeri Selangor adalah terdiri daripada keturunan Melayu yang mana sudah tentunyalah di bawah portfolio ini juga penting pada saya untuk mengenal pasti apakah identiti-identiti kaum Melayu yang menjadi majoriti daripada penduduk di Negeri Selangor ini untuk kita lihat. Identiti-identiti yang baik yang membangunkan rakyat di dalam kemajmukan kaum yang ada di Negeri Selangor bagaimana kaum Melayu ini juga dapat hidup bersama dengan kepelbagaian kaum ini. Jadi saya kira di bawah peruntukan yang diletakkan di bawah portfolio Belia dan Sukan ya yang saya kira saudara saudari sedia maklum yang telah dibentangkan di dalam bajet tempoh hari dalam pembangunan Belia itu sendiri, satu bajet yang agak besar diperuntukkan dan kita telah mula mengerakkan di bawah struktur penggerak belia tempatan di Negeri Selangor ini dan beberapa aktiviti-aktiviti yang tujuan akhirnya untuk membangunkan belia dan mengerakkan belia-belia termasuklah NGO-NGO sudah dimulakan dan *Insyah-Allah* daripada pengalaman yang lalu bahawa melalui usaha penstrukturan penggerak belia tempatan ini kita telah mendapatkan beberapa natijah yang boleh kita lihat belia-belia di Negeri Selangor ini juga dapat dibangunkan.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Puan Timbalan Speaker, saya kita di dalam sidang ini saya ingin menyentuh satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah yang mana beliau mencadangkan supaya akan ditubuhkan ataupun diwujudkan *fitness centre* di DUN-DUN ataupun di daerah-daerah dan saya lihat ini adalah satu cadangan yang sangat baik cuma daripada satu persepsi yang saya lihat bahawa bukannya mudah untuk kita mewujudkan *fitness centre* ini kerana kebiasaannya apabila kita mahu mewujudkan *fitness centre* ini, dia memerlukan ataupun menelan belanja yang begitu besar dan saya kira bukan mustahil tetapi perkara-perkara ini perlu dilihat bagaimana kita dapat mewujudkan pusat-pusat seperti ini yang akhirnya juga kita dapat bawa rakyat Negeri Selangor ini supaya mereka akan sentiasa menjaga semangat kesihatan mereka. Mereka akan sentiasa menjaga dengan bersukan ini akhirnya rakyat Negeri Selangor lebih sihat, lebih maju dan boleh membawa pembangunan yang lebih baik untuk Negeri Selangor ini.

Walau bagaimanapun saya di bawah Portfolio Belia dan Sukan ini kita mempunyai sedikit saya kira, bukan sedikit tetapi agak besar peruntukan bawah dana Selangorku yang mana di dalam perancangan kita, kita akan mewujudkan lebih banyak lagi gelanggang-gelanggang serba guna, gelanggang-gelanggang futsal sama ada di kampung-kampung untuk kita memberikan peluang kepada anak-anak desa. Anak-anak muda di Negeri Selangor supaya mereka juga boleh mengamalkan hidup riadah, cara hidup yang sihat supaya akhirnya anak-anak muda kita ini akan sentiasa mempunyai peluang-peluang mereka untuk mereka bersukan ataupun beriadah dan

saya juga melihat bahawa dengan adanya peruntukan ini juga mungkin kita dapat mengujudkan dataran-dataran anak muda yang mana akhirnya anak-anak muda kita ini ada mempunyai tempat supaya mereka tidak berpelesiran ataupun membuang masa mereka sehingga sebahagiannya kita khawatir anak-anak muda kita ini akan menjadi statistik kepada masalah gejala sosial. Apa pun yang saya lihat semoga dengan adanya tempat-tempat riadah seperti ini Pusat Riadah Komuniti mungkin akhirnya anak-anak muda ini lebih terkawal dan kita dapat mengurangkan masalah gejala sosial yang saya kira di Negeri Selangor juga kita masih mempunyai cabaran yang begitu besar dalam menghadapi masalah anak-anak muda ini.

Jadi, isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa yang mana mencadangkan dengan peruntukan ataupun dana ataupun kewangan Negeri Selangor yang agak besar itu supaya diadakan penumpuan-penumpuan penggunaan dana-dana ini ditumpukan kepada golongan-golongan muda dan *Insyallah* sekiranya dana-dana ini dapat diteruskan dengan usaha kita bersama-sama daripada usaha setiap Ahli Dewan Negeri ini saya mengharapkan supaya satu bentuk kerjasama yang baik dan akhirnya kita dapat sama-sama membangunkan anak muda Negeri Selangor ini. Jadi saya kira sekadar itu, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, seterusnya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang mengambil berat tentang pengorbanan Kg. Baru, Bagan Tersusun di Negeri Selangor walaupun tak banyak tapi dalam usaha untuk membangunkan Kg. Baru, Bagan Tersusun di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri bersikap prihatin tentang masalah dihadapi oleh rakyat terutamanya di Kampung-kampung Bagan yang lama di pinggir oleh pentadbiran lama. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM21.8 juta dalam 4 tahun ini untuk pembangunan Kg. Baru termasuk RM1 juta di bawah Geran Selangorku. Oleh demikian saya ingin menjelaskan jumlah projek infrastruktur yang telah diluluskan dalam 4 tahun ini.

Satu, 88 projek untuk membina dan membaik pulih jalan. 115 projek untuk membina dan membaik pulih longkang. 32 projek untuk membina menaik taraf dewan ataupun balai raya JKK. 18 projek untuk membina pintu gerbang. 15 projek untuk mengubahsuai, membina bumbung gelanggang bola kerajang, badminton ataupun pingpong. 12 projek untuk menaik taraf kelengkapan taman permainan kanak-kanak dan riadah. 25 projek untuk menggantikan jambatan jalan atau *catwalk* di kampung bagan daripada kayu kepada konkrit. 57 projek lain-lain seperti papan tanda, lampu, pagar dan sebagainya.

Justeru itu mengikut rekod yang sedia ada sebanyak 362 projek infrastruktur telah diluluskan dalam 4 tahun ini. Di samping itu Kerajaan Negeri juga melaksanakan beberapa program yang memberi manfaat kepada penduduk kampung. Seperti kempen memupuk budaya membaca yang bertajuk Riang Ria Membaca yang dijalankan setiap tahun dan telah mendapat sambutan yang amat baik. Kempen sebegini berupaya untuk meningkatkan minat membaca di kalangan remaja di dalam

kampung. Pelancaran laman web i-Kampung Baru yang telah diadakan pada 20 Oktober, 2010. Tujuan ini adalah untuk memperkenalkan keistimewaan dan sejarah 42 buah kampung baru Negeri Selangor kepada dunia. Selain itu satu projek perintis pemilihan Pengerusi JKKK Kampung Baru juga dilaksanakan di 3 kampung di Negeri Selangor iaitu Kampung Baru Jenjarum, Kampung Bagan, Pulau Ketam dan Kampung Baru Pandamaran. Pemilihan ini telah disambut baik di antara penduduk setempat dan merupakan salah satu langkah bagi Kerajaan Negeri untuk mengembalikan hak demokrasi tempatan kepada penduduk. Dan baru-baru ini Kerajaan Negeri juga meluluskan satu lagi projek perintis iaitu kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan *Taiwan Nursery Foundation Malaysia* untuk melaksanakan program dan pendidikan kitar semula di kampung baru. Dengan usaha ini kami yakin kebersihan di peringkat kampung akan bertambah baik. Sekian.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa perkara mengenai isu alam sekitar dan juga perancangan yang dibangkit oleh Yang Berhormat – Yang Berhormat semasa perdebatan 3, 4 hari ini. Saya bermula dengan untuk membetulkan apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah. Masa itu Kota Alam Shah memang memberi satu dorongan kepada Yang Berhormat wanita di EXCO wanita. Tetapi masa yang sama itu saya ucapkan terima kasih tetapi pada masa yang sama ada sedikit kesilapan. Kota Alam Shah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menubuhkan mahkamah khas untuk menyelesaikan kes-kes alam sekitar. Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor tidak ada kuasa untuk menubuhkan mahkamah khas ataupun apa jua mahkamah tetapi apa yang kita telah buat adalah untuk mengumumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk menyokong saranan Ketua Hakim Negara supaya satu mahkamah khas ditubuhkan untuk menyelesaikan semua kes-kes yang tertanggung di mahkamah-mahkamah biasa. Di Negeri Selangor, memang ada banyak kes-kes yang dihantar ke Kamar Ketua Hakim Negara. Di sana mungkin kerana terlalu banyak kes-kes yang lain oleh sebab itu banyak kes alam sekitar tertanggung. Bukan 1 tahun ataupun 2 tahun tetapi ada kala sampai 3, 4 tahun. Jadi oleh sebab itu Kerajaan Negeri Selangor menyokong saranan Ketua Hakim Negara untuk menubuhkan ataupun *at least* untuk Kerajaan Pusat.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan, Puan Speaker.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Biar saya habiskan. Kerajaan Pusat untuk melihat ataupun mengkaji adakah munasabah untuk satu mahkamah khas diadakan untuk isu-isu alam sekitar. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingat dari segi persoalan *environment* ataupun alam sekitar ini masyarakat sebenarnya lebih tidak faham daripada faham tentang isu-isu berkenaan tentang kecintaan terhadap alam. Mungkin merosakkan itu nampak sangatlah. Mencintai alam, mencintai keindahan, bagaimana menyusun persekitaran hidup supaya kita lebih

tenang dan sebagainya. So, apakah lebih baik kita memberi pengajaran kesedaran kepada masyarakat daripada menghukum mereka? Kerana bila dia orang sedar cinta dan sebagainya semuanya akan berjalan lebih baik daripada kita menghukum dan menakutkan masyarakat.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Bangi. Memang betul bukan matlamat untuk Jabatan Alam Sekitar Selangor untuk menghukum sesiapa sahaja. Kita tidak biasa menghukum orang awam, orang biasa, orang kampung dan sebagainya. Tetapi orang ataupun orang yang tidak mematuhi undang-undang seperti syarikat-syarikat besar, syarikat *public listed company* sebagai contohnya *factory-factory* ataupun kilang-kilang antarabangsa dan sebagainya itu mereka memang sudah tahu apa betul dan apa yang salah. Untuk penduduk ataupun orang awam, kita memang ada banyak program ataupun kempen untuk meningkatkan kesedaran awam seperti yang selalu dijalankan oleh khasnya oleh PBT seperti jangan bakar sampah ataupun jangan bakar sisa pokok-pokok ataupun orang yang potong rumput jangan bakar itu. Kita beri amaran kalau selepas beberapa amaran baru beri kompaun. Tetapi kompaun itu sedikit sahaja. Ini adalah kes-kes pencemaran alam sekitar yang memang boleh dikatakan sangat serius. Dan mereka merupakan dengan izin *repeat reoffended*. Bukan sekali sahaja tetapi berturut-turut, bertahun-tahun. Oleh sebab itu kita di peringkat Negeri memang rasalah kes-kes ini perlu disegerakan. Kerana pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Selangor memang mereka bertungkus-lumus. Mereka selalu pergi ke lapangan, mereka cuba menangani masalah-masalah ini tetapi mungkin agak, mereka rasa agak kecewa kerana kes-kes ini terlalu lama diselesaikan. Tetapi saya bawa isu ini kerana saya ingin membetulkan sedikit kesilapan yang dibangkitkan oleh Kota Alam Shah. So, *it is not our jurisdiction*.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku tentang isu alam sekitar di Bukit Gasing. Saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini kalau di Bukit Gasing, bahagian Negeri Selangor tidak ada masalah kawasan itu sudah dirizab sebagai satu kawasan hijau, kawasan riadah yang diselenggarakan oleh Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Dan juga dengan sokongan penuh oleh penduduk-penduduk, penduduk di kawasan persekitaran. Masalah yang menimpa penduduk-penduduk di bahagian Gasing, Petaling Jaya dan juga Majlis Bandar Raya Petaling Jaya adalah pembangunan yang sedang giat *all out* di sebelah Kuala Lumpur. Apa yang mungkin bahagian Kuala Lumpur tidak faham ataupun Menteri yang menjaga kawasan tersebut adalah, ini bukan dua bukit. Ini adalah satu bukit, namanya Bukit Gasing. Ini merupakan satu permatang *Gasing Reach*, dengan izin. Jadi apa yang berlaku di Kuala Lumpur memang ada kesan kecil ataupun besar kepada bahagian Selangor, Petaling Jaya khasnya. Jadi apa yang dibangkit oleh Kampung Tunku adalah untuk memohon Kerajaan Negeri Selangor membantu rakyat Bukit Gasing. Ini sebenarnya dari awal kita telah cuba menolong. Satu, kita cuba, kita ada *watching brief* kerana mereka ada satu kes mahkamah 2, 3 tahun yang lalu. Keduanya, kita juga cuba membawa *representation* dengan izin ataupun perwakilan kepada pihak DBKL supaya mereka perlu menangani isu pembangunan di sebelah Kuala Lumpur. Baru-baru ini, tiba-tiba saya pun tidak tahu mengapa, sebelah Kuala Lumpur Bukit Gasing sudah tukar nama. Bukan lagi Bukit Gasing, sekarang dipanggil Bukit Kerinchi. Ya, Yang

Berhormat. Seperti mereka hendak bahagikan bukit itu tetapi ini bukit adalah bukit yang sama. Nama, saya rasa saya harap DBKL boleh mempertimbangkan, jangan suka-suka tukar macam ini. Ini satu bukit. Orang yang duduk pun sebelah sahaja, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Tetapi saya memang mengambil seruan daripada Kampung Tunku kerana mendiang ADUN Bukit Gasing bukan sahaja Wakil Rakyat di sana tetapi juga pembantu EXCO Alam Sekitar sebelum ini. Dan Pembantu EXCO yang baru iaitu Yang Berhormat Kajang, saya akan arahkan Yang Berhormat untuk mengambil isu menerajui isu ini dan bawa isu ini kepada DBKL.

Isu ketiga, tetapi saya ingin sentuh serba sedikit kerana memang ada kaitan dengan alam sekitar yang dibangkit oleh Yang Berhormat Teratai iaitu isu lebuh raya-lebuh raya yang sekarang melintasi seluruh Negeri Selangor. Dari SUKE, DASH di Petaling Jaya. KIDEX, itu nama yang saya rasa banyak Yang Berhormat di sini masih ingatlah apa itu KIDEX ada kaitan dengan rampasan kuasa di Negeri Perak. SKIP, tapi SKIP ini belum keluar tapi memang ada SKIP. Nama-nama yang canggih, lebu raya yang melintasi seluruh Negeri Selangor tetapi pada asasnya tidak terdapat dalam pelan struktur Selangor. Tidak ada dalam pelan Rancangan Tempatan Petaling Jaya ataupun pelan-pelan yang lain. Pada masa yang sama ada KLORR (*KL Outer Ring Road*) yang akan melintasi kalau ikut rancangannya Taman Negeri, Hutan Simpan dan sebagainya. Jadi ini adalah satu isu besar kerana pada masa yang sama juga di Negeri Selangor kita akan ada MRT. Ini *railway* yang canggih yang berbilion-bilion ringgit. Jadi rancangan yang dibuat memang bukan rancangan di peringkat Negeri Selangor tetapi di peringkat negeri pusat. Kita tidak ada halangan tentang apa jua pembangunan infrastruktur yang membawa kebaikan kepada penduduk-penduduk. Tetapi kita mesti ada *planning*, kita mesti ada perancangan. Jangan *highway-highway* lebu raya ini termasuk MRT melintasi kawasan taman-taman penduduk-penduduk, kawasan rumah penduduk-penduduk, rumah-rumah ibadat dan sebagainya. Ini adalah satu isu untuk saya, saya anggaplah isu serius yang melanda Negeri Selangor. Ia, Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin hendak tanya Yang Berhormat adakah apa tindakan Kerajaan Negeri boleh ambil supaya untuk memelihara bangunan yang bersejarah seperti yang saya panggilkan di kawasan Ampang. Satu tokong yang bersejarah selama 160 tahun perlulah dirobuhkan untuk memberi laluan kepada SUKE? Sekian.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Setakat ini apabila Kerajaan Negeri Selangor diberi pelan oleh *concessionaire-concessionaire*, orang yang memegang *concession* yang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk membina lebuh raya-lebuh raya ini, Kerajaan Negeri Selangor telah hantar balik perkara ini kepada PBT-PBT masing-masing supaya penduduk-penduduk dan juga rakyat diberi peluang *to give their feedback, public feedback* kerana satu Y.B. untuk membina lebu raya dan sebagainya kita perlu mengubah pelan tempatan masing-masing. Pada masa yang sama kita juga mengubah pelan struktur ....ya....pelan struktur Selangor. Ini bukan satu perkara yang senang dibuat kerana perancangan sudah dibuat sejak awal. Ini bukan suka-suka nak buat satu *highway* boleh jalan. Jadi kita menyeru dari Kerajaan Negeri menyeru Teratai dan juga Y.B-Y.B. di persekitaran SUKE, Lebu raya SUKE ini untuk mendapat,

memberi pendapat Y.B. dan juga rakyat yang duduk di sana supaya kita juga boleh membawa perkara ini di peringkat yang lebih tinggi iaitu dengan Kerajaan Pusat ke di peringkat PBT dan sebagainya. Kalau Barisan Nasional dah habis, tak payah bincang dah lalu, lebu rayah dah buat tapi kita Pakatan Rakyat kita *give you the opportunity to express your views* beri pendapat, Y.B. dapat pendapat daripada rakyat supaya kita boleh sama merancang sesuatu yang lebih baik bukan saja nak buat lebu rayah....aar....bodoh sahaja. Jadi ini adalah saya ingin bangkitkan perkara perancangan-perancangan mesti lebih teratur dan apa perancangan yang kita telah buat sebelum ini melalui pelan tempatan pelan struktur Selangor dan sebagainya kita sepatutnya kalau boleh seboleh-bolehnya kita sepatutnya patuhi apa yang telah di gazet dan apa yang telah diluluskan. Akhirnya, saya merujuk kepada Titah Ucapan DYMM Sultan Selangor semasa pembukaan Persidangan Dewan Yang Mulia ini, masa itu DYMM Sultan telah membangkitkan dan juga memuji Kerajaan Negeri tentang pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan-kawasan hutan dan kawasan-kawasan hijau. Ini adalah satu tanda penghargaan kepada bukan saja Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat tetapi semua pegawai-pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Jabatan PERHILITAN dan sebagainya. Ini adalah *join effort*, kerjasama dan usaha bersama dengan kakitangan dan juga agensi-agensi Kerajaan untuk menjaga alam sekitar. Saya ingin maklum ya kepada Dewan yang mulia ini beberapa perkara. Satu, sejak 2008 Negeri Selangor tidak ada penurunan Kawasan Hutan Simpan di Negeri ini. Ini adalah satu rekod. Sebelum ini ribu-ribuan hektar hutan simpan dilupus sahaja, diberi milik dan sebagainya. Negeri Selangor hanya satu negeri sahaja yang berjaya meningkatkan keluasan kawasan hutan simpan daripada 30.5 sampai 31.5%. Satu negeri saja seluruh Malaysia....seluruh Malaysia. Kedua, kita juga ada *law reform* reformasikan sistem perundangan undang-undang di sini, iaitu kita telah meluluskan pindaan kepada Seksyen 11 Enakmen (pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985) di mana Pendengaran Awam ataupun *Public Enquiry* dengan izin, mesti berlaku. Kalau sesuatu kawasan hutan simpan kekal di keluar warta ataupun diberi milik. Hanya di Negeri Selangor sahaja, seluruh negara tak ada. Selangor kalau satu inci persegi tanah Kawasan Hutan Simpan Kekal keluar kita mesti ada Pendengaran Awam supaya dulunya semua rahsia tak tahu esok bangun baru tau hutan itu dah lupus ataupun dah dijual. Ini tidak akan berlaku lagi di Negeri Selangor. Ketiganya, kita bukan sahaja jaga Flora, tapi kita juga jaga Fauna. Kita bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN dan juga NGO-NGO dan kita telah meluluskan satu dasar di mana Lesen Perniagaan pihak yang bercanggah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 iaitu Akta 716 akan dibatalkan sebagai contohnya mungkin ada restoran, makanan eksotik, tak tahulah saya tak pernah makan, saya makan biasa saja, ayam, daging dan sebagainya tapi ada restoran eksotik..ha..sekarang Sri Kembangan beri *giving me the look*, mungkin Y.B. tahu di mana restoran-restoran ini. Saya harap Y.B. boleh beri maklumat kerana kita boleh kita perlu tutup dan kita akan batal lesen perniagaan tersebut dengan kerjasama PBT. Jadi Y.B.-Y.B. saya ingin juga akhiri dengan ucapan terima kasih kepada semua Y.B. yang beberapa bulan yang lalu telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat 2011 dan ini bertujuan untuk mewujudkan budaya ketelusan di semua agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri. Dan Selangor merupakan negeri Yang pertama di seluruh Malaysia meluluskan undang-undang sebegini. Selepas itu Pulau Pinang ikut. Dan kita harap



Kerajaan Pusat juga akan ikut kerana ini adalah satu kebaikan. *This is not something that disadvantages but it will improve us.* Kalau Kerajaan Pusat takut nak buat berilah *chance* kepada Pakatan Rakyat pada PRU yang akan datang, kita akan melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat di negara ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker: Penggulungan dah tamat. Y.B. Bukit Lanjan dah habis menggulung. Seterusnya daripada pihak kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT. ALI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih kepada semua ahli-ahli Y.B. yang menyentuh isu-isu pendidikan. Rata-ratanya ahli-ahli Y.B sangat prihatin terhadap pendidikan pelajar-pelajar di Selangor bakal modal insan di Selangor negeri yang kita cintai ini. Sri Setia mahukan geran khas daripada Kerajaan Persekutuan untuk program pendidikan yang diuruskan sendiri oleh Kerajaan Selangor. Saya sangat bersetuju kerana rakyat Selangor sepatutnya diberikan hak yang berketepatan geran per kapita agar berselari dengan hala tuju Selangor yang ditetapkan. Sumbangan 22% KDNK oleh rakyat Selangor sepatutnya boleh dimanfaatkan semula oleh rakyat Selangor dengan perkara pertama seperti pendidikan dan diberi kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang mampu mengamalkan dasar pendidikan untuk semua dan mengangkat isu asas yang utama iaitu pendidikan merentasi kaum dan ideologi politik, seperti yang terbukti dalam semua program MES, seperti air, hadiah masuk universiti. TAWAS, Skim Mesra Usia Emas dan lain-lain. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor telah mengagihkan RM16 juta setahun kepada SAR (Sekolah Agama Rakyat), SJKC, SJKT yang jelas terbukti memberi manfaat yang sangat dihargai oleh warga-warga Sekolah ini. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mengamalkan dasar pendidikan *above politics*. Malangnya apabila sekolah-sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran sentiasa dilanda isu-isu asas yang besar seperti masalah Guru Pelatih yang mencukupi dan bertepatan dengan latihan mereka dan terfokus dengan skop kerja mereka menjadi pencorak dan pendidik bakal modal insan guru yang dipaksa melakukan kerja-kerja tambahan seperti menghadiri kursus majlis yang bersifat harmoni dan *political* tidak kurang berupa ugutan ala "AUKU" menambah beban kepada guru-guru dan menurunkan produktiviti mereka. Kesan negatif ni di manifestasi pada kualiti produk sistem pendidikan iaitu pelajar. Semalam satu mengikuti satu jemputan himpunan 325, aa...325 yang dianjurkan oleh Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina iaitu Dong Jiao Zong di Kajang di mana lebih kurang 10,000 yang berkumpul dan di antara isu itu adalah sebenarnya bukan sahaja mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tapi juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga Sekolah Kebangsaan bahkan Sekolah Agama Rakyat. Inilah dia kita melihatkan di mana dasar yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan khususnya bawah Kementerian Pelajaran Malaysia setelah 54 tahun merdeka masih lagi tidak mampu menyelesaikan masalah isu asas atau isu dasar ini. Dasar parti politik diutamakan menyebabkan segala-galanya perancangan dan aktiviti di institusi pendidikan milik kerajaan diterajui UMNO BN menyebabkan isu masalah besar dan utama sentiasa menghantui Kementerian Pelajaran Malaysia. Bukan isu kecil tapi isu besar yang membangkitkan api kemarahan di kalangan rakyat jelata. Sebenarnya adalah amat kritikal bagi Kementerian Pelajaran Malaysia melihat secara menyeluruh arah tuju proses pendidikan agar mampu melahirkan modal insan yang berkeupayaan

untuk melahirkan tamadun unggul dan mencari formula mengelak wujudnya insan liabiliti yang semakin meningkat. Insan liabiliti yang berupa penagih dadah, arak, judi, pembuang bayi, perosak harta benda masyarakat iaitu vandalisme, perompak dan pencuri serta perasuah adalah manifestasi daripada kegagalan sistem pendidikan. Lahirnya peniaga liabiliti yang menghisap darah pengguna dengan mahu mengaut keuntungan berlebihan dengan kesengsaraan rakyat jelata dan menghakiskan apa-apa cebisan *possession* dengan izin kepunyaan si fakir miskin seperti tanah, rumah dan sebagainya yang terpaksa diambil. Keperluan pelajar-pelajar muda yang terpaksa mengambil dadah untuk mendapat kebahagiaan segera adalah satu petanda bahawa mereka ini tidak dilengkapi dengan daya tahan untuk mengelakkan diri dari terjebak dalam gejala sosial. Dalam bajet hanya RM1.4 hingga RM1.6 bilion setahun selama ini kita telah berjaya memberikan tabung pendidikan dalam bentuk TAWAS. Lahir anak di Selangor diraikan oleh Kerajaan Selangor. Dan TAWAS adalah sebenarnya tabung pendidikan. Dan kita juga telah berjaya membudayakan ilmu dalam Geran Membaca Perdana dan menulis bersama semua kelompok rakyat Negeri Selangor sebagai satu inisiatif Kerajaan untuk berkongsi bersama visi Kerajaan Selangor yang bertema “Selangor Negeri Idaman Maju Sejahtera Dan Berkebijaksanaan” yang telah ditulis bersama pimpinan tertinggi kerajaan pada Menteri Besar, dan EXCO-EXCO, ADUN-ADUN Ahli Parlimen bahkan penjawat-penjawat awam tertinggi sehinggalah kepada rakyat jelata termasuk guru dan pelajar, nelayan dan suri rumah. Inilah hasilnya untuk makluman ahli Y.B. dua jilid ini, yang telah dituliskan disumbangkan oleh lebih 1,500 pimpinan-pimpinan dan rakyat di Negeri Selangor iaitu namanya Selangor Negeri Idaman Maju Sejahtera Dan Berkebijaksanaan. Mana seluruh Selangor telah menyumbang idea, saranan dan juga mungkin usul-usul mereka bagaimana nak menjadikan Selangor ini negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebijaksanaan. Maka kita telah bawa wawasan ini ke bawah kepada seluruh kelompok masyarakat di Negeri Selangor ini. Setakat ini saya rasa mungkin tidak ada lagi mana-mana negeri yang bersama-sama rakyatnya berkongsi matlamat membangun negerinya untuk memastikan kejayaan mencapai visi tersebut. Kerajaan Selangor juga telah memperuntukkan secara khusus bantuan kepada sekolah Agama Rakyat, SJKC, SJKT sebanyak RM16 juta setahun. Program Rakyat Selangor PKRS sebanyak RM3.45 juta setahun, Program Kursus.....kepada guru-guru tidak terlatih di Sekolah Agama Rakyat. Seperti yang saya sebutkan tadi Tung Chau Chung semalam telah berjaya menghimpunkan seluruh Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah (J) Kebangsaan Cina di seluruh Semenanjung Malaysia ini di mana mereka memberikan satu mesej yang begitu jelas sehingga mereka menuntut Timbalan Menteri Pelajaran meletak jawatan kerana satu masalah di mana mereka tidak mempunyai guru terlatih yang mampu mengajar mereka mendapat limpahan guru yang tidak terlatih dan mereka tidak boleh membantu daripada segi perkembangan di sekolah tersebut. Jadi dengan peruntukan yang kecil secara relatif ini setaraf dengan Kerajaan Pakatan Rakyat Selaku Kerajaan Negeri kita telah banyak membantu mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Agama Rakyat yang tidak pernah mendapat bantuan kerajaan BN sebelum ini. Semua tahu bahawa Sekolah Agama Rakyat bukan sekolah yang mendapat keuntungan dan wujudnya Sekolah Agama Rakyat adalah untuk membantu pelajar di Selangor untuk mendapat kefahaman asas tentang Islam di samping belajar subjek akademik. Justeru adalah kewajipan sebuah kerajaan untuk memastikan proses P&P

di Sekolah Agama Rakyat ini berlaku dengan tahap optima. Guru-guru pakar dijemput bersama melatih *pedagogy* ini adalah dianggap sebagai sumbangan besar yang melonjakkan *standard* SAR di Selangor ini dan ramai yang sangat berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

Selain daripada kursus latihan *pedagogy*, kita juga menganjurkan program latihan pengurusan dan pentadbiran kerana ini adalah di antara isu ketara di kalangan Sekolah Agama Rakyat yang menyebabkan mereka sentiasa daif, walaupun negara telah merdeka lebih 54 tahun dan Selangor diumumkan sebagai Selangor Negeri Maju tahun 2005. Ini fenomena sangat memalukan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, boleh bertanya.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Sila-sila Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mungkin saya nak bangkitkan soal ini perkara dah pernah disebutkan iaitu di Selangor ni kekurangan Sekolah Menengah Agama dalam mana pelajar-pelajar agama yang kita keluarkan setiap tahun yang mendapat *umtaz* hanya 10 peratus sahaja yang dapat menyambung pengajian dia mereka ke Sekolah Menengah Agama. Ini rintihan ibu bapa lah yang ingin menghantar anak mereka Sekolah Agama. Setengahnya terpaksa menghantar ke Sekolah Swasta. Tidak kah cadangan kita hendak menambahkan sekolah. Nak mengadakan Sekolah Menengah Agama ataupun kita menggalakkan swasta dengan memberi bantuan supaya memperbanyakkan Sekolah Menengah ini supaya ada saluran untuk ke pengajian tinggi yang kita sediakan di Selangor ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih, Bangi. *Insyallah* dua minit lagi saya akan menjawab persoalan Bangi tu yang ditimbulkan itu. Jadi ini seperti yang saya katakan tadi, hah! Ini fenomena sangat memalukan walaupun dasar DEB dikatakan adalah untuk memartabatkan orang Melayu tetapi keperluan asas Orang Melayu di pinggir dan dikesampingkan selama ini. Jadi yang paling teruk, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang paling teruk, paling daif ada selama ini di bawah UMNO Barisan Nasional adalah SAR. Bahkan ada di antara usaha di bawah BN dulu, di bawah mantan Perdana Menteriya dulu, yang dulu-dulu yang mahu menutupkan Sekolah Agama Rakyat ini. Jadi kita, orang-orang di kampung fikir-fikirkan lah. Melihatkan keadaan ini, bagi mengupayakan Sekolah Agama Rakyat, EXCO Pendidikan Selangor telah menjemput semua NGO-NGO, pengusaha Sekolah Agama Rakyat untuk mengujudkan Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Islam Selangor, MAPIS untuk mengkaji masalah dan isu institusi pendidikan Islam yang pelbagai jenis untuk di angkat kepada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Makna kita yang latih mereka untuk menjadi *check and balance* bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat tetapi juga Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor

dan ini pun mereka terkejut. *Alhamdulillah* juga MAPIS ini telah berjaya melahirkan satu Yayasan Pendidikan Islam Selangor, YAPIS yang dirancang untuk membantu Kerajaan Selangor yang diminta oleh Bangi, hah! Ini Bangi ya, untuk mengujudkan lebih banyak Sekolah Menengah Aliran Agama. Bahkan YAPIS telah mengenal pasti beberapa keping tanah yang sesuai untuk dijadikan tapak sekolah Menengah Agama. YAPIS telah berjumpa kepada pejabat-pejabat tanah di Selangor ini untuk mengenal pasti manakah tapak *reserve* agama. *Reserve* Sekolah Agama. Sinergi YAPIS dan JAIS dalam memastikan permintaan untuk Sekolah Agama Menengah mencukupi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran adalah amatlah diperlukan.

Seperti kita tahu, Jabatan Agama Islam Selangor, JAIS adalah kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi setiap yang, sekolah yang diwujudkan adalah tanggungan Kerajaan Negeri sepenuhnya. Tetapi dengan wujudnya satu Yayasan maka Kerajaan Negeri boleh mengurangkan bebanan kepada bebanan kos kepada Kerajaan Negeri atau bebanan kos kepada rakyat itu sendiri kerana orang awam, orang korporat boleh menyumbang kepada Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) ini jadi dengan itu membantu sebenarnya Kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Agama Menengah. Kerajaan Negeri juga mahu memberi peluang kepada dermawan yang pulun pahala, yang mahu bersedekah jariah, bolehlah menderma untuk membantu pembinaan sekolah dan Kerajaan Negeri Selangor bolehlah membantu penyediaan tapak tanah Sekolah Agama. Jadi dua-dua main peranan. Maka kos menyediakan Sekolah Agama bolehlah dikongsi bersama Kerajaan atau wang rakyat dengan orang kaya yang mahu keberkatan dalam harta mereka.

Untuk makluman Bangi juga, YAPIS telah memulakan projek perintis rangkaian sekolah KITTIS ataupun iaitu singkatan kepada Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor yang baru bermula di Klang, kecil-kecilan dan akan dibuka *Insyaa-Allah* di Pancang Bedena, Sabak Bernam dalam sedikit masa lagi. *Insyaa-Allah*.

Sekinchan, terima kasih banyak Sekinchan kerana memberi tahniah kepada Kerajaan Negeri yang memang telah pun kita berikan peruntukan untuk pelbagai aliran sekolah di seluruh Negeri Selangor. Sg. Pelek banyak menyebut tentang pendidikan, memanglah Sg. Pelek, SJK Seri Bukit Beruntung RM3.5 juta diberi oleh Kementerian yang pengerusi lembaganya adalah KKB. SJKC Emerald RM3.5 juta. Ini memang sesuai. Ini adalah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia di mana seperti yang saya katakan tadi, 22.2 peratus KDNK disumbangkan oleh rakyat Negeri Selangor sudah tentulah sepatut dan sewajarnya kalau tidak buat makna tidak patut dan tidak wajar Kementerian Pelajaran memberikan wang sebanyak itu untuk mengujudkan sekolah-sekolah walaupun mana-mana sekolah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil ataupun Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Menengah Kebangsaan.

Sg. Pelek kompelin tentang bayi yang dilahirkan di luar daripada Selangor yang memohon hadiah masuk universiti, *i/c* nya tengah-tengah 05, dia kata ya tidak diapakan dan dia kata dia pelik ditolak walaupun Ahli Majlis, JKKK ditolak, walaupun disahkan oleh Ketua Kampung dan sebagainya oleh orang Pakatan Rakyat sendiri. Saya nak sebutkan kepada Sg. Pelek, dasar Kerajaan Selangor ialah Kerajaan Selangor

meletakkan dia punya polisi-polisi. Untuk makluman, saya mendapatkan daripada BPSM ini di mana telah diletakkan syarat, orang yang memohon sama ada hadiah masuk universiti dan hadiah yang lain itu adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia dan rakyat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Memang kita faham sedikit sebanyak saya sebenarnya telah bawa kepada EXCO tentang masalah ini, bukan sahaja di Sg. Pelek, bukan Sg. Pelek ini dikesampingkan, ia juga berlaku di Petaling Jaya kerana orang Petaling Jaya bersalin di Kuala Lumpur, orang Cheras bersalin di Hospital KL, orang di Sabak Bernam bersalin di Teluk Intan dan sebagainya. Jadi, bukannya berlaku Sg. Pelek, Sg. Pelek jangan pelik sangatlah. Jadi, ini telah kita bawa, *Insyah-Allah* kita akan cuba murnikan lagi masalah-masalah ini kerana masalahnya sepatutnya kalau salah satu daripada 3 orang sama ada ibu atau bapa atau pemohon itu sendiri. Satu antara tiga itu warga Selangor maka tidak ada masalah langsung, mereka layak. Tapi kalau tiga-tiga tak ada, hah! Itu yang bermasalah. Kita cuba nak menyelesaikan masalah itu sedikit tapi ini yang Sg. Pelek kata, permohonan tidak dilayan dan sebagainya untuk makluman Sg. Pelek, bukannya kita mengiktirafkan pengesahan Ahli Majlis, JKKK bahkan ADUN dan sebagainya, kita melihatkan daripada 2008 hingga 29 Februari 2012 ini saya dapat apa ya, permohonan diterima dengan surat sokongan ADUN dan Ahli Parlimen, 32 permohonan. Layak dan mematuhi syarat. Kosong permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat, 32 permohonan. Permohonan bagi DUN Sg. Pelek sejak tahun 2008 hingga Mac 2012, permohonan diterima dengan surat sokongan ADUN, maknanya ADUN Sg. Pelek lah ni, kosong, maknanya ADUN Sg. Pelek tak pernah sokong lah ya. So, layak memenuhi syarat, kosong tolak pun juga kosong. Untuk makluman yang tidak diterima ataupun ditolak sokongan daripada ADUN saya rasa kemungkinan Sg. Pelek adalah Selat Klang kerana kita walaupun EXCO bila kita telah letak dia punya ketetapan begitu mesti warga ataupun rakyat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor maka itulah yang dipakai oleh pegawai kerajaan kita, bukan kerana sokongan itu dan ini.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat, Speaker, saya ada soalan.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Taman Medan

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya ingin tahu bilakah tarikh pemurnian syarat-syarat untuk mendapat hadiah RM1,000 ke IPT akan diputuskan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Taman Medan. Saya telah cuba bawa itu dan EXCO telah sebenarnya mahu merangkumi seramai mungkin pelajar-pelajar yang sekurang-kurangnya bermastautin 5 tahun tapi terlalu ramai sangat jadi kita nak betul-betul original bukan sebab dia berpindah ke sini dalam masa yang begitu singkat, kemudian dia layak maka ini di antara apa yang melihatkan jumlahnya meletup begitu besar. Lebih 40,000 tiba-tiba ya, jadi *Insyah-Allah* saya akan apa dengan EXCO dalam mesyuarat EXCO yang akan datang yang terdekat ini, *Insyah-Allah* kita akan buat pemurnian secara menyeluruhnya. Dan daripada, itu cerita Sg. Pelek tadi ya.

Bangi suka sebut tentang apa yang pendidikan ini tadi, saya nak kongsi dengan Bangi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bangi. Ini juga di antara hasil-hasil yang telah dibuat oleh kita di dalam apa, di dalam Pakatan Rakyat ini, di mana kita menghasilkan buku-buku di antaranya selain daripada kita membuat konvensyen, kita buat seminar, buat dialog biasanya habis begitu habislah tapi kita di Selangor ini, tidak. Bila kita buat apa gerakan menulis perdana memang kita bukukan dan ini akan di menjadikan satu dokumen penting dan telah dikongsi kepada Perpustakaan lain bukan sahaja perpustakaan di Negeri Selangor ini. Perpustakaan di negeri-negeri lain bahkan *Insya-Allah* di negara lain. Begitu juga dengan buku ini, *peeling the sun giving effect of banana* dan telah diakui oleh IAS, *Islamic Academy of Science* iaitu satu badan penasihat sains kepada negara-negara OIC telah diterima dengan cantik, kita juga telah menganjurkan *conference on muslim education* di mana di antara yang kita jemput adalah Sheikh Wahbah Zuhaili. Profesor Anis Ahmad, Profesor Ahmad Mahbod dan sebagainya dan kita telah dokumennya dalam buku ini, Pendidikan Islam Malaysia Membangunkan Gagasan Baru dan terakhir ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ini juga di antara usaha keras oleh Bangi di mana Bangi telah berusaha untuk menjadikan Bandar Bangi ini sebagai Bandar Ilmu, ini adalah satu rangkaian juga kita mahu membudayakan ilmu di Selangor ini dan Bandar Baru Bangi, *Insya-Allah* telah diapakan diiktiraf sebagai Bandar Ilmu dan telah pun menghasilkan satu buku tebal ini dan *Insya-Allah* ini adalah satu yang sangat-sangat bermakna untuk kita.

Saya juga ingin berkongsi dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pencapaian SPM kita di Negeri Selangor ini, di mana kita melihatkan calon SPM pada tahun 2011 yang baru-baru ini keluar dalam beberapa hari yang lepas sebanyak 72,750 calon SPM 2011 dan kita ada mendapatkan peningkatan sedikit di mana 2011 yang mendapat semua A seramai 2,474 berbanding dengan 2010 semua A, makna A+, A dan A-, 2,229. Maknanya peningkatan .23 peratus. Dan calon SPM kita, adalah 101 orang yang mendapat semua A+. Jadi, inilah di antara pencapaian mungkin kita, walaupun kita telah disekat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang tidak membenarkan kita masuk secara bebas terus ke dalam sekolah dan mengambil tahu dan dilibatkan terus dalam sekolah dengan guru-guru dan sebagainya tetapi dengan adanya, wujudnya program Tuisyen Rakyat Selangor kita sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik tersebut. Jadi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam semua program Tuisyen Rakyat Selangor ini di mana alhamdulillah kita melihatkan, saya mendapatkan *feed back* bukan sahaja keputusan peperiksaan itu sendiri meningkat tetapi yang membanggakan buat sendiri guru-guru di Sekolah Kebangsaan itu sendiri mereka melihatkan perubahan yang ketara akhlak anak-anak ini yang dulu malas belanja *alhamdulillah* rajin belajar dan *alhamdulillah* mereka ini telah pun menunjukkan prestasi yang begitu meningkat. Jadi saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker mula-mula saya ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan. Mula saya hendak jawab Alam Shah tentang kesihatan dan hospital di dalam bandar Klang. *STANDCO* Kesihatan sebagai EXCO Kesihatan saya telah melawat semua hospital-hospital besar

di seluruh Negeri Selangor termasuklah Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang kalau bertanya berapa kali saya pergi kepada hospital itu sebanyak 5 kali lebih melawat hospital dan lawatan-lawatan hospital besar ini adalah bertujuan untuk membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri di atas kesihatan rakyat di Negeri Selangor pada masa yang sama borang bantuan kesihatan rakyat yang miskin di Negeri Selangor turut diedarkan kepada rakyat miskin yang memerlukan bantuan untuk menampung kos-kos rawatan yang tinggi sekarang untuk perlukan mereka perbincangan dengan pihak hospital turut diadakan bagi permasalahan yang dihadapi sekiranya ada. Masalahnya ialah hospital-hospital kerajaan ini kadang-kadang dia tidak terima saya sebab saya di bawah pusat dia kata EXCO Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor tidak payah. Walau pun mereka berkata demikian saya pergi juga bukan di hospital-hospital besar tetapi di hospital-hospital daerah pun yang kita buat lawatan di sana. Satu isu yang pelik sikit ialah program TAWAS negeri Selangor di mana kita beri RM100 kepada anak-anak Selangor lahir di Negeri Selangor borang-borang ini tidak dibenarkan diletakkan di hospital-hospital kerajaan dan di daerah-daerah ya. Saya diberi tahu *sister-sister* di sana doktor saya kita dapatkan satu kebenaran dalam tulisan dari Menteri Kesihatan sebelum kita boleh meletakkan borang-borang ini di hospital-hospital yang berkenaan. Tetapi walaupun ada sekatan ini saya tidak tahu sebab Barisan Nasional ini takut sangat pada borang-borang ini diletakkan di hospital kita telah dapatkan pendaftaran yang tinggi di atas golongan ibu bapa di mana anak-anak kita yang baru lahir di dalam Selangor. Lagi satu ialah isu keadaan di dalam hospital Tengku Ampuan Rahimah yang telah dibangkitkan oleh Kota Alam Shah memang hospital di Klang ini sekarang keadaannya kapasitinya sudah cukup sampai tidak boleh buat apa pun kalau siapa-siapa melawat Hospital Tengku Ampuan Rahimah sekarang keadaan dia teruk sangat-sangat sebab Kerajaan Persekutuan sampai karang tidak lagi bina habis hospital baru yang telah didirikan di Shah Alam ya. 200 ribu biji katil sudah berapa tahun terbengkalai apa masalahnya kalau tidak dapat kontraktor-kontraktor boleh melakukan kerja habiskan sahaja kerja sebab rakyat negeri Selangor tunggu-tunggu untuk hospital baru tetapi sampai sekarang tidak boleh habis kita tidak ada tarikh bila hospital Shah Alam ini akan dihabiskan ada masalah-masalah kontraktor tetapi orang jelata di negeri Selangor ini saya nampak yang dalam keadaan yang tidak berapa sihat kalau katakan dengan Jabatan Kesihatan walaupun akan habis tidak tahu bila tahun! *but time.....wrong time* maksudnya hospital itu belum lagi buka tetapi bila buka so dah jadi penuh dan kita kena cari hospital lain. Sebab itu Kerajaan Negeri Selangor telah pun bersedia untuk memberi tanah untuk membina hospital di kawasan Tanjung Karang dan Hulu Selangor ada kita ada 10 ekar 15 ekar sudah ada. Tetapi malangnya di dalam 10 tahun, 10 *plan* dalam kerajaan tiada hospital baru pun akan dibina di Negeri Selangor. Tetapi di negeri Selangor ini dalam pemberian cukai kepada pusat dekat 20% sampai 24% berapa bilion itu tuan kiralah yang diberikan tetapi kita minta hospital baru tidak ada di dalam rancang yang akan dibina dalam negeri Selangor. Sama juga dengan *Dialysis Centre* sebab kepentingan dan keperluan yang *Dialysis Centre* di negeri Selangor ini penting sekarang tidak cukup tempat semua hospital pusat-pusat dialisis penuh. Orang-orang yang menghadapi *dialysis* cari tempat-tempat swasta ataupun tempat-tempat klinik yang dijalankan NGO dan sebagainya. Kos rawatannya tinggi ramai minta bantuan dari negeri untuk bayar *dialysis* sebab itu Kerajaan Negeri telah mulakan pada tahun sebelum ini dengan dana cukup untuk kita

membuat subsidi untuk semua penyakit-penyakit rakyat-rakyat di dalam negeri Selangor yang ada penyakit *dialysis* yang itu kita beri subsidi RM2,000 seorang tidak kita siapa pun dia buat *dialysis* di luar hospital kerajaan kita bagi dia RM2,000. Perbelanjaan di sebanyak ½ juta dan kita belanja setahun. Di atas itu sebab kos-kos rawatan sekarang di hospital-hospital kerajaan sudah meningkat kita ada bantuan untuk katarak kita bayar RM600 untuk satu mata ramai yang minta kita bagi dan *mains surgery* kita bagi RM5,000 sebab mereka tidak layak untuk bayar keadaan di hospital kerajaan. Janganlah kita fikir hospital kerajaan ini adalah satu tempat di mana rawatan percuma semua orang kena bayar sekarang. Prosedur adalah satu percuma tetapi untuk beli macam kanta, pelet dan sebagainya mesti kena bayar sebelum rawatan boleh dibuat *is the perfect*. Sebab itu kita sedikit masalah dengan skim 1 *care* yang telah dilonjakkan oleh Menteri Kesihatan bukan saya katakan skim ini tidak baik tetapi dengan cara skim ini dilakukan kita sangat spesifik di atas skim ini sebab skim ini lihat banyak bantahan hebat kepada skim ini. Kita dimaklumkan kerajaan pusat menangguhkan skim tersebut besar kemungkinannya akan dilaksanakan dengan serta-merta sekiranya Barisan Nasional menerima mandat selepas pilihan raya akan datang. So ini masalahnya dengan kesihatan kalau katakan Sg. Pelek kata orang-orang di Sg. Pelek tetapi kepada Seremban dan sebagainya untuk membuat rawatan lahir di sana sebab di sana tiada hospital di sana kalau ada fasal apa anak-anak dihantar ke luar dari kawasan itu masalahnya. Kita sudah minta hospital untuk dibina tetapi tidak dibina walaupun ramai yang membayar cukai di sana. So saya seperti komitmen kita di dalam Buku Jingga dan sebagainya kita akan membentuk Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan sekiranya diberikan mandat di Putrajaya bagi mutu kesihatan amnya di negara kita. Yang Tuan Speaker lagi satu yang dibangkitkan oleh beberapa ahli-ahli pembangkang ialah tentang isu air di negeri Selangor diwar-warkan kita dalam krisis. Minggu lepas Y.A.B Ijok membangkitkan isu melibatkan isu air di dalam negeri Selangor dan saya ingin membuat sedikit tambahan tentang isu ini. Sekali lagi Utusan Malaysia, TV3 dan Kumpulan NST beri tahu mengatakan tengok air krisis air tahun 2014 sekiranya tidak segera projek penyaluran air dari Pahang ke Projek Loji Langat 2 isu ini terus sensasi oleh Dato' Peter Chin Fah Kui Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang terus mendesak Kerajaan Negeri memberikan lampu hijau untuk pembinaan projek tersebut dengan tergesa-gesa tetapi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sengaja atau tidak sengaja telah menimbulkan sembunyi fakta kos tersebut daripada pengetahuan rakyat Selangor khasnya rakyat Malaysia amnya. Saya kurang pasti Utusan Malaysia atau TV3 ada menyebabkan tentang kos tentang projek tersebut untuk pengetahuan Yang Berhormat di Dewan ini kos tersebut RM8 bilion. Saya ulang sekali 8 bilion. Dan seingat saya ada menyebut jumlah tersebut utusan Malaysia dan TV3 tidak pernah menyebut angka tersebut dalam berita kerana angka tersebut akan menaikkan lagi kemarahan rakyat Malaysia kerana anggaran RM200 bilion juta di salah gunakan dalam skandal lembu sudah cukup menjadi mimpi negeri kepada Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Kita berpendapat angka RM8 bilion adalah satu angka yang tidak disenangi oleh kalangan rakyat Malaysia dalam mereka menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini tetapi bagi pemimpin UMNO dan Barisan Nasional ia merupakan kaedah memperkayakan diri mereka dan syarikat kroni mereka. Syarikat-syarikat kroni yang rapat dengan pemimpin UMNO terus melobi agar projek tersebut disegerakan.



Ekoran ini Utusan Malaysia, Kumpulan NST dan TV3 tanpa henti-henti memutarakan berita berunsur bohong dan fitnah mengatakan bahawa Negeri Selangor dan Kuala Lumpur akan menghadapi krisis air menjelang 2013 dengan harapan rakyat Selangor akan bangkit menentang kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor tetapi rakyat Selangor tidak termakan pembohongan tersebut. Di sini kita ingin memberi amaran kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) jangan berniat jahat untuk sabotaj pembekalan air kepada rakyat negeri Selangor dengan kerap kali mengumumkan gangguan bekalan air di merata kawasan di negeri Selangor dengan alasan penyelenggaraan loji air dan sebagainya kerana Kerajaan Negeri tidak teragak-agak menggunakan kuasa yang diberikan undang-undang untuk mengambil alih aset-aset air di negeri ini daripada mereka untuk melindungi SYABAS kepentingan rakyat negeri Selangor. Ini sudah menjadi semacam *trend* oleh SYABAS untuk mengemukakan gangguan air dan kemudian kita saksikan rakyat bersusah payah menyediakan tong-tong air bagi tujuan menyimpan air. Saya berpendapat ini merupakan satu bentuk *modus operandi* untuk menakut-nakutkan rakyat konon krisis air akan berlaku semasa pemerintahan Pakatan Rakyat di dalam Negeri Selangor. Kita ingin tegaskan di sini bahawa bekalan air mentah yang boleh kita dapat dari sungai-sungai dan beberapa sumber air yang lain negeri Selangor adalah lebih dari mencukupi untuk rakyat Selangor dan Kuala Lumpur menjangkau tahun 2019 dan kita tidak nampak sebarang keperluan untuk kita import air dari Pahang. Isu air di Selangor ialah berkaitan air mentah yang telah dirawat dan bukan kualiti, kuantiti air mentah yang tidak dirawat seperti yang dicadangkan oleh pemimpin Barisan Nasional untuk kita import air dari Pahang. Kita ditegaskan di sini bahawa projek RM8 bilion tersebut tidak ada kaitan dengan rasa prihatin atau pun peduli pemimpin-pemimpin barisan Nasional terhadap keperluan air rakyat Selangor tetapi sebaliknya tujuan utama mereka untuk mengkayakan syarikat-syarikat kroni pemimpin Barisan Nasional tersebut. Kita berpendapat bahawa *kick back* serta komisennya agak lumayan bagi projek yang begini besar ini. Apa yang kita perlu ialah menaikkan taraf infrastruktur loji-loji yang sedia ada bagi menambahkan kapasiti penyimpanan air. Sekali lagi kita sarankan kepada Menteri Pusat yang bertanggungjawab kepada pengurusan air agar tidak berdolak dalih untuk melaksanakan percaturan industri di Negeri Selangor. Harus diingat bahawa Kerajaan Persekutuan terikat di bawah Akta Perkhidmatan Air Industri Air; *Water Services Industry Act* (WSIA) 2006 yang telah didebat dan diluluskan di Parlimen pada tahun 2006. Dalam akta tersebut ia menjadi tanggungjawab kerajaan pusat untuk mengambil alih semua pengurusan aset air di seluruh negara dan dikembalikan aset-aset air untuk diuruskan selia oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Tetapi dalam kes ini, kes ini unik ya, kes ini kalau bila saya katakan kes ini, kes ini saja di negeri Selangor saja, bukan di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia, Selangor sahaja kita merasa sedih kerana kerajaan pusat bukan sahaja gagal menyerahkan balik aset-aset air tersebut sebaliknya terus mencari alasan untuk menggagalkan proses penstrukturan tersebut. Lantaran itu kita mencabar Datuk Peter Chin agar berani berdebat secara terbuka dengan kerajaan Selangor bagi membolehkan rakyat Selangor khas dan rakyat Malaysia umumnya membuat penilaian mereka sendiri berkaitan isu air di dalam negeri Selangor.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, terima kasih kepada EXCO. Baik la berhubungan dengan projek pengangkutan air daripada Pahang dan Kajang telah membaca *The Edge* yang menyatakan waktu itu Dato' Seri Dr. Lim Kim Yaik menteri ketika itu telah tidak sokong, tidak menyokong projek ini dan beliau terpaksa memberi kebenaran dan turunkan tandatangan selepas arahan daripada kuasa yang lebih tinggi dan ini telah membuktikan bahawa beliau sendiri sebagai menteri seorang menteri yang bertanggungjawab tidak sokong projek ini kerana ia tidak mendatangkan manfaat dan selain daripada itu pengangkutan air mentah ya, air mentah di negeri Selangor memang terbukti begitu banyak seperti kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga bahawa air memang terlalu banyak dan hanya masalah bagaimana kita menggunakan atau menakung air ni untuk kegunaan. Jadi memang kita nampak masalahnya kita kekurangan loji rawatan air. Baru-baru ni Negeri Selangor telah berjaya mendirikan sebuah loji rawatan air di Sungai Labu, Sungai Labu ya di mana memang kuasa diberi kepada Selangor untuk menguruskan dan ini telah mengurangkan bebanan yang kita bergantung pada SYABAS dan Puncak Niaga selama ni dan adakah kemungkinan kita wujudkan lebih loji rawatan air ini di sungai-sungai kita untuk memproses air supaya bekalan air bersih memang mencukupi. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM:** Terima kasih Kajang. Memang menteri dulu itu Lim Kim Yaik dia tahu keadaan pasal itu dia tidak tandatangan isu ini tetapi kembali balik kepada isu air mentah. Memang kita rasa kita sudah sedia dengan teknologi-teknologi baru di mana *capital cost* untuk mendirikan loji-loji ini tidak perlu besar macam ini dengan ada *studies*, kajian yang baru di mana kita boleh menggunakan *membrane technology* dan *reverse osmosis* dan sebagainya, kita boleh dapatkan air mentah mencukupi dan bersihkan mereka dan digunakan di kawasan-kawasan tertentu. So, saya harap ya, kita boleh selesaikan isu industri air di dalam negeri Selangor. Kita negeri sedia bila-bila masa pun duduk dengan Menteri dan penyelesaian ini kita nampak sebagai *holistic-approach* untuk selesaikan. Soalan ini di sini ialah fasal apa Pulau Pinang boleh diselesaikan, Pahang boleh diselesaikan, Johor boleh diselesaikan, Negeri Sembilan boleh diselesaikan. Apa hebatnya Puncak Niaga dan SYABAS sebab tidak boleh diselesaikan di dalam negeri Selangor? Adakah Menteri ini tidak digunakan kuasa Menteri yang ada di dalam Menteri? Di dalam tangan kuasanya untuk panggil semua syarikat untuk berunding untuk selesaikan semua masalah ataupun adakah siapa-siapa di atasan memberhentikan untuk kita adakan pertemuan dan juga penyelesaian isu industri air di dalam negeri Selangor. Apa pun negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat kita sedia untuk masa depan dan kita boleh jamin penduduk-penduduk rakyat negeri Selangor bahawa kita tidak akan ada masalah air. Masalah air akan timbul dalam negeri Selangor sahaja kalau ada sabotaj oleh pihak-pihak tertentu sahaja dalam negeri Selangor. Tuan Speaker, saya kembali balik kepada isu yang telah dibangkitkan tentang Yayasan Basmi Kemiskinan oleh ahli-ahli pembangkang. Ini satu isu penting sebab kita kena tahu fakta-fakta yang betul tentang tanah yang telah digunakan oleh Yayasan Basmi Kemiskinan. Kita begitu terkejut bagaimana Perdana Menteri begitu menaruh harapan menggunung kepada sebuah

NGO celah gigi seperti YBK dalam memperjuangkan nasib golongan miskin di dalam Negeri Selangor. Saya rasa ada sesuatu yang agak kurang tentang Perdana Menteri masakan sebuah NGO yang hidup atas belas ihsan orang ramai, syarikat-syarikat korporat dan bantuan dana kerajaan boleh diberikan kredit yang begitu tinggi oleh seorang Perdana Menteri. Kerajaan Negeri mempunyai STANDCO Kemiskinan di bawah saya dan STANDCO Kebajikan di bawah Yang Berhormat Batu Tiga dan kita telah memperuntukkan dana kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan beberapa program pembasmian kemiskinan di dalam negeri Selangor. Program-program *blue print* pemberian kelengkapan ataupun jentera pertanian serta peralatan untuk perniagaan kecil disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Seksyen Sektor UPEN bagi menambahkan pendapatan golongan miskin di dalam negeri Selangor. Program baik pulih dan bina baru golongan ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara berterusan bagi memberikan tempat tinggal yang agak selesa kepada golongan ini. Rekod kita menunjukkan bahawa akaun YBK tidak pernah diaudit sejak beberapa tahun dan urus niaga meragukan. Kredibiliti Lembaga Pengarah yang terdiri dari bekas-bekas pemimpin UMNO sangat diragui tahap kebolehan kepercayaannya. Yang peleknya sebuah NGO yang dikatakan *core business* nya membasmi kemiskinan mempunyai anak syarikat yang terlibat menjadi pengedar menjual Kereta Nasional Kedua. Kerajaan Negeri merampas tanah di Serendah disebabkan YBK gagal menjelaskan cukai tanah lebih daripada 13 tahun di atas tanah berkeluasan 876 ekar tersebut. Tetapi YBK kemudian memanipulasi isu dengan mengatakan bahawa tanah tersebut telah ditawarkan untuk membina sebuah kampus UiTM di tapak tersebut tetapi kita meragui kesahihan cadangan pembinaan kampus itu. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah menawarkan kepada UiTM tanah seluas 1,085 ekar di Jeram Selangor dan UiTM baru sahaja menyiapkan pembinaan fasa I. Kampusnya yang dikenali sebagai kampus Puncak Alam, kita juga dapat masih banyak tanah-tanah yang diberikan kerajaan di tapak tersebut belum dibangunkan. Jadi kita ragui kenyataan pihak tertentu bahawa UiTM bercadang membina kampusnya di Serendah, itu sebaliknya ia dijadikan sebagai alasan dan modal UMNO dan Barisan Nasional kononnya Kerajaan Negeri memindah sebuah institusi pendidikan milikan orang Melayu. Kita juga ingin menasihati pengurusan UiTM agar bersikap profesional dan jangan bermain api dengan Kerajaan Negeri dengan menari mengikut rentak pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Kerajaan Negeri sedang menjalani menjalankan hubungan dengan beberapa persatuan pelajar UiTM agar menjadi *check and balance* supaya UiTM tidak lari dari matlamat dan hala tuju asalnya menaikkan taraf hidup dan *sosio*-ekonomi orang-orang Melayu dan kaum bumiputera, Sabah dan Sarawak dan bukannya menjadi satu kubu golongan permainan politik sahaja. Tuan Speaker, saya sangat sedih bila ketua pembangkang Seri Serdang yang tidak hadir pada hari ini telah bangkitkan isu taraf pemilihan pendaftaran Yang Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor di mana taraf pendaftaran pemilih beliau telah ditukar mulai dari satu kawasan kepada kawasan yang lain tanpa diberitahu kepada beliau. Saya bangkitkan isu ini sebagai EXCO yang menjaga prihatin negeri Selangor sekarang *Caring Government* yang katakan. *Caring Government* ini masalahnya ialah sekarang kita nampak keadaan negeri Selangor dan pendaftaran pengundi baru di dalam negeri Selangor menjadi isu kritikal kepada penduduk-penduduk negeri Selangor. Dalam pilihan raya yang akan datang yang dikatakan

Pilihan Raya Yang Ke-13 (PRU13) kita akan hadapi satu pilihan raya yang memang kotor keseluruhannya sebab apa yang telah dijawab di dalam Parlimen tentang pendaftaran pengundi yang diberikan parlimen di bawah menteri kepada Ahli-ahli Parlimen kita kalau kita baca dengan apa yang telah dibawa dengan pendaftaran pengundi di dalam negeri Selangor sahaja kalau kita berbanding dengan negeri lain dan kawasan lain, peliknya sangat, saya tak tahu macam mana jawapannya. Peningkatan pengundi, pendaftar pengundi di dalam skim SPR ini meningkat tinggi sebegini. Contohnya saya bagi, contohnya Sabak Bernam dalam fasa yang tiga, *third-quarter* sahaja meningkatnya saja 5,711, itu kawasan Sekinchan. Sungai Besar meningkat 6,049, boleh jadilah, ini boleh terima bukan, dalam 4 tahun meningkat macam itu boleh terima, tak ada masalah dengan pendaftaran itu, tetapi kawasan berdekatan Hulu Selangor penduduknya bukan ramai tetapi pendaftaran pengundiannya naik sampai 15,481, hebatnya semua ADUN-ADUN dan juga yang kerja di sana, macam mana ni? Apa yang jadi?

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, boleh saya jelaskan. Ok Tuan Speaker, so saya rasa kita tak boleh tuduhan yang tanpa fakta kerana kan ada kerajaan PKR, DAP sibuk pun mendaftar pengundi di pasar, *supermarket*, di semua-semua tempat perhimpunan. Saya rasa kalau ikut rekod pendaftar pengundi, pengundi baru ni saya rasa daripada pihak PR ini lebih hebat daripada Barisan Nasional. Sekarang you tanya pula mengapa tambah 15,000? Saya rasa ini Seri Andalas nanti saya tanya, saya rasa Seri Andalas dia tak faham, kerana di kawasan Batang Kali ada kawasan baru di Bukit Beruntung, di Bandar Baru Batang Kali, di Sungai Buaya, di Lembah Beringin. Itu semua perumahan baru sudah lupa ke hampir 40,000 pegangan harta sana. So, dulu memang menggalakkan supaya orang muda mendaftar sebagai pengundi sekarang mempertikaikan tambahan pengundi, apa ini kerajaan? Apa ini Parti?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tak ada, tak ada. Saya ingat ....

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat bagi saya jawab dulu selepas saya bagi sebab itu *is good* saya nak *you* orang bangkitkan soalan sebab saya nak jawab. Terima kasih ya Kuala Kubu Baharu, pandai, rajin tapi bolehkah Kuala Kubu Baharu beritahu dengan saya, tahun apa dalam beberapa Pilihan Raya yang lepas peningkatan pengundi meningkat sampai 15,000 di Hulu Selangor? Ada ke rekod?

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Kalau ikut dulu tak ada kempen daftar pengundi. Lu kan baru-baru tahun 2008 Kempen mendaftar pengundi begitu hebat telah dibuat dari Parti PAS, Keadilan sehingga rumah ke rumah untuk mendaftar pengundi dah lupa semua ini? Kerja-kerja sudah buat sudah lupa sekarang oh mempertikaikan tambah pengundi 15,000 kali di pihak BN pun kena tanya mengapa tambah 15,000. Kami mengapa pengundi tambah

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya bagus *you* tanya soalan itu. Sebagai seorang Ahli tanya soalan pokok ini bukan soalan pasir, soalan ini yang lebih pokok di politik tentang pasir di dalam...

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Betul sekarang jawapan daripada Seri Andalas olah-olah mengelirukan rakyat bahawa tambahan pengundi ini tak sihat adalah buatan Barisan Nasional. Saya ini mempertikaikan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bagi saya...

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Saya rasa ini tidak adil.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Duduk, duduk saya bagi fakta, katakan Hulu Selangor.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Dato' Speaker

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** katakan Hulu Selangor 15,481 *okay*. Tanjung Karang meningkat undian di Tanjung Karang 4,307. Penduduk macam mana jadi lagi satu Kuala Selangor meningkatnya 10,083, Selayang meningkatnya 16,189, Gombak meningkatnya 15,676, Ampang 10,000, Pandan 13,000, Hulu Langat 23,000, Serdang 23,000, Puchong 19,000, Kelana Jaya 13,700, Petaling Jaya Selatan 4,000, Petaling Jaya Utara 5,000, Subang, Templer berapa? Peningkatan

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Yang Berhormat Dato' Speaker, minta laluan. Saya sebenarnya bila menyentuh, terima kasih ya, bila menyentuh Selayang saya rasa fakta itu tak betul. Saya tak tahu Yang Berhormat ini ambil dari mana kerana fakta yang saya sendiri ialah dari mana SPR ke? *Okay* berbalik bagi peluang, bagi peluang, bagi saya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita gunakan masa yang baik ini, hanyalah untuk yang singkat saya tahu untuk menjawab soalan-soalan yang berfaedah khususnya sebagai EXCO yang menjaga kesihatan soalan-soalan yang diajukan biarlah soalan yang soalan yang beri manfaat kepada rakyat. Kalau nak cakap fasal politik kak luar, nak cakap fasal pengundi nak cakap pasal itu menuduh-nuduh saya rasa memanglah betul cakap Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** YB memang tak melawat kawasanlah fasal sibuk menjaga politik. *At least* eloklah YB saya pun hormat YB tapi jawablah soalan yang ada manfaat kepada rakyat kerana rakyat bukan nak dengar politik di sini, nak dengar kemajuan apa yang kita naik buat. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat kalau

**TUAN SPEAKER:** Tak kira, Yang Berhormat patut bangkit Peraturan 361 balik pada buku ini, saya macam, rasa macam berada dalam Parlimen dengar penggulungan dari

Dato' Seri Nazri tentang SPR, saya rasa perkara ini di luar kuasa Dewan ini. Baik kita balik pada perkara-perkara di bidang kuasa Dewan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat ini Negeri Selangor bukan sahaja katakan di luar Negeri Selangor, kalau kita tidak tahu fakta-fakta macam ini di dalam Dewan

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Speaker, Yang Berhormat *point* 361.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Memang ini perkara Selangor tapi ini bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Lebih baik kita bincangkan perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Sila.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker, tapi saya ingat saya nak bawa kepada rakyat Negeri Selangor tentang isu ini sahaja walaupun di Parlimen tapi ini berdekatan dengan rakyat Negeri Selangor yang pilih Dewan ini juga.

**TUAN SPEAKER:** Tapi kalau ini di bawa sebagai usul, saya boleh terima. Tapi ini bila penggulungan saya rasa....

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, Speaker, saya rasa...

**TUAN SPEAKER:** Pergi portfolio yang lain, saya rasa banyak juga portfolio Yang Berhormat jaga ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, terima kasih Speaker. Speaker saya, saya dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mendengar rintihan dan sebagainya dan saya harap kita boleh bekerjasama sebagai satu pasukan untuk meningkat taraf hidupan di dalam Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL:** Tuan Speaker, saya ingin menggulung Perbahasan saya kali ini dengan mengucapkan terima kasih terlebih dahulu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam minggu lepas dengan menyentuh beberapa perkara yang bersangkutan dengan portfolio saya. Saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat juga selain mengemukakan soalan, beberapa soalan kepada saya tetapi yang lebih membanggakan kebanyakannya juga telah memberi pandangan-pandangan yang membina seperti Yang Berhormat Bukit Antarabangsa yang telah menimbulkan isu pencapaian *internet* dan isu wanita. Yang Berhormat Kajang telah pun memberikan pandangan yang baik dalam isu kemiskinan bandar dan juga Yang Berhormat Bangi yang prihatin tentang warga emas yang masih hidup dan juga isu sains teknologi yang katanya perlulah membentuk kemesraan. Yang saya

mengambil kira perkara ini *Insyah-Allah* saya akan jadikan panduan dalam Perancangan yang akan datang.

Tuan Speaker, ada juga yang saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak kesedaran, saya pun cuba cari istilah yang tepat atau pun dalam Inggerisnya *ignorance* ketidaksiaran atau pun tak ambil kisah dan cuba mempolitikkan fakta yang sedia ada. Tetapi hairannya Sekinchan seluruhnya adalah kali ini dibangkit oleh Barisan Nasional. Jadi saya ingin menjawab isu-isu yang dibangkit oleh Seri Serdang dan juga Sungai Pelek iaitu isu-isu berkaitan kononnya Kerajaan Negeri Selangor tidak bertanggungjawab dan beliau pelik, atau pun dia sudah bersama Sungai Pelek, tidak faham, tidak tahu Apakah Program-program Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan. Izinkan saya membentangkan beberapa perkara di bawah Program Merakyatkan Ekonomi di Selangor yang manfaatnya telah pun didapati oleh rakyat di Seri Serdang. Kan dikatakan di sini bimbang telah pun mendapat permohonan sebanyak 277 orang yang melibatkan 2,222, RM222, *sorry* RM200,222 telah dihabiskan untuk program MIMBAR Seri Serdang.

Skim Mesra Usia Emas pendaftaran telah dibuat sebanyak 2,792 orang yang mana 387 daripada warga emas telah pun meninggal. Saya tak tahu sama ada Seri Serdang pergi melawat atau tidak. Kematianya ada di kawasan beliau.

Skim Kesihatan Wanita yang telah pun mendaftar sebanyak 273 orang dan Tabung Warisan Anak-anak Selangor yang dikatakan dalam *hansard* yang saya baca mengatakan Seri Serdang Tabung permulaan RM1,000, RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor tak ada. Saya nak sebut kerananya Tabung Warisan ini telah ada dan penduduk Seri Serdang telah mendaftarkan anak mereka 1,164 orang jadi isunya banyaklah lagi kalau saya nak nyatakan daripada tetapi nasihat saya Seri Serdang jangan bagi skrip orang lain buat mungkin APCO yang tolong buat skrip tersebut. Saya tak pasti tetapi isunya adalah saya bersimpati dengan Seri Serdang, kerana Seri Serdang tidak bertanggungjawab dalam apa juga persoalan yang ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga ingin saya nyatakan di sini Seri Serdang telah mengatakan Kerajaan Negeri Selangor tidak bersungguh-sungguh juga tidak ada ketelusan di dalam melaksanakan program hatta projek dan program-program yang ada telah membazir dan rugi. Ingin saya ambil satu contoh sahaja dalam program merakyatkan ekonomi Selangor. Satu sahajalah tak nak banyak iaitu Program Mammogram yang sekarang ini Kerajaan *Federal* baru nak cerita tentang *mammogram*. Saya ingin menyatakan di sini *mammogram* atau pun program yang dilaksanakan bawah namanya Skim Kesihatan Wanita. Skim ini sebenarnya telah menunjukkan Pentadbiran atau pun Tadbir urus yang begitu baik di mana tidak ada berlaku kerugian kalau di banding dengan kerajaan, Persekutuan atau pun Barisan Nasional. Program ini kalau saya ambil statistik yang dikeluarkan oleh Dewan Rakyat yang mengatakan bahawa Skim Mammogram ini subsidi dia RM50 yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi untuk Kerajaan Negeri Selangor kita memperuntukkan RM90 subsidi. Tetapi yang ingin saya nyatakan adalah jumlah subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan Selangor untuk seramai 8,225 orang kami membelanjakan RM740,250 tetapi untuk subsidi *mammogram* yang hanya manfaatnya kepada 18,000 orang dalam

tempoh 11 atau 4 tahun RM50 setiap seorang membelanjakan RM900,000, tak apa tetapi yang ingin saya bandingkan kos operasinya. Kos operasi yang begitu jauh beza antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan bilamana kos operasi yang Kerajaan Negeri Selangor berikan hanya RM5, 5.99% dibandingkan kos operasi Kerajaan Persekutuan 99.38% beza atau tidak? Maksudnya kerajaan Selangor cuba sebaik mungkin supaya usaha-usaha merakyatkan ekonomi Selangor ini kos pentadbiran dan pengurusan itu dikurangkan seminimum mungkin tetapi yang manfaat itu terus-terus kepada rakyat dan di situlah kita tengok ketirisan itu berlaku di mana Kerajaan Selangor dalam 5.99% itu hanya RM47,000 sahaja dibelanjakan untuk kos operasi untuk Skim Kesihatan Wanita sedangkan kerajaan Persekutuan membelanjakan RM144 juta kepada program ini. Jadi ini yang ingin saya bantah atau yang saya ingin bangkitkan di sini bahawa jangan sesekali kerajaan atau pun pembangkang menuduh Kerajaan Negeri ia tidak bertanggungjawab dan melaksanakan program yang rugi kononnya dan ketirisan yang banyak.

Izinkan saya juga menjawab soalan dari Sungai Pelek iaitu isu Tabung Warisan Anak Selangor Sungai Pelek menyatakan bahawa ramai daripada kawasan beliau yang tidak dapat manfaat daripada program ini. Saya ingin bacakan statistik ini bahawa seramai 706 anak-anak di Sungai Pelek telah pun mendaftar yang mana penolakan hanya 20 orang itu pun disebabkan, saya minta maaf penolakan sebanyak 88 orang di mana 20 nya adalah kerana ibu bapa tersebut memohon secara *online* tetapi tidak dikemukakan dokumen yang sewajarnya salinan seperti *my-kid*, *my-card* dan sebagainya. Tetapi kita telah kembalikan semula dokumen ini kepada pihak ibu bapa tersebut supaya beliau dapat mengepilkkan bersama program ini dan 68 lagi tidak menepati syarat. Ingin saya bacakan di sini isu yang ingin ditimbulkan ialah tidak dapat mendaftar. Sebenarnya di dalam syarat kerajaan pemurnian telah dilakukan di antara syarat-syarat yang ada iaitu syarat ketiga mestilah warga negara Malaysia, lahir di luar negeri Selangor, iaitu daerah, lahir daripada daerah negeri yang bersempadan dengan negeri Selangor iaitu Negeri Sembilan, Perak, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Pahang mulai 1 Januari 2008 dan jika ibu bapa lahir di negeri lain yang bersempadan dengan Negeri Selangor iaitu Negeri Sembilan, Perak, Wilayah Persekutuan yang perlu mendapatkan pengesahan taraf permastautinan daripada ketua kampung, penghulu dan sebagainya. Jadi ini yang ditimbulkan kononnya tidak dapat pengesahan dan akhirnya kanak-kanak atau pun mereka tidak dapat terlibat. Saya ingin nyatakan di sini borang Tabung Warisan Anak Selangor tidak langsung kita ketepikan mana-mana pihak yang boleh memberikan pengesahan tersebut termasuk ADUN sendiri. Jadi jangan persalahkan ahli majlis, jangan persalahkan ketua kampung, ADUN sendiri boleh buat pengesahan dan hantar borang ini kepada pihak kerajaan untuk kita luluskan. *Insyah-Allah* jadi itulah saya ingin nyatakan di sini bahawa setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor mengaudit program-program merakyat dengan ekonomi Selangor, bukan apa kita bimbang ada perkara-perkara yang tertinggal atau pun tidak mengikut prosedur yang menyebabkan kami terpaksa mengaudit setiap program yang ada dan kita bawa isu-isu ini dan kita perbaiki perkara-perkara yang perlu menjadi satu pengurusan yang cekap di dalam Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Boleh sambung esok.



**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL:** Boleh saya teruskan? Saya akan sambung esok. Tuan Speaker terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian masa sudah 4.30 petang maka Dewan ditangguhkan hingga hari esok 27 Mac 2012 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**